

DR.2.11.2000

[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 2 November 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Ronald Kiandee [Beluran]** minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk membendung kemasukan pelarian daripada Selatan Filipina akibat pergolakan yang berlaku di kawasan berkenaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]:

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Beluran, Petaling Jaya Utara, Tanjung Aru, Keningau, Tawau, Gaya dan Lubuk Antu serentak memandangkan perkara yang dibangkitkan mempunyai kaitan antara satu sama lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum dianggarkan terdapat 600,000 pendatang asing di negeri Sabah yang terdiri daripada tiga kategori seperti berikut:

- (i) pelarian – iaitu mereka yang berasal dari Selatan Filipina dan masuk ke Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan bermula dari tahun 1972 hingga tahun 1984 disebabkan oleh kekacauan politik yang berlaku di wilayah tersebut. Bilangan mereka seramai 57,197 orang;
- (ii) buruh asing – iaitu mereka yang terdiri daripada warga Indonesia dan Filipina yang masuk dan bekerja dengan

menggunakan dokumen perjalanan dan pas lawatan yang sah dan bekerja di sektor-sektor yang dibenarkan seperti sektor perladangan, pembuatan, pembinaan, perikanan dan pembantu rumah untuk tempoh masa tertentu sehingga lima atau tujuh tahun. Bilangan mereka seramai 413,832 orang; dan

- (iii) pendatang tanpa izin ataupun PTI – iaitu mereka yang terdiri daripada pendatang asing masuk tanpa menggunakan dokumen yang sah ataupun dokumen perjalanan yang digunakan termasuk pas lawatan telah luput tempoh sah laku. Bilangan mereka dianggarkan di antara 100,000 hingga 150,000 orang. Dasar kerajaan terhadap pendatang asing adalah berasaskan kepada tiga kategori yang saya sebutkan tadi seperti berikut:
- (a) untuk golongan pelarian, mereka dibenarkan tinggal di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan tanpa had masa tetapi digalakkan kembali ke negara asal apabila keadaan mengizinkan;
 - (b) buruh asing, iaitu mereka dibenarkan bekerja di sektor perladangan, pembuatan, pembinaan, perikanan dan pembantu rumah untuk tempoh masa tertentu sehingga lima atau tujuh tahun; dan
 - (c) pendatang asing tanpa izin, mereka tertakluk kepada tindakan tangkapan dan dihantar pulang ke negara asal.

Mengenai soalan Yang Berhormat bagi Keningau mengenai kedudukan pelarian Filipina di Sabah, saya ingin maklumkan sebahagian besar daripada pelarian Filipina pada masa ini masih lagi berada di negeri Sabah. Kerajaan Malaysia membenarkan mereka tinggal di negeri ini memandangkan keadaan di selatan Filipina yang masih tidak menentu sehingga ini.

Mengenai soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Tanjung Aru, seperti yang dijelaskan tadi dan beberapa kali sebelum ini dasar kerajaan terhadap pendatang tanpa izin adalah jelas iaitu mereka tertakluk kepada tindakan tangkapan dan dihantar pulang ke negara asal masing-masing. Dengan itu persoalan sama ada kerajaan bercadang untuk menanggung satu populasi pendatang haram Filipina yang berada di Sabah tidak berbangkit sama sekali.

Mengenai soalan Ahli Yang Berhormat bagi Petaling Jaya mengenai penempatan-penempatan haram, adalah agak sukar untuk menentukan jumlah penempatan pendatang haram yang sebenar. Ini adalah disebabkan kewujudan penempatan pendatang haram adalah bercampur aduk dengan penempatan-penempatan setinggan tempatan. Mengikut maklumat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Sabah terdapat 117 penempatan setinggan di seluruh Sabah yang didiami oleh 121,407 orang penduduk. Daripada jumlah tersebut 64,901 orang iaitu 54% merupakan penduduk setinggan tempatan manakala bakinya 56,506 iaitu 46% adalah penduduk setinggan imigran.

Pelbagai langkah telah diambil untuk menangani masalah yang berkaitan pendatang asing khususnya di Sabah. Antaranya ialah:

- (i) operasi bersepadu serta operasi bersendirian oleh agensi-agensi penguatkuasaan kerajaan untuk menangkap dan menghantar pulang pendatang tanpa izin dibuat secara berterusan dan dipertingkatkan dari masa ke semasa; dan
- (ii) pemantauan serta pengawalan pintu masuk ke perairan Sabah telah ditingkatkan melalui tambahan kawalan oleh TLDM dan Polis Marin.

Menyentuh soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Beluran mengenai langkah-langkah yang diambil untuk membendung kemasukan pelarian daripada Selatan Filipina akibat pergolakan yang berlaku di kawasan berkenaan, langkah-langkah tambahan telah diambil seperti berikut:

- (i) meningkatkan rondaan dan pemantauan pintu masuk dan perairan Sabah secara berterusan melibatkan kapal-kapal TLDM dan Polis Marin;

- (ii) menempatkan lebih ramai anggota keselamatan dan aset di Pantai Timur Sabah seperti berikut:
 - (a) menempatkan satu batalion tambahan Tentera Darat Malaysia;
 - (b) menempatkan satu batalion tambahan Pasukan Gerakan Am;
 - (c) menempatkan 29 kapal TLDM dan 14 bot Polis Marin; dan
 - (d) menempatkan lima pesawat Hawks dan 2 helikopter TUDM masing-masing di Sandakan dan Tawau.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat ba gi Lubuk Antu, kawalan sempadan oleh pasukan keselamatan di sempadan Sabah, Sarawak dengan Kalimantan Barat juga dibuat secara berterusan dan dipertingkatkan dari masa ke semasa. Di antara tindakan yang diambil termasuk:

- (i) Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengadakan sekatan-sekatan jalan raya 24 jam di beberapa lokasi strategik yang dikenal pasti sebagai laluan pendatang asing tanpa izin. Selain daripada itu tindakan untuk mengenal pasti lokasi-lokasi di mana PTI bekerja terutama di ladang-ladang, tapak pembinaan dan kem-kem pembalakan telah dan sedang dilaksanakan. PDRM juga sedang mengatur gerak anggota-anggota PGA untuk rondaan terkoordinasi dengan polis Indonesia di bawah kerjasama General Border Committee (GBC);
- (ii) Jawatankuasa Perancang Gerakan Negeri juga bertanggungjawab pada keseluruhan operasi gerakan dalam negeri Sabah dan Sarawak dan sentiasa membuat penilaian keadaan dan keperluan-keperluan yang ada bagi memastikan perbatasan negara sentiasa diawasi daripada pencerobohan PTI; dan

- (iii) Penduduk-penduduk di sempadan juga telah diminta memberikan kerjasama kepada pihak berkuasa bagi memantau dan memaklumkan agensi-agensi terdekat berkaitan dengan kehadiran pendatang asing tanpa izin di kawasan mereka. Ini telah dilaksanakan melalui kursus, ceramah dan beberapa pendekatan lain kepada ketua-ketua kampung, ketua masyarakat dan anggota-anggota RELA.

Tindakan menangkap dan menghantar pulang PTI dibuat secara berterusan dan dipertingkatkan dari masa ke semasa. Sebagai makluman ahli-ahli yang berkenaan, jumlah tangkapan yang dibuat dari tahun 1995 hingga tahun 2000 adalah seramai 109,416 orang iaitu 59,000 pendatang Filipina dan 50,416 pendatang Indonesia. Dalam tempoh yang sama seramai 108,906 pendatang asing tanpa izin telah dihantar pulang ke negara asal mereka, manakala bagi negeri Sarawak seramai 19,763 pendatang asing tanpa izin telah ditangkap dan 19,717 telah dihantar pulang ke negara asal.

Secara keseluruhannya sejak tahun 1990 seramai 132,240 pendatang tanpa izin yang terdiri daripada 66,414 Filipina dan 65,826 Indonesia telah dihantar pulang ke negara asal masing-masing. Selain itu sejumlah 26,513 pendatang tanpa izin Filipina dan 860 pendatang tanpa izin Indonesia telah kembali secara sukarela menjadikan jumlah keseluruhan pendatang tanpa izin yang dihantar pulang bagi tempoh tersebut kepada seramai 159,613 orang. Bagi tahun ini sejak Januari hingga September 2000 seramai 19,493 pendatang asing tanpa izin yang terdiri daripada 9,943 Filipina dan 9,520 Indonesia telah dihantar pulang.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar akan implikasi-implikasi kehadiran pendatang asing di Sabah khususnya PTI. Kehadiran pendatang asing yang besar jumlahnya telah menimbulkan pelbagai masalah-masalah politik, keselamatan, sosial, perwujudan penempatan setinggan yang besar khasnya di kawasan bandar yang menjadi sarang kepada pelbagai kegiatan jenayah.

Di sebaliknya pula pendatang asing merupakan sumber pekerja di ladang-ladang dan kilang-kilang di negara ini. Untuk mencari penyelesaian muktamad masalah pendatang asing, Kabinet telah membuat keputusan pada 18 Oktober lalu

untuk menubuhkan Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Jawatankuasa ini diwujudkan bagi menangani masalah pendatang asing di seluruh negara.

Tuan Ronald Kiandee: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri kerana memberi jawapan yang begitu terperinci tentang masalah pendatang tanpa izin di Sabah.

Sesungguhnya memang diakui bahawa pendatang tanpa izin seperti yang dijawabkan tadi telah membawa masalah yang banyak kepada masyarakat Malaysia di Sabah terutamanya. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah kerajaan akan meneruskan niat untuk memindah masyarakat-masyarakat pulau yang sering diancam oleh pendatang ini dan juga apakah kerajaan berniat untuk melaksanakan hasrat untuk resettle dan juga menempatkan pendatang baru yang akan datang ini ke pulau-pulau setempat yang akan dipastikan kelak. Terima kasih.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat bagi Beluran, saya ingin menjelaskan bahawa kerajaan tidak bercadang untuk menempatkan penduduk-penduduk rakyat Malaysia di pulau-pulau ke tempat yang lain.

Saya juga ingin menjelaskan bahawa pe nempatan pendatang asing kepada satu pulau akan menimbulkan masalah dari segi logistik, dari segi kemudahan asas, bekalan air, bekalan elektrik dan sebagainya.

Jadi, ini semua adalah perkara-perkara yang diambil kira oleh kerajaan dan oleh sebab masalah ini adalah satu masalah yang akan mengakibatkan tenaga Kerajaan Malaysia ini, kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa untuk menangani masalah untuk seluruh negara.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ucap tahniah dan terima kasih kepada menteri yang telah mengambil tindakan tegas melalui usaha kerajaan iaitu membuat rondaan, penempatan kakitangan yang lebih dan juga peralatan seperti Skyhawk di sempadan. Sepatutnya perkara ini telah lama kita lakukan, bukan masa ini tetapi syukur juga.

Tetapi sebenarnya masalah pendatang di Pantai Timur Sabah ini adalah akibat tekanan ekonomi dan juga keadaan hidup mereka yang susah di kawasan tersebut dan

juga keadaan keselamatan yang tidak terjamin. Apakah ada usaha-usaha di peringkat kerajaan, *government to government* Tuan Yang di-Pertua, perundingan melalui forum-forum tertentu misalnya ASEAN ataupun OIC dengan izin, atau pun agensi-agensi pembangunan kemasyarakatan seperti Asean Development Bank ataupun penglibatan pelabur-pelabur Malaysia seperti public listed company dengan izin, seperti Tabung Haji dan sebagainya untuk membantu meningkatkan taraf hidup dan juga keadaan kehidupan mereka yang tertekan di Pantai Timur ataupun di selatan Filipina itu dan ini akan menghalang mereka daripada merayau-rayau mencari rezeki sehingga menjadi pelarian di Sabah. Terima kasih.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Sipitang itu adalah cadangan yang baik sekali dan saya akan kemukakan ini semua kepada Jawatankuasa Kabinet yang telah ditubuhkan.

2. **Dato' Yap Pian Hon [Serdang]** minta Menteri Kewangan menyatakan, berapakah jumlah peruntukan yang telah disalurkan oleh kerajaan sejak penubuhan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) dan apakah langkah yang akan diambil oleh MDC tanpa dibiayai oleh pihak kerajaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah peruntukan yang disalurkan dari kerajaan kepada Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) adalah sebanyak RM177.50 juta dalam bentuk ekuiti dan RM147.50 juta dalam bentuk pinjaman.

Untuk makluman Yang Berhormat, MDC ditubuhkan untuk membangunkan industri teknologi maklumat dan multimedia dengan menyediakan *environment* multimedia yang bertaraf dunia, bukan sahaja bagi menarik syarikat-syarikat multimedia bertaraf antarabangsa untuk melabur di Koridor Raya Multimedia (MSC) bahkan juga membantu dalam mempertingkatkan keupayaan syarikat tempatan supaya dapat menghadapi cabaran pembangunan teknologi maklumat yang pesat dan terus dapat bersaing di peringkat antarabangsa. Ke arah ini MDC memberikan keutamaan dalam pembangunan sumber manusia yang mahir dalam bidang teknologi

maklumat dan multimedia serta membantu dalam pelaksanaan aplikasi *flagship*, dalam bidang *smart school*, *e-government*, *telemedicine* dan sebagainya.

MDC tidak bergantung sepenuhnya kepada sumber kerajaan untuk membiayai operasinya. MDC melalui penglibatan diri dalam urusan yang bercorak perniagaan seperti memberi perkhidmatan juruperunding dalam industri teknologi maklumat, perkhidmatan pengurusan, perkhidmatan telefon melalui Internet, penerbitan majalah teknologi maklumat serta membantu syarikat dalam penubuhan *E-business*, dan ini dijangka mampu menjana sumbernya sendiri tanpa perlu terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan. Terima kasih.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen beritahu dalam Dewan yang mulia ini, berapa amaun peruntukan diadakan untuk tujuan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) untuk diadakan di MDC supaya kita dapat mengadakan peluang penyelidikan yang bertaraf dunia untuk memanfaatkan pakar-pakar yang kita sekarang hendak minta mereka balik dari luar negara untuk berkhidmat di negara kita ini untuk memajukan MDC dan bila mereka balik, mereka ada peluang untuk melanjutkan bidang R&D dalam hal ini.

Sekian, terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Sebenarnya untuk tujuan R&D, MDC melalui anak-anak syarikatnya sedang melaksanakan program R&D dengan giatnya. Sebagai contoh, perkembangan R&D yang dikendalikan oleh anak-anak syarikat MDC ialah pada tahun 1997 perbelanjaan untuk R&D adalah sebanyak RM10 juta tetapi pada tahun 2000, tahun ini, perbelanjaan untuk R&D meningkat kepada RM74 juta. Dan, ini menunjukkan bahawa kita memberikan satu tumpuan yang khusus kepada R&D supaya hasil-hasil R&D itu nanti dapat dimanfaatkan dan dipasarkan lebih-lebih lagi apabila kita membawa kembali pakar-pakar kita daripada luar. Dengan insentif yang diberikan melalui Belanjawan baru-baru ini, maka kita harap program R&D akan dapat dilaksanakan dengan lebih sempurna, lebih mantap dan lebih berjaya. Terima kasih.

Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Sehubungan dengan Putrajaya, satu daripada bandar yang terdapat

di dalam kawasan MSC ini, bolehkah pihak kerajaan menjelaskan, apakah status dan kepentingan MDC ke atas Putrajaya apabila Putrajaya ini jadi Wilayah Persekutuan, selepas kita ketahui apabila bertaraf Wilayah Persekutuan, segala kepentingan dalam Putrajaya itu di bawah pentadbiran dan pengurusan pihak Kerajaan Persekutuan. Sekian, terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya soal Putrajaya merupakan satu entiti yang berlainan dan tidak termasuk dalam program MDC. Dan, masa depan Putrajaya akan ditentukan nanti dan setakat ini Putrajaya adalah suatu entiti yang sama sekali berlainan dan tidak termasuk dalam program MDC.

3. **Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad [Lipis]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan pecahan peruntukan mengikut negeri bagi membiayai pembinaan laluan motosikal di jalan-jalan Persekutuan dan apakah lain-lain langkah yang diambil untuk mengatasi masalah kemalangan jalan raya di laluan tersebut.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan program Pembinaan Laluan Motosikal bagi membendung kemalangan jalan raya yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 20 September 2000 yang berjumlah RM262 juta, 15 lokasi telah dikenal pasti di lima negeri. Pecahan peruntukan setelah diagihkan di antara lima negeri mengikut jarak panjang lorong motosikal adalah seperti berikut:

Negeri		RM (juta)
Johor	-	1,011.360
Terengganu	-	17.40
Kedah	-	6.22
Perak	-	88.74
Pulau Pinang	-	38.28

Agihan-agihan tersebut dibuat mengikut tiga kriteria utama seperti berikut:

- (i) berasaskan jumlah kenderaan yang melebihi 30 ribu kenderaan sehari;
- (ii) berasaskan komposisi motosikal yang melebihi 30%; dan

- (iii) berasaskan kadar kemalangan motosikal yang lebih 5 bilangan kemalangan motosikal setahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain dari program tersebut di atas, kementerian dan Jabatan Kerja Raya ada menjalakan program pembaikan kawasan-kawasan kemalangan iaitu dengan izin, *Black Spot Treatment*, di mana kawasan-kawasan tersebut berkemungkinan termasuk di laluan-laluan yang dikenal pasti dalam program di atas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada pembinaan lorong motosikal, pihak kerajaan juga sentiasa mengambil tindakan pencegahan seperti berikut: audit keselamatan jalan raya; pembaikan kawasan-kawasan kemalangan; kempen keselamatan jalan raya; penurapan bahu jalan dan menaikkan taraf jalan dari dua lorong, dua hala ke empat lorong dua hala.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya amat tertarik dengan jawapan Menteri tadi berhubung dengan langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak kerajaan untuk mengelak berlakunya kemalangan jalan raya terutama di kalangan penunggang-penunggang motosikal. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah ini langkah terakhir diambil oleh kerajaan untuk memastikan satu jaminan bahawa ianya dapat mengatasi masalah 'kekurangan' jumlah kemalangan di kalangan penunggang-penunggang motosikal memandangkan masih ada penunggang-penunggang motosikal yang mengambil kesempatan untuk berlumba haram di sesetengah tempat jalan lebuhraya. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar RM262 juta ini bukan boleh mengatasi masalah kemalangan. Jadi, rancangan ini menjadi rancangan pertama dan kita harap juga selepas ini kita akan mengkaji macam manakah reaksi yang kita dapat daripada penunggang-penunggang motosikal. Walau bagaimanapun, saya percaya dengan pembinaan lorong motosikal dengan peruntukan RM262 juta, saya percaya kita boleh juga mengurangkan kemalangan dan kematian yang berlaku sekarang.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, kemalangan ini juga berpunca daripada kesesakan yang berlaku dengan tiba-tiba. Misalnya baru-baru ini,

lebuhraya Kuala Kangsar-Ipoh ditutup kerana lori terbalik. Kami terpaksa lalu jalan lama, ikut kawasan Yang Berhormat. Daripada empat lorong jadi satu lorong, di bawah jambatan yang atasnya keretapi. Apalah jadi Menteri Jabatan Kerja Raya begitu lama, jalan itu masih satu lorong. *[Ketawa]* Sehingga Kuala Kangsar sampai Ipoh, saya mengambil masa 3 jam setengah pada hari itu. Ceramah saya di Selangor terpaksa batal *[Ketawa]* kerana kelewatan itu. Barangkali ini sabotaj daripada Sungai Siput. *[Ketawa]* Jadi, kenapa jalan itu tidak dibesarkan? Bila jadi sesuatu hal di lebuhraya, kita boleh lalu di jalan itu. Satu lorong, kurang-kurang jadikanlah dua di bawah jambatan itu. Ini Menteri Jabatan Kerja Raya tidak buat kerja di kawasan sendiri ah? *[Ketawa]*

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kehilangan besar dihadapi oleh Ahli Yang Berhormat itu sudah hilang satu ceramah, bukan? *[Ketawa]* Walau bagaimanapun, kerajaan sedang membesarkan jalan, menaik taraf daripada Ipoh ke Kuala Kangsar. Tempat yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi iaitu Salak Utara di mana ada dua lorong menjadi satu lorong, kerajaan telah meluluskan RM26 juta untuk 'menjalankan' satu jejantas atas jalan itu dan ini akan dibina selepas kita memanggil tawaran.

Selain dari itu, kemalangan yang telah berlaku di Lebuhraya Utara-Selatan, di kawasan dekat Kuala Kangsar, pada hari itu ialah satu tangki petroleum terbalik, oleh kerana itu kita telah diarah oleh Jabatan Bomba jangan membenarkan mana-mana kenderaan melalui kerana ia merbahaya.

Jadi, saya telah menghubungi Menteri Pengangkutan untuk mengambil tindakan yang lebih tegas atas lori-lori yang mengambil dan memuat keberatan yang tinggi tetapi laju di atas lebuhraya itu.

Jadi, saya percayalah kita boleh mengambil tindakan untuk mengatasi perkara-perkara seperti itu. Tetapi satu jawapan dari saya, iaitu walaupun saya jadi Menteri Kerja Raya, saya tidak boleh menggunakan peruntukan di kawasan saya sendiri. *[Tepuk]* Itu yang pertama. Kita kena minta rancangan-rancangan disiasat oleh Kementerian Kewangan. Apabila kita dapat peruntukan sahaja kita boleh membina jalan. Walau bagaimanapun, saya ucap terima kasihlah kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil kira kawasan saya *[Ketawa]*

4. **Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]** minta menteri perdagangan dalam negeri dan hal ehwal pengguna menyatakan apakah persiapan kementerian untuk membendung kenaikan harga barang-barang keperluan pengguna berikutan kenaikan harga minyak petrol dan bagaimanakah nisbah kenaikan petrol dan harga barang-barang masa kini.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna memohon izin untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Tan Chai Ho: Sekali dengan pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Beluran pada 9 November 2000 kerana isu yang dibangkitkan adalah sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mempertingkatkan langkah-langkah pemantauan harga sebaik sahaja pengumuman mengenai kenaikan harga bahan-bahan petroleum dibuat oleh kerajaan pada 1 Oktober 2000. Kementerian telah mempergiatkan lagi pengumpulan data-data mengenai harga terutama barang-barang di bawah pengawasan kementerian pada setiap minggu di seluruh negara.

Di samping itu Bahagian Penguat Kuasa Kementerian telah dan akan terus membuat seberapa banyak pemeriksaan ke kedai-kedai untuk mengesan kenaikan harga di seluruh negara dan mengambil tindakan yang sewajarnya jika didapati kenaikan harga yang tidak munasabah. Perbincangan dengan pihak-pihak terlibat seperti pembekal, pengeluar, pengimport serta persatuan peniaga juga diadakan untuk mengetahui keadaan terkini mengenai harga barang-barang. Jaminan mereka untuk tidak menaikkan harga barang-barang mereka, memberi keyakinan bahawa publisiti dan kempen-kempen persuasif kementerian telah mendapat sambutan yang baik.

Pihak yang terlibat dalam pengangkutan juga memberi jaminan tidak ada kenaikan kos/caj pengangkutan. Kenaikan harga bahan-bahan petroleum sebanyak 10% yang telah diumumkan baru-baru ini hanya menyumbang kurang 1% kepada

kenaikan harga keseluruhan. Bagi barang-barang kawalan seperti gula, tepung gandum, susu pekat manis, minyak masak, roti dan ayam, harga bumbung atau *ceiling price*, telah ditetapkan. Sebarang kenaikan harga perlu mendapat kelulusan kementerian. Ini menjamin bahawa harga barang-barang keperluan tidak akan dinaikkan berikutan kenaikan harga petroleum.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. soalan tambahan. Saya amat sedih bahawa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tidak ada Menteri atau Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen untuk menjawab soalan di Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun, saya suka bertanya Yang Berhormat, mengapa kementerian memiliki 11 barang yang disiarkan dalam akhbar hari ini untuk mendedahkan harga *ceiling*. Mengapa tidak barang-barang lain dan apakah faktor sebenar menurut kementerian yang mempengaruhi bahawa kenaikan harga barang serta jalan-jalan praktikal untuk mengatasi hal ini. Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, harga 11 jenis barang ditetapkan *ceiling price*, adalah sebab barang-barang ini sentiasa dibeli oleh pengguna. Saya beri contoh, gula, tepung gandum, susu pekat manis dan barang-barang lain yang biasa kita beli tiap-tiap hari. Jadi, apabila kita menetapkan harga ini, ini bermakna pihak penjual atau pemborong tidak boleh menaikkan harganya dengan sewenang-wenang. Jadi, ini adalah satu cara untuk kita memantau harga barang-barang yang sentiasa dibeli oleh pengguna.

Di samping itu Ahli Yang Berhormat, penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sentiasa menjalankan pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan supaya mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang tidak memenuhi peraturan atau akta kementerian itu. Jadi, setakat ini tidak ada banyak aduan yang diterima oleh kementerian ini mengenai kenaikan harga barang-barang. Tadi pun saya telah kata, walaupun kenaikan harga bahan-bahan petroleum sebanyak 10% yang telah diumumkan baru-baru ini tetapi hanya menyumbang pulangan 1% kepada kenaikan harga keseluruhan.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya Yang Berhormat mempunyai pengalaman yang dalam, dalam kementerian ini. Bila

kita sebut tentang kenaikan harga barang-barang ia memang ada berkaitan dengan kadar inflasi sama ada hendak meningkat ataupun menurun. Jadi, inflasi juga didukung mengikut IHP. Jadi, mengikut pengalaman Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat kalau ada jawapan memberitahu kepada Dewan yang mulia ini IHP dan juga kadar inflasi pada masa sekarang, kalau ada jawapan. Dan juga dari segi mengawal harga barangan ini adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kementerian sama ada ingin menambah jumlah bilangan barang kawalan harga supaya harga-harga barangan keperluan harian dapat kita kawal dengan lebih berkesan. Sekian, terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kluang mengenai kadar IHP walaupun saya tidak mempunyai angka yang tepat, tetapi saya boleh beritahu kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kadar IHP adalah masih di bawah 3%. Jadi, kalau Yang Berhormat hendak dapat angka yang tepat, saya akan minta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna memberi jawapan secara bertulis.

Mengenai barang-barang keperluan harian, saya ingin menyatakan di sini bahawa harganya pun telah ditetapkan, mana-mana pihak tidak boleh menaikkan harga ke atas barang-barang keperluan harian kecuali dapat kelulusan dari kementerian itu. Di samping itu, semua penjual dan pembekal barang-barang hendaklah meletakkan tanda harga (price tag). Ini adalah satu cara untuk kita memantau harga barang-barang keperluan harian.

5. **Tuan Joseph Salang anak Gandum [Julau]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada kementerian bercadang:

- (a) menurap jalan raya yang menghubungkan Pekan Julau dan Ng. Meluan (23 kilometer) yang disambung oleh Jalan Ng. Meluan/Ng. Entabai yang mana sedang dibina dan akan diturap; dan
- (b) menurap Jalan Pakan (22 kilometer) yang telah dibina semenjak tahun enam puluhan; dan Jalan Pakan/Ng. Engkamop (30 kilometer).

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan memang bercadang untuk melaksana kerja-kerja menurap dan membaiki jalan-jalan dari Julau ke Nangka Engkamop. Bagi Jalan Pakan kerja-kerja menurap akan dilaksana oleh Kementerian Kerja Raya, manakala bagi jalan dari Julau ke Nangka Entabai dan Jalan Pakan ke Nangka Engkamop akan dilaksana melalui pembiayaan pembangunan jalan raya negeri Sarawak. Kedudukan cadangan projek jalan raya tersebut adalah seperti berikut:

Jalan Pakan - cadangan untuk menurap jalan batu kelikir yang sedia ada sebanyak 22 kilometer telah dikemukakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan dengan anggaran RM25 juta melalui peruntukan Jalan Persekutuan.

Jalan Julau ke Nangka Meluan - jalan ini merupakan sebahagian dari projek Jalan Julai ke Nangka Entabai yang dilaksana di bawah pembiayaan jalan negeri. Pada masa ini JKR Sarawak sedang melaksana pembinaan 9 kilometer jalan dari Nangka Meluan ke Nangka Entabai dengan turapan dandanan bituman dua lapis. Projek ini akan disambung dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan dijangka siap pada bulan Januari 2001. Penurapan jalan raya dari Pekan Julau ke Nangka Meluan ini dicadang untuk dilaksana setelah selesai projek tersebut.

Jalan Pakan ke Nangka Engkamop - projek ini telah dicadangkan untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan melalui pembiayaan jalan kerajaan negeri dengan anggaran kos sebanyak RM25 juta.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana Yang Berhormat Menteri sedia maklum dahulu jalan Lebuhraya Pasir Gudang sudah ada peruntukan. *[Ketawa]* Tak apa, ini mengenai jalan lebuhraya jugalah. Bila sudah ada peruntukan, saya dimaklumkan peruntukan itu ditukar kepada membuat jalan di Link Kedua, Gelang Patah. Saya ingat ini tak kenal, saya minta Menteri kalau boleh pada tahun depan ini dapatkanlah jalan lebuhraya ke Pasir Gudang, kerana Yang Berhormat Menteri selalu datang ke Pasir Gudang tahu keadaan jalan itu sempit, di situ lah dengan pelabuhannya. Jadi, Yang Berhormat beri penjelasan dan seterusnya meluluskan peruntukan tahun depan. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, walaupun jalan di negeri Sarawak dan jalan di Pasir Guda ng tidak ada kaitan, [*Ketawa*] walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya suka menjelaskan saya telah menimbulkan perkara ini kepada kementerian untuk mengkaji dan beberapa kajian telah dijalankan, saya percaya tidak lama lagi kita akan mengadakan tawaran apabila kita dapat peruntukan daripada Kementerian Kewangan.

Tuan Mah Siew Keong: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan ini ada berkaitan. Apabila jalan seperti di Julau tidak diturap dan terdapat *pot hole* atau lubang yang berbahaya, jika selepas aduan telah dibuat kepada JKR dan *pot hole* itu masih tidak diturap selepas beberapa minggu, jika berlakunya kemalangan seperti beberapa kes di mana motosikal pada waktu malam telah jatuh dan dapat kecederaan, adakah ini tanggungjawab JKR dan bolehkah mangsa membuat tuntutan ke atas JKR. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Jikalau mereka suka juga mengambil JKR ke mahkamah bolehlah. Negara ini negara demokratik, siapa pun boleh ambil siapa pergi ke mahkamah. Tetapi hasil daripada itu kita belum tahu, akan ditetapkan oleh mahkamah. Selain daripada itu, Yang Berhormat sendiri sedar beberapa tindakan telah diambil oleh JKR untuk menurap jalan. Tetapi apabila kita selesai menurap, ada juga pihak-pihak yang memotong jalan, tidak menutup dengan betul-betul. Pada akhirnya apabila kemalangan itu berlaku macam mana JKR boleh jadi tanggungjawab. Itu satu.

Yang kedua, semalam saya baru balik berbincang dengan pegawai undang-undang, saya minta beliau adakah saya kuasa untuk melarang pembinaan apa-apa *manhole* dan lain-lain di atas jalan raya. Jikalau saya mempunyai kuasa, saya minta semua jabatan pindahkan semua *manhole* daripada jalan yang sedia ada.

6. **Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada terdapat dasar kerajaan yang memberi keistimewaan kepada usahawan tempatan yang terlibat dalam projek Kerajaan Persekutuan di Sarawak memandangkan ramai usahawan tempatan yang mengadu tidak dipelawa untuk mengambil bahagian dalam projek-projek infrastruktur, Petronas dan MNLG.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam pemberian mana-mana projek kerajaan sentiasa memberi pertimbangan ke atas penyertaan kontraktor setempat. Peraturan pemberian kerajaan telah menetapkan bagi projek kecil yang bernilai RM100,000 ke bawah, sebut harga hendaklah dipelawa di kalangan kontraktor kelas F setempat. Bagi perolehan yang melebihi RM100,00 ianya diuruskan melalui tender terbuka di mana semua kontraktor yang berdaftar boleh mengambil bahagian.

Bagi projek besar yang diuruskan melalui tender terbuka atau tender terhad seperti projek-projek infrastruktur Petronas dan MNLG semua kontraktor yang berdaftar yang mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut mempunyai peluang yang sama untuk memohon dan bersaing dalam urusan tender berkaitan. Namun demikian, sekiranya projek tersebut dimenangi oleh kontraktor usaha sama tempatan dengan kontraktor asing yang bukan dari Sarawak, kontraktor induk berkenaan adalah disyaratkan supaya memberi keutamaan kepada kontraktor tempatan di Sarawak untuk melantik sebagai subkontraktor. Dengan dasar ini, kerajaan ingin memastikan semua kontraktor yang layak dalam kelas masing-masing akan mendapat peluang yang sama dan adil, manakala nasib kontraktor-kontraktor tempatan tidak diabaikan dan terus mendapat agihan peluang dalam projek-projek yang dimenangi oleh kontraktor-kontraktor luar sebagai subkontrak.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya berkaitan dengan pembahagian kontrak-kontrak yang berkaitan dengan projek-projek infrastruktur, Petronas dan terminal MNLG. Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa walaupun kontraktor luar bukan daripada Sarawak atau Sabah yang dapat diminta untuk melantik subkontraktor di peringkat tempatan.

Dalam soal ini saya ingin minta jika ada pecahan maklumat bagi tahun 1999 misalnya, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini berapa pecahan daripada kontrak-kontrak, Petronas misalnya dan kalau boleh MNLG, berapa kontrak diberi kepada usahawan tempatan, berapa kontrak diberi kepada usahawan luar supaya kita boleh lihat kemajuan dan peranan usahawan tempatan dalam perkara ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat. Mengikut data yang ada pada saya daripada 1 Januari 1997 hingga 31 Oktober 2000 apa yang dibuat oleh Petronas dipecahkan sektor mengikut upstream dan downstream. Kalau mengikut sektor upstream secara keseluruhannya RM3,228.4 juta, downstream RM703.03 juta dan totalnya RM3,931.43. Kalau Yang Berhormat katakan tadi kita pecahkan kepada bumiputera, bukan bumiputera dan juga orang luar, saya rangkumkan sekali, bumiputera - 387 projek nilainya RM1,889.26 juta; bukan bumiputera - 209 projek, jumlahnya RM997.76 juta; orang asing (foreigners) - 124 projek, jumlahnya RM1,114.41 juta. Jadi, totalnya keseluruhan projek yang ada di Sarawak 720 projek dan harganya RM393.14 juta.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang Petronas apabila tidak memberi bantuan secara kontrak dan sebagainya kepada bumiputera beralaskan profesionalisme. Jadi, persoalannya ialah semenjak pelancaran Dasar Ekonomi Baru, apakah kesan bantuan dan penglibatan pihak Petronas dan apakah kejayaan di seluruh negara terutama sekali di Sarawak dan apakah kontrak-kontrak masih diberi kepada parti-parti lawan. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, data-data yang dikehendaki itu seperti mana yang saya sebutkan tadi telah pun saya katakan tentang bumiputera, bukan bumiputera dan juga orang luar (foreigners) dan juga jumlah yang telah saya sebutkan tadi. Memang menjadi dasar Petronas untuk membentuk beberapa kontraktor-kontraktor bumiputera yang akan menjalankan kerja-kerja carigali ini dan saya juga bersetuju kepada Yang Berhormat kata tadi bahawa kerja-kerja carigali minyak ini dan juga gas adalah satu pekerjaan yang memerlukan keupayaan yang tinggi (high skill). Hasil daripada itu, apa yang kita dapat bahawa sekarang ini Petronas sedang melatih beberapa orang bumiputera dan bumiputera ini kalau dari segi pendaftarannya ialah bumiputera yang berdaftar di bawah naungan kod bumiputera. Ada juga bumiputera yang tidak berdaftar di bawah kod bumiputera, bukan digelar bumiputera. Ada juga yang bukan bumiputera dan bumiputera sekali tetapi oleh kerana *percentaganya* lebih kepada bumiputera maka digelar bumiputera.

Jadi, di sini saya akan beri jawapan kepada latihan-latihan yang telah diberi dan berapa orang bumiputera yang telah dapat kerja-kerja yang berkenaan akan saya

beri kemudian. Tetapi kalau mengikut di Sarawak tentang tempatan (local), tawaran kontrak penyambung dan pertahanan top side bagi pelantar agensi B, projek Petronas Carigali Sdn. Bhd. dengan Esso Product (Malaysia) Sdn. Bhd., kontrak di Sarawak ialah Brooke Dockyard Engineering Work Corporation yang bernilai RM89.6 juta. Satu lagi sekarang ini fabrikasi bagi St. Joseph Gas Reinjection Skill (GRS), Compression Module and Associated Tide in Works, Projek Sabah Shell Petroleum Company Ltd. 1999 dan kontraktor Sarawaknya ialah Brooke Dockyard Engineering Work Corporation yang berjumlah RM22.5 juta. Terima kasih.

7. **Tuan Muhamad bin Mustafa [Peringat]** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah komitmen, perancangan dan tindakan Perdana Menteri dan Kerajaan Pusat dalam usaha untuk menyelaraskan segala undang-undang dan pembangunan negara dengan perintah Allah dan agama agar tidak bertentangan dengannya demi kepentingan dunia dan akhirat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Rais Yatim]: Komitmen yang tinggi dan usaha menyelaraskan undang-undang adalah sentiasa dilakukan oleh kerajaan demi kemajuan, kestabilan serta kesejahteraan rakyat dan negara dan selaras dengan keadaan semasa. Sesuatu undang-undang itu harus dikemas kini atau disemak semula dari masa ke semasa. Diakui usaha menyelaraskan itu bukanlah sesuatu yang mudah atau dapat dilakukan dalam tempoh yang singkat. Lantaran usaha itu melibatkan kajian atau kajian semula yang luas dan mendalam. Pendekatan yang amat cermat harus dilibatkan dalam semua usaha penggubalan atau semakan semula yang dilakukan pada sesuatu undang-undang.

Justeru, untuk meningkatkan lagi kerja-kerja semakan dan penyelarasan, Jawatankuasa Penyelarasan Undang-undang di Jabatan Perdana Menteri telah ditubuhkan bagi membantu dalam aspek-aspek tertentu yang melibatkan soal penyelarasan. Kerajaan memang sentiasa meletakkan tuntutan dan syiar Islam pada tempatnya yang setimpal lagi mulia. Dalam hal undang-undang syarak, sebuah Jawatankuasa Teknikal di bawah bidang tugas rakan sejawatan saya Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman yang bertanggungjawab dari hal ehwal agama di Jabatan Perdana Menteri sedang giat mengendalikan urusan-urusan penyelarasan undang-undang syarak.

Beberapa peruntukan di samping itu, dalam Perlembagaan Persekutuan misalnya Perkara 3, Perkara 121(1)(a) dan lain-lain sedia mengandungi ciri-ciri ketinggian serta kemuliaan ini. Tambahan lagi taraf Mahkamah Syariah telah dipertingkatkan dan undang-undang seperti Akta Kesalahan Jenayah (Wilayah Persekutuan) 1997, Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1977, Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1977 serta beberapa undang-undang lagi sedang dikemas kini dan dihalusi oleh Jawatankuasa Teknikal.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan, bagaimanakah sikap dan tindakan yang akan diambil oleh kerajaan terhadap undang-undang yang terang-terang bercanggah dengan perintah Allah S.W.T. seperti undang-undang jenayah warisan Inggeris dan sistem kehakiman dan juga keputusan kehakiman yang terang-terang bercanggah dengan Al-Quran dan Sunnah? Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah sebuah negara yang telah ditubuhkan menurut lunas undang-undang sejarah perjuangan serta komposisi kehendak kaum di bawah pelbagai peruntukan undang-undang negara sendiri. Perkara 3 memberi peruntukan bahawa Islam adalah agama rasmi tetapi fahaman atau anjuran menganuti agama lain adalah diberi kebebasan. Dalam konteks yang sedemikian, Malaysia tidak boleh menjalankan satu peruntukan yang lunasnya tertumpu terus kepada sesuatu agama waima agama Islam sekalipun. Tetapi telah saya sebutkan sebentar tadi iaitu beberapa acara ataupun kandungan perundangan kita seperti Akta Tatacara Jenayah Syariah telah pun disusun dan diselaraskan. Beberapa buah negeri sedang menyusul dan Majlis Raja-raja juga akan dimaklumkan di atas perkembangan dan keputusan muktamad.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, mengenai apakah yang dimaksudkan dengan kesukaran, dengan izin, *codify* undang-undang syarak dalam usaha penyelarasan dan undang-undang yang sedia ada seperti dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tempoh hari. Apakah yang dimaksudkan kesukaran untuk *codify* prinsip-prinsip undang-undang syarak. Terima kasih.

Dato' Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Berkaitan dengan istilah '*codify*' atau memperkanunkan sesuatu itu sesungguhnya ia perlu berasas kepada beberapa perkara yang pokok, penjelasan, huraian atau butir-butiran yang sentiasa menjadi perhitungan dalam penggubalan apatah lagi penguatkuasaan sesuatu undang-undang.

Justeru, apabila hukum Allah atau undang-undang Islam yang terkandung sama ada dalam al-Quran atau Hadis diperkanunkan, maka manusia sentiasa menghadapi masalah besar dan salah satu daripadanya ialah memberi terjemahan yang jelas serta takrif dan juga pelaksanaan kepada perkataan-perkataan tersebut.

Satu pandangan ialah supaya hukum Allah al-Quran, Sunnah biarlah terletak dalam keadaan keagamaan dan tidak ditafsir mengikut pandangan ataupun liberalisme sesuatu pihak.

8. Puan Chew Mei Fun [Petaling Jaya Utara] minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) nisbah perbandingan jantina di kalangan guru sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi serta di kalangan mereka yang memegang jawatan penolong kanan pengetua dan ke atas; dan
- (b) apakah sebab utama yang menyebabkan semakin kurangnya guru lelaki.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab:

- (a) Nisbah perbandingan jantina di kalangan guru sehingga 30 Jun 2000 ialah satu guru lelaki bagi setiap 1.0 perempuan untuk sekolah rendah dan 1:1.6 untuk sekolah menengah.
- (b) Jumlah guru lelaki lebih kecil dibandingkan dengan guru perempuan disebabkan permohonan di kalangan kaum lelaki untuk mengikuti kursus perguruan adalah kurang jika dibandingkan dengan kaum perempuan.

Fenomena ini berlaku disebabkan lepasan pelajar di kalangan kaum lelaki lebih berminat menceburkan diri dalam bidang-bidang pekerjaan lain yang semakin luas. Sebagai maklumat lagi, di sini ingin saya nyatakan untuk jumlah guru sehingga 30 Jun 2000 sekolah rendah jumlah guru lelaki ialah 56,456 manakala jumlah guru perempuan ialah 101,746.

Di sekolah menengah jumlah guru lelaki ialah 43,656, manakala jumlah guru perempuan ialah 71,176.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, selesailah masa kita untuk Jawab Lisan.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 hingga 24 adalah dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DAN USUL

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2001

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2001

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2001 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis;

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dua puluh lapan bilion lapan ratus tiga puluh enam juta tiga ratus empat puluh lapan ribu empat ratus enam puluh ringgit (RM28,836,348,460) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2001, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di

bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 2001 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 2000 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut, hendaklah disahkan.” *[1 November 2000]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya ingin meminta Yang Berhormat dari kawasan Gelang Patah menyambung ucapan.

11.06 pagi

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberika n peluang kepada saya untuk meneruskan perbahasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab soalan dari Yang Berhormat bagi Tanjong semalam. Di sini saya ingin menerangkan bahawa menteri dari MCA tidak pernah menghalang pemimpin-pemimpin persatuan-persatuan dari kaum Tionghua di Kota Bharu supaya tarik diri dari penyertaan dalam pesta kebudayaan anjuran pihak Kerajaan PAS Kelantan. Mereka tidak ingin menyertai pesta kebudayaan itu kerana rasa tertipu oleh pihak penganjur dan kluatir diperalatkan oleh parti PAS iaitu kawan baik DAP kerana mereka kluatir ini adalah mereka mempunyai agenda tersembunyi seperti unsur politik dalam hal ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua, ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Menyampuk]*

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, saya harap tiada gangguan lagi kerana masa terhad kepada saya. Tuan Yang di-Pertua, kerana masa terhad.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Hei, ikut peraturanlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Seputeh, Sri Gading, sila duduk.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Menyampuk]*

Tuan Chang See Ten: Kerana saya ada banyak hal yang hendak bahas lagi. Maaf, maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan Yang Berhormat Gelang Patah, kerana masa hanya 15 minit sahaja.

Tuan Chang See Ten: Ha, maaf, maaf ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sedikit sahaja.

Tuan Chang See Ten: Maaf, maaf. Tuan Yang di-Pertua, ketidakpekaan sesetengah kakitangan kerajaan dalam soal yang membabitkan budaya atau hak-hak kaum tertentu boleh membawa implikasi yang besar dalam pelaksanaan dasar-dasar kerajaan. Misalnya walaupun semua pihak tahu bahawa sekolah wawasan menyumbang secara positif kepada perpaduan dan integrasi negara, tetapi rancangan ini masih mendapat tentangan yang hebat daripada sebahagian komuniti Tionghua.

Saya percaya salah satu sebab utama tentangan ini ialah masih ramai yang meragui sama ada pelaksanaan rancangan yang bertujuan murni ini akhirnya dijejaskan oleh salah faham sehingga hak-hak sesetengah pihak dikorbankan seperti penjejasan identiti asal dan unggul Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.

Saya berharap pihak kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan dapat terus berdialog dengan pertubuhan-pertubuhan yang ingin tahu dengan lebih terperinci tentang rancangan sekolah wawasan ini. Pada masa yang sama pihak kerajaan juga perlu bersikap terbuka dalam mendengar dan meneliti cadangan atau komen yang diketengahkan oleh pertubuhan-pertubuhan atau orang perseorangan di luar kerajaan. Perpaduan bukan sesuatu yang boleh dicapai secara paksa. Ia memerlukan kesediaan serta keikhlasan semua pihak. Mudah-mudahan dengan lebih banyak dialog dan jaminan dari segi undang-undang tentang hak-hak semua pihak, sekolah wawasan akan menjadi suatu realiti.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa tahun kebelakangan ini beberapa universiti tempatan juga menempatkan pelajar yang berlainan kaum dalam satu bilik asrama bagi memudahkan integrasi antara kaum. Saya menyokong tindakan menggalakkan pelajar berlainan kaum berkongsi satu bilik. Walau bagaimanapun, pihak pentadbir universiti-universiti yang terbabit perlulah lebih fleksibel dan bijaksana dalam melaksanakan projek seumpama ini. Pada pendapat saya, projek sedemikian hanya patut membabitkan pelajar tahun dua dan ke atas. Tahun pertama dalam kampus memperlihatkan perubahan cara pembelajaran ala sekolah menengah ke ala peringkat universiti yang lebih akademik. Para pelajar tahun satu memerlukan sedikit masa untuk menyesuaikan diri dengan proses pembelajaran di universiti.

Jika mereka dipaksa dengan serta merta untuk berkongsi bilik dengan seorang pelajar berlainan kaum yang mengamalkan cara hidup serta cara beribadah yang agak berlainan, gegaran budaya atau, dengan izin, *cultural shock* ini mungkin menjejaskan prestasi akademik mereka. Kita mesti menerima hakikat bahawa berkongsi bilik dengan seorang yang berlainan cara hidup dan agama adalah berbeza dengan hanya berkawan dengannya. Pelaksanaan skim kongsi bilik antara pelajar yang berlainan kaum tanpa memberikan persediaan mental yang mencukupi kepada para pelajar tidak semestinya membantu pergaulan dengan pelajar berbilang kaum.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya, tahun pertama dalam kampus harus ditumpukan untuk membantu mahasiswa-mahasiswi mempelajari kemahiran memperoleh ilmu. Penerangan tentang skim kongsi bilik antara pelajar berlainan kaum boleh diberikan kepada para pelajar ketika dalam tahun satu tetapi pelaksanaannya hanya pada tahun dua. Mereka juga boleh digalakkan untuk mengenal pasti dan mencadangkan satu rakan dari kaum yang lain untuk dijadikan rakan kongsi bilik untuk tahun dua dan ke atas. Ini menjadikan mereka merasa lebih dihormati berbanding dengan arahan dari atas ke bawah yang mesti dipatuhi. Pada pendapat saya, pendekatan sebegini akan lebih mudah diterima oleh mahasiswa-mahasiswi. Sekali lagi saya ingin tekankan bahawa perpaduan antara kaum bukanlah sesuatu yang boleh dibentuk secara paksa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh tentang perkara perkhidmatan awam. Saya amat bersetuju dengan hujah Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa kejayaan pembangunan negara hari ini adalah hasil sokongan dan komitmen daripada kakitangan perkhidmatan awam. Di kebanyakan negara, kerjaya sebagai seorang kakitangan perkhidmatan awam adalah sesuatu yang amat membanggakan. Ini disebabkan kedudukan istimewa kakitangan awam memberikan mereka satu peluang untuk berkhidmat dan berbakti kepada bangsa dan negara yang mana peluang sedemikian sukar didapati dalam sektor swasta. Di Malaysia walaupun kakitangan awam kita juga berkhidmat dan berbakti kepada bangsa dan negara, gaji kakitangan awam yang secara relatifnya lebih rendah berbanding dengan sektor swasta telah menjadi pengetahuan umum.

Tuan Yang di-Pertua, kepuasan yang dikecapi dalam kerjaya sebagai seorang kakitangan awam bukanlah dimensi tunggal kehidupan seseorang, terutamanya mereka yang sudah berumah tangga. Kakitangan awam yang sudah mendirikan rumah tangga dan mempunyai anak juga mempunyai tanggungjawab terhadap pasangan dan anak masing-masing. Seperti mana mereka yang bekerja di sektor swasta, kakitangan awam juga mempunyai rancangan masa depan untuk orang-orang tersayang mereka.

Dalam dunia yang serba moden ini, kita tidak boleh lari daripada kenyataan bahawa setiap rancangan memerlukan faktor wang untuk menjadi realiti. Jika gaji dan elaun kakitangan awam terlalu rendah sehingga mereka tidak boleh memberikan satu kehidupan yang berkualiti dan selesa kepada orang-orang tersayang mereka, dua perkara boleh berlaku, dan sememangnya kedua-duanya sudah berlaku.

Yang pertama ialah mereka yang berkemampuan akan mencari peluang pekerjaan di sektor swasta. Yang kedua, ialah mereka terpaksa tunduk kepada desakan realiti dan menerima wang sogokan atau memperdagangkan kuasa yang diamanahkan untuk menambah pendapatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, apabila semakin ramai kakitangan awam yang berkebolehan dan berkualiti meninggalkan sektor perkhidmatan awam, mutu perkhidmatan awam negara kita akan terus merosot dari segi jangka panjang. Apabila sekolah swasta atau institusi pengajian tinggi swasta menawarkan gaji yang lebih tinggi, kerajaan akan kehilangan perkhidmatan guru atau pensyarah yang berkualiti.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Gelang Patah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sedikit sahaja. Lepas itu sambung balik. Saya bersetuju dengan Gelang Patah, pengorbanan mereka dalam perkhidmatan awam itu kita sanjungi, kemudahan mereka, gaji mereka perlu dikaji dari masa ke semasa dengan perubahan zaman dan saya yakin benar ada yang kerja luar, mencari the *greenest pasture* dan ada yang sanggup menerima bersabar, masih tunggu bersama dengan kita. Hanya segelintir sahaja, yang amat kecil sahaja yang

mungkin tidak dapat menerima tekanan dan mungkin terbuat sesuatu yang tidak patut dia melakukan. Ini amat kecil sekali.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Mesyuarat]

Saya bimbang sedikit cara Yang Berhormat cakap tadi, saya rasa di sini tidak ada, ramai saya rasa semua tidak ada, kalau ada pun cuma satu, dua sahaja yang majoritinya amat baik lagi khidmat mereka serta amat sabar, dia korbakan kepentingan mereka, poket untuk keluarga mereka, kerana mereka mahu berkhidmat dengan kerajaan dan negara. Itu saya minta pandangan Gelang Patah, adakah itu benar.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Rompin iaitu cuma segelintir kecil yang tidak puas hati, tetapi kebanyakan mereka sedia berkhidmat untuk kerajaan terutama sekarang Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, apabila hospital swasta menjanjikan pendapatan yang lebih menarik, masalah kekurangan doktor di hospital-hospital kerajaan akan bertambah serius. Apabila pihak swasta menawarkan ganjaran yang lebih baik, kerajaan akan menghadapi masalah mendapatkan kakitangan yang arif tentang komputer dan teknologi maklumat untuk menyiasat kes-kes jenayah yang membabitkan teknologi komputer. Ketidakupayaan kita menangani isu keselamatan aliran data dalam jaringan komputer akan membawa kesan negatif terhadap projek Koridor Raya Multimedia serta pertumbuhan ekonomi yang berasaskan pengetahuan. Sekiranya semua sumber manusia yang berkualiti ditarik untuk menyertai sektor swasta, lama kelamaan semua bentuk perkhidmatan yang ditawarkan oleh kerajaan akan diturun taraf menjadi 'sub-kualiti'.

Tuan Yang di-Pertua, mujurnya beberapa tahun kebelakangan ini kerajaan telah semakin prihatin terhadap dilema kakitangan awam. Belanjawan 2001 juga mengandungi banyak cadangan yang bertujuan memperbaiki ganjaran serta kebajikan kakitangan awam. Ini termasuklah peningkatan kadar pinjaman perumahan dan kereta untuk kakitangan kerajaan, kenaikan elaun kritikal doktor-doktor serta kenaikan elaun untuk pengetua dan guru besar. Saya menyokong kesemua cadangan

dalam Belanjawan 2001 yang menyumbang kepada satu skim ganjaran yang lebih menarik untuk kakitangan awam sejajar dengan kos hidup yang semakin meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi jangka panjang, kajian yang lebih komprehensif untuk merumuskan satu skim gaji, elaun dan insentif lain yang menarik untuk kakitangan awam diperlukan. Baru-baru ini, ketika membalas desakan untuk menetapkan satu tahap gaji minimum untuk para pekerja di negara ini, kerajaan mengambil pendirian membiarkan produktiviti menentukan ganjaran. Saya ingin tegaskan di sini bahawa produktiviti sektor perkhidmatan awam adalah sesuatu yang sukar untuk diukur. Kesukaran untuk mengukur produktiviti kakitangan awam tidak patut menjadi batu penghalang kepada mereka untuk mendapat ganjaran yang setimpal dengan sumbangan mereka terhadap pembangunan negara. Skim saraan kakitangan kerajaan juga patut mengandungi peluang melanjutkan pelajaran untuk kakitangan awam dan juga untuk anak-anak mereka.

Di samping itu, memandangkan majoriti daripada kakitangan kerajaan masih sihat dan berupaya ketika mencecah umur bersara, kerajaan harus mengadakan rancangan yang sesuai untuk membantu mereka yang berhasrat untuk berkhidmat di sektor swasta selepas bersara. Mudah-mudahan dengan adanya satu skim saraan yang menarik, mutu perkhidmatan awam di negara ini akan terus meningkat dan masalah rasuah melibatkan jabatan kerajaan akan bertambah kurang. Matlamat kerajaan untuk mengagihkan kekayaan negara dengan lebih adil dan saksama akan turut tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh tentang pembangunan sumber manusia. Belanjawan 2001 dengan jelas mengakui bahawa kita tidak mempunyai pilihan melainkan menerima realiti ekonomi yang berasaskan pengetahuan atau keekonomi. Lantaran itu, pendekatan yang strategik perlu digubal bagi membangunkan sumber manusia ke arah keekonomi. Jika dianalisa dengan teliti, Belanjawan 2001 sesungguhnya mengandungi banyak cadangan yang mendorong rakyat Malaysia untuk terus mempelajari pengetahuan. Ini termasuklah cadangan pelepasan cukai pendapatan sebanyak RM500 setiap tahun bagi setiap pembayar cukai untuk membeli buku serta pelepasan kepada pembayar cukai individu ke atas perbelanjaan untuk pendidikan sebanyak RM5,000.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Chang See Ten: Ya, hampir habis, ini perkara terakhir Tuan Yang di-Pertua, maaf. Walaupun sekolah-sekolah serta universiti baru akan dibina oleh kerajaan, Belanjawan 2001 nampaknya juga menumpu kepada mendorong orang ramai agar mengambil inisiatif sendiri untuk menjadikan proses pembelajaran satu budaya sepanjang hayat. Pada pendapat saya, pendekatan sedemikian adalah bijak dan perlu disokong sejauh manakah seseorang individu boleh mencapai kejayaan dalam era globalisasi banyak bergantung kepada inisiatifnya sendiri dan bukan lagi bergantung kepada peluang yang disediakan oleh pihak kerajaan.

Belanjawan 2001 juga menekankan pentingnya penyertaan pihak swasta dalam program pembangunan sumber manusia. Dalam soal ini cadangan telah dibuat agar syarikat-syarikat yang memberi biasiswa kepada pelajar di institusi pengajian tinggi tempatan diberi potongan dalam pengiraan cukai pendapatan. Saya berharap kerajaan juga dapat mempertimbangkan agar biasiswa yang diberikan oleh syarikat kepada pekerjanya sendiri untuk mengikuti kursus atau belajar untuk ijazah di peringkat sarjana atau doktor falsafah juga diberi potongan dalam pengiraan cukai pendapatan. Ini memandangkan pengetahuan yang diperolehi oleh para pekerja sesebuah syarikat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, masa sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten:akhir, sampai akhir – pada masa yang lampau mungkin sudah menjadi tidak relevan atau tidak mencukupi dalam era ekonomi. Peningkatan pengetahuan para pekerja dari masa ke semasa akan membantu memperteguhkan daya saing sesebuah syarikat. Justeru itu saya berharap insentif juga dapat diberikan kepada syarikat yang membuat perbelanjaan untuk pembangunan sumber manusia secara berterusan di kalangan pekerjanya. Saya mohon menyokong. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Permatang Pauh.

11.23 pagi

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertumbuhan mapan – Izinkan saya menyentuh beberapa isu pokok dalam belanjawan yang dibentangkan. Belanjawan negara adalah untuk merangsang pertumbuhan, menjamin kemapanannya tetapi perlu bertunjangan prinsip kesejahteraan rakyat. Justeru itu segala usaha, langkah fizikal dan percukaian ke arah itu perlu didukung dan sebaliknya kegiatan yang mengkhianati atau menggagalkannya perlu ditentang. Kita tidak perlu terlalu awal mendabik dada secara angkuh seolah-olah sudah terlepas dari bahang kegawatan ekonomi sepenuhnya. Kewaspadaan adalah perlu dan pembaharuan atau reformasi dalam pengurusan ekonomi dan kewangan adalah satu keperluan.

Menteri Kewangan mengakui bahawa di antara cabaran utama ekonomi adalah bagi meningkatkan aliran masuk Pelaburan Langsung Asing (FDI) dengan izin. Beliau sebenarnya menyentuh soal keyakinan pelabur asing. Pemerhati perkembangan Bursa Saham Kuala Lumpur akan mendapati kelengangan penyertaan dana asing, lonjakan berkala adalah akibat permainan institusi utama tempatan iaitu dana yang dikuasai oleh kerajaan termasuk KWSP, PNB, Petronas, Tabung Haji dan sebagainya.

Angka-angka pelaburan asing mengecewakan. Pengumuman besar yang dibuat dengan angka berbilion ringgit tidak disusuli dengan pelaburan sebenar. Ini ada kaitannya dengan persepsi pelabur mengenai kaedah menjalankan perniagaan dalam negara. Menteri Kewangan menyentuh soal rasuah dan mengaitkan dengan ikan-ikan kecil dalam Jabatan Pengangkutan Jalan tetapi membisu terhadap laporan polis mengenai tuduhan rasuah terhadap pemimpin-pemimpin tertinggi. Ini menjejaskan kredibiliti jentera pelaksana termasuk BPR dan pihak polis. Undang-undang dikatakan tidak memilih bulu tetapi jerung besar terkecuali dalam negara kita. Sekiranya pemimpin-pemimpin negara benar-benar bersih, memang mereka tidak akan gentar disiasat bahkan dengan heboh mengenai rasuah yang melibatkan pemimpin, dasar kronisme dan nepotisme maka wajar sekali ditubuhkan Suruhanjaya Diraja menyiasat gejala rasuah di kalangan pemimpin termasuk bekas pemimpin.

Siasatan perlu melibatkan jumlah harta kekayaan yang dimiliki oleh pemimpin, keluarga terutamanya anak-anak. Pemberian saham, kontrak dan cara

meluluskan projek perswastaan. Hanya kalangan yang terconteng muka dengan arang rasuah akan takut disiasat secara terbuka. Soal rasuah menjadi lebih mendesak bukan sahaja kerana laporan polis telah dikemukakan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri tetapi kenyataan bekas Ketua Pengarah BPR sendiri, Datuk Shafie Yahya mengenai penglibatan yang tertinggi Datuk Seri sendiri.

Sebelum ini kita merasa yakin dengan kewibawaan BPR lebih-lebih lagi dengan Akta BPR yang baru 1997. Kita tunggu tindakan yang serius daripada kerajaan membolehkan BPR bertindak tanpa campurtangan, membasmi rasuah dengan tidak menekan kelompok kecil-kecil sahaja dan pegawai rendah sahaja tetapi juga tidak melindungi perasuah utama.

Kenaikan harga dan bonus – Angka inflasi yang dikemukakan tidak meyakinkan kerana kenyataan sebenar kenaikan harga di Lembah Klang dan juga Johor Bahru adalah tinggi. Import barang makanan keperluan perlu dilonggarkan bagi mengelakkan kesan monopoli yang menyebabkan kenaikan harga secara melambung. Kenaikan harga petroleum baru-baru ini memberi kesan menyeluruh kenaikan barang-barang keperluan dan pengangkutan. Kami menolak alasan yang dikemukakan iaitu kerana jumlah subsidi oleh kerajaan melalui Petronas melebihi RM3 bilion dan bahawa harga petroleum di Malaysia adalah di antara yang terendah di rantau ini.

Saya ingin mengulas dengan menyatakan pertama, harga barang-barang makanan dan pengangkutan adalah lebih rendah di Thailand, Filipina dan Indonesia walhal harga di Malaysia adalah lebih tinggi maka pengawalan harga minyak boleh meringankan sedikit beban rakyat.

Kedua, mengapakah isu subsidi RM3 bilion wang dari Petronas buat faedah 22 juta penduduk Malaysia dibangkitkan padahal RM2 bilion boleh diagihkan untuk bail out untuk menyelamatkan konsortium perkapalan sementara berbilion ringgit lainnya ditumpukan untuk membangunkan projek mega. *[Barisan Pembangkang tepuk]*

Kenaikan harga barang-barang keperluan sewenang-wenangnya memberi kesan kepada rakyat terutamanya petani, peladang, buruh, nelayan dan pegawai-pegawai rendah kerajaan. Ini dirumitkan dengan kejatuhan teruk atau merudumnya harga getah, kelapa sawit dan kelapa. Saya mencadangkan agar belanjawan

memperuntukkan dana khas menampung kerugian penduduk miskin. Bagi syarikat-syarikat gergasi yang dipunyai oleh anak-anak, keluarga dan kroni pemimpin berbagai skim bail out, Danaharta, skim penyusunan semula, tabung khas dan lain-lain yang mampu menyelamatkan kedudukan korporat besar dengan jumlah dana berbilion ringgit tetapi mengapa tidak dapat diusahakan dana khas bagi meringankan masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga kecil, petani dan peladang? Saya ingin menyentuh hal yang sama berkaitan dengan kedudukan pegawai-pegawai kerajaan terutama di peringkat rendah. Kerajaan telah memberikan kenaikan kecil 10% yang tidak setimpal dengan kadar kenaikan harga.

Begitu juga dengan elaun kritikal yang saya kira perlu bagi doktor, polis, kastam dan lain-lain tetapi elaun kritikal ini perlu dikaji semula dan diperluaskan bagi semua kakitangan awam yang dibebankan dengan kerja lebih masa. Risiko tempat kerja termasuk keselamatan. Maka kategori yang layak perlu diperluaskan pada guru kokurikulum, penyelia asrama sekolah, jururawat, kakitangan penjara. Kakitangan bidang penguatkuasaan termasuk kastam, Jabatan Pengangkutan Jalan dan lain-lain.

Saya turut kesal kerana kegagalan kerajaan mengumumkan pemberian bonus kepada kakitangan awam. Yang dicanangkan ialah ekonomi sudah pulih, dasar ekonomi suda berjaya di samping itu projek-projek mega diberi keutamaan semula dengan harga barang yang melambung, kos persekolahan yang meningkat, saya ingin mendesak kerajaan supaya memberikan bonus kepada kakitangan kerajaan [*Tepuk*] Bonus RM1,000 setahun bagi pekerja awam patut dipertimbangkan, saya dapat jangka jawapan Menteri Kewangan iaitu kenakan sama dengan kategori lainnya, 10%.

Bezanya besar sekali, 10% dari gaji RM600 dan 10% dari gaji RM16 ribu sebulan tidak termasuk semua kemudahan percuma lainnya oleh orang-orang atasan juga harta kekayaan yang menimbun atas nama anak-anak dan keluarga. Secara umum, dengan pelbagai pendekatan yang berbeza, negara-negara di rantau Asia beransur pulih. Malaysia juga dapat bersama dengan aliran teknologi lebih-lebih lagi dengan sumber khazanah asli iaitu hasil minyak yang banyak. Justeru itu pengurusan wang Petronas perlu lebih berhemah dan bertanggungjawab. Dengan sumber tersebut janganlah kita memperlihatkan cara tamak, menyalahgunakan sumber tersebut untuk bermegah dan menjaga kepentingan sempit. Kami ingin mendesak supaya dasar

pembangunan terus menjuruskan kepada pertumbuhan, memulihkan keyakinan pelaburan dan memelihara kesejahteraan rakyat.

Pendidikan dan keekonomi – Belanjawan negara nampaknya mahu ke arah seiring dengan iklim sejagat globalisasi dengan menggalakkan keekonomi tetapi penyediaan kemudahan, prasarana termasuk komputer di sekolah-sekolah tidak menyeluruh. Di Permatang Pauh pun sekolah-sekolah tidak dibekalkan dengan komputer yang mencukupi. Perkara tersebut perlu ditangani segera jika tidak jurang bandar-desa, kaya- miskin kian melebar dengan pengenalan keekonomi. Pemimpin kerajaan perlu bersedia merubah sikap bersama anjakan paradigma

Bagi kawasan desa dan pedalaman Sabah dan Sarawak termasuk di estet dan kawasan miskin di bandar, jalan tar dan projek kecil sahaja tidak memadai. Sekolah-sekolah mesti ditingkatkan mutunya serta pembekalan komputer yang mencukupi. Sementara peruntukan pendidikan ditambah, keutamaan dalam perbelanjaan agar dijamin keseimbangan di antara kawasan dan dielak kesenjangan yang melebar.

Teknologi maklumat juga bererti pendedahan kepada ilmu dan maklumat. Generasi muda perlu diberikan ruang dan kebebasan seluas mungkin, berfikir, berbahas dan mencerdas alam pemikiran secara membina. Ini sekali lagi menuntut penumpuan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama. Bahasa Inggeris juga perlu diberikan tumpuan yang lebih. Di samping itu Kementerian Pendidikan perlu memberikan tumpuan yang bersungguh-sungguh memastikan keperluan guru terlatih termasuk dalam Bahasa Arab di sekolah-sekolah menengah agama serta guru-guru Bahasa Cina dan Tamil. Kita mesti elakkan dari isu pendidikan terus dipolitikkan lantaran kecuaian kementerian kerana gagal menyediakan guru dan kemudahan yang secukupnya bagi semua sekolah.

Keghairahan kita menekankan pembaharuan dalam pendidikan tidak perlu mengabaikan kedudukan dan martabat Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Pembakuan bahasa telah menjadi korban percakaran politik. Namun usaha memperkukuh kedudukan bahasa dengan menjamin sukatan, pembelajaran termasuk penerbitan dan penterjemahan buku bermutu dan berilmiah perlu ditingkatkan. Begitu juga dengan tahap pencapaian Matematik, Sains, Bahasa Inggeris dan kini

Pendidikan Komputer di sekolah desa yang belum membanggakan. Berikan kemudahan dan galakan kerana gesaan semata-mata tidaklah mencukupi.

Saya ingin juga menekankan isu pendidikan Islam sebagai mata pelajaran ilmu yang memerlukan penghayatan. Kita perlu menyesuaikan berdekatan pembelajaran agama dengan kefahaman dan kegiatan amali, berjemaah dan menyertai kursus agama sekurang-kurangnya sekali dalam satu semesta persekolahan.

Dikaitkan isu pendidikan Bahasa Cina dan Tamil kerana Dasar Pendidikan Negara adalah jelas memberi ruang pembelajaran bahasa ibunda akan tetapi tanpa guru terlatih yang mencukupi, dasar ini tetap dicurigai. Pihak Kementerian Pendidikan perlu mengambil langkah-langkah segera menyelesaikan masalah tersebut. Ini berkaitan pula dengan penegasan Kementerian Pendidikan meneruskan dengan projek Sekolah Wawasan, sementara konsepnya mungkin dipertahankan tetapi cara memaksa konsep tersebut tanpa perundingan, muafakat dengan semua kaum akan memberikan kesan negatif bertentangan dengan hasrat perpaduan yang dicita-citakan [*Tepuk*]. Saya ingin menggesa konsep dan pelaksanaannya dikaji semula dengan mengambil kira pandangan semua pihak. Cabaran utama Kementerian Pendidikan sekarang ialah melaksanakan dasar dan meningkatkan mutu pendidikan negara dan bukannya meneroka dan mencuba sehingga menimbulkan ketegangan politik dan sosial.

Menteri Kewangan menyentuh mengenai sikap anak-anak kita mahasiswa yang mengkritik kerajaan sebagai destructive. Apakah cara mengampu, menjadi pengecut, tidak berani menegur, membiarkan rasuah, maksiat dan penyelewengan itu sebagai constructive atau membina? [*Tepuk*] Kita jangan ketinggalan zaman. Kita tidak hidup di dalam zaman feodal atau penjajah. Hanya rejim kuku besi yang menahan orang dari berfikir dan berbicara, sikap mengongkong dengan akta, menafikan hak mahasiswa berbicara adalah bertentangan dengan arus era maklumat dan ekonomi. Minda anak-anak tidak harus dikongkong memikirkan semata-mata kepentingan diri kerana jika ini dilatih, kita akan lahirkan generasi baru yang tamak dan tidak mempedulikan nasib rakyat terbanyak.

Saya ulangi cadangan supaya diberikan kelonggaran, dimansuhkan Akta Universiti dan diberikan kesempatan kepada anak-anak terlibat dalam wacana yang

segar dan membina. Janganlah mengambil sikap feudal dan angkuh memikirkan hanya menteri yang mempunyai monopoli kebenaran dan kebaikan. Jika mereka bersih dari rasuah, tamak dan penyelewengan, mereka tidak harus gentar dengan perbincangan terbuka dengan anak-anak muda. Alasan Akta Universiti akan menjamin mutu pendidikan cemerlang tidak masuk akal. Universiti di negara kita belum masuk senarai cemerlang berbanding universiti di Jepun atau Amerika Syarikat [*Tepuk*] yang tidak mempunyai Akta Universiti yang mengongkong tetapi melahirkan siswazah cemerlang dan ilmuan ulung.

Pengurusan universiti tidak boleh disamakan dengan pentadbiran sekolah rendah. Pemimpin perlu berani berdepan dengan kenyataan, menjawab teguran atau tuntutan anak-anak mereka. Inilah matlamat pendidikan, menimba ilmu, membentuk sahsiah peribadi dan menegakkan keadilan. Mereka perlu didedahkan dengan maklumat secara terbuka, menilai di antara hak dan batil dan tekun bergerak sebagai insan soleh.

Menurut Kung Fu Tze dalam Lun Yu, pendidikan mestilah berupaya menerapkan tradisi Tzen, gabungan ilmu dan faham kemanusiaan. Ini bermakna tekun berusaha dengan matlamat kebaikan. “Sedia menyoal dan bersungguh-sungguh menilai dan berfikir sendiri apa yang didengar dan dipelajari. Inilah jalan Tzen iaitu pencapaian kemanusiaan. Mahasiswa yang terdedah dengan konsep Tzen ini akan sedar bahawa pemimpin dikagumi kerana “peribadi yang luhur (Jen) yang dikagumi oleh rakyat dan bersedia taat kerana kekuatan moral pemimpin serta peraturan tetapi tidak perlu didera atau dipaksa untuk mematuhi perintah ketua”.

Rasuah – Menteri Kewangan juga menyentuh soal daya saing kecekapan perkhidmatan awam. Sekali lagi hal tersebut berkaitan dengan kebersihan sistem dari rasuah yang berpunca di kepala dan prinsip pertanggungjawaban (accountability) dan ketelusan (transparency). Dasar perlu ditetapkan mengikut undang-undang dan kepentingan rakyat dan bukannya bagi memelihara kepentingan politik atau tembolok harga peribadi. Sepatutnya pemimpin-pemimpin merasa malu dan tersinggung dengan kekayaan melimpah mereka. Hampir semua pemimpin utama termasuk Menteri Kewangan mempunyai khazanah peribadi dan keluarga yang menjangkau berbilion ringgit.

Amat tidak pelik bagi rakyat menyuarakan hak dan meragui tindak-tanduk pemimpin Kerajaan Barisan Nasional. Paling akhir ialah kontroversi royalti minyak Terengganu. Selama 25 tahun, ia tidak pernah dibangkitkan sebagai masalah. Sekarang timbul perasaan dendam kesumat dan fahaman politik sempit yang sengaja mengajak rakyat berpecah-belah. Hormatilah hak dan keinginan rakyat Terengganu dan janganlah digunakan belanjawan untuk menegakkan benang basah, mempertahankan dasar yang angkuh dan sikap benci melulu kepada PAS atau Barisan Alternatif.

Menteri Kewangan minta perkara tersebut dirujuk ke mahkamah. Beliau nampaknya terlalu yakin dengan keputusan mahkamah. Saya sekadar mengingatkan keluhan yang dilahirkan oleh Allahyarham Tun Sufian Hashim, bekas Ketua Hakim Negara bahawa persepsi umum rakyat ialah bahawa badan kehakiman terjejas kewibawaannya. Beliau sendiri tidak bersedia diadili oleh hakim-hakim yang ada. Lebih-lebih lagi sekiranya beliau tidak bersalah. Saya tidak ingin membuat sebarang kesimpulan tetapi teguran ikhlas bekas Ketua Hakim Negara yang berwibawa dan dihormati, perlu diberi pertimbangan oleh Dewan yang mulia ini.

Hal tersebut berkaitan dengan keyakinan para pelabur kerana sekiranya permasalahan perundangan dipertikai, jaminan keputusan yang adil akan dipersoalkan. Ini berkaitan dengan keputusan syarikat-syarikat asing memeterai perjanjian di negara luar dan menyelesaikan isu pertikaian di negara asing. Hal ini juga dibangkitkan oleh banyak badan lain. *For example*, dengan izin, International Chamber of Commerce and Industry. Saya ingin tegaskan bahawa kekuatan dan pengukuhan ekonomi tidak diukur semata-mata dari data atau angka sementara. Ia akan bergantung kepada tiga faktor utama:

- (i) Keupayaan memacu pertumbuhan yang segar;
- (ii) Menjamin pembangunan yang adil dan seimbang;
- (iii) Menjamin pertumbuhan yang mapan (sustainable) dalam jangka panjang.

Mengingatkan faktor tersebutlah, maka kita perlu meningkatkan kecekapan membuat perubahan yang perlu dalam pengurusan ekonomi negara. Kita perlu mengalih dari keghairahan bermegah dengan projek mega, megah untuk memenuhi

ego peribadi. Ia mempesonakan seketika, bahkan mencatatkan kenaikan kadar pertumbuhan tetapi ia tidak mampu bertahan dan tidak mapan. Amalan pengagihan saham lesen penswastaaan kepada keluarga dan kroni juga perlu dihentikan kerana ia menggalakkan sikap yang merestui rasuah dan penyelewengan.

Kita perlu memperkenalkan kaedah yang tetap dan tegas dalam cara meluluskan projek dengan proses tender dan pengagihan yang adil. Sepertimana yang disebut dalam Al-Quran, surah Harsh, 59 dari ayat 7, dengan izin [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] yang bermaksud “*Supaya harta itu jangan berlegar di antara orang-orang kaya di antara kamu*”. Lihat sahaja semua projek-projek besar yang diagihkan kepada sejumlah keluarga dan kroni. Ini turut melibatkan isu perlantikan tokoh politik kroni dalam syarikat milik kerajaan. Contoh, TNB, jelas menunjukkan kegelisahan pelabur setelah kerajaan tidak melanjutkan tempoh perkhidmatan pengurus yang berwibawa, Tan Sri Tajudin Ali, malah menggantikan dengan ahli korporat UMNO yang mempunyai kepentingan dalam sektor yang sama. [*Disampuk*]

Janganlah asyik menyalahkan pembangkang. Saya ingin tegaskan bahawa yang patut dipersalahkan ialah kezaliman, rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Apa juga langkah ke arah kebaikan, membanteras penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan rasuah tetap disokong. Malangnya, perkara tersebut tidak ditangani dengan sebaiknya. Janganlah cuba strategi mengalih pandangan dari kezaliman dan rasuah dengan sengaja mereka cipta isu ancaman asing, alat negara asing, membenci dan sebagainya. Kritikan dan teguran yang berasas bukannya pengkhianatan dan tanda tidak taat kepada negara. Malah membenci penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa oleh pemerintah adalah sebahagian daripada sikap patriotik cinta negara [*Tepuk*] dan tanda endah terhadap nasib bangsa dan tanahair. [*Tepuk*]

Kesihatan – saya ingin merujuk kepada peruntukan bidang kesihatan. Beberapa isu yang berbangkit dari Cocksackie, JE dan yang paling akhir ialah penyakit tangan, kuku dan mulut, menampakkan kelemahan ketara dalam cara menangani masalah.

- (i) Maklumat tidak diberikan dan fakta sering bercanggah. Masalah kesihatan, implikasi jangkitan dan ancaman penyakit tidak boleh disembunyikan. Ini akan menimbulkan kerunsingan dan bahaya

di kalangan rakyat sepertimana yang diperhatikan dalam kes JE yang lalu.

- (ii) Harus ada unit bebas menangani krisis dengan kepakaran. Para doktor dan pakar perlu diizinkan menjalankan tugas tanpa campurtangan politik atau pernyataan politiknya mengelirukan.
- (iii) Kelengkapan ubatan dan dana secukupnya perlulah disediakan untuk maksud tersebut.

Selain itu, perkara yang sering dirungutkan oleh rakyat ialah kualiti dan kos perubatan yang meningkat di hospital kerajaan. Pesakit miskin yang menghadapi lemah jantung terpaksa menunggu giliran bertahun sebelum mendapat rawatan di IJN. Apakah dalam soal kesihatan dan perubatan kita mula bahagikan rakyat kepada kelas, sehingga hak mereka mendapat rawatan dinafikan semata-mata kerana kurang mampu? Begitu juga dengan kos rawatan lainnya. Seorang mangsa kemalangan terpaksa membayar wang tunai sebelum dibuat pembedahan atau dipasang besi di kakinya. Demikian peraturan di HKL atas arahan Kementerian Kesihatan. Bagaimana pula dengan nasib pesakit miskin, ditanggung perubatan atau diminta pulang sahaja? Masalah ini berkaitan dengan kos perkhidmatan hospital yang terus meningkat sesudah penswastaan perkhidmatan hospital. Dari kelengkapan, ubatan hinggan ke tong sampah hospital, diambil alih oleh syarikat swasta dengan kos yang tinggi. Akhirnya, pesakit dan kerajaan terpaksa membiayai. Apakah menteri atau pegawai sedia menegur kos yang tinggi yang ditetapkan oleh syarikat, manakala diketahui bahawa syarikat yang mengendalikan penswastaan perkhidmatan kesihatan dimiliki oleh kumpulan Tongkah?

Mengambil kira pelbagai permasalahan tersebut, saya merasakan perlunya peruntukan untuk perkhidmatan kesihatan ditambah. Sejak 1987 peruntukan untuk kesihatan kurang daripada 2% dari KDNK. Antara tahun 1987 dan 1997, kerajaan membelanjakan secara purata 1.55% KDNK untuk kesihatan. Ini berbeza pada tahun 1970-an dan awal 1980-an, di mana kerajaan membelanjakan 3% daripada KDNK untuk kesihatan. Purata antara 1975 sampai 1986 ialah 3.02% dari KDNK. Angka ini rendah jika dibandingkan dengan piawaian negara Barat, malah dengan negara-negara

jiran sekalipun. Anggaran untuk tahun ini juga tidak menampakkan banyak perubahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya belanjawan untuk kesihatan dinaikkan kepada 4% daripada KDNK, selari dengan yang disyorkan dalam WHO iaitu antara 4% hingga 8% daripada KDNK untuk perbelanjaan kesihatan negara. Namun begitu, saya ingin menegaskan bahawa pertambahan peruntukan untuk kesihatan bukan sahaja perlu tetapi mestilah juga dijamin pelaksanaannya agar disalurkan untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan serta kebajikan kakitangannya. Pertambahan-pertambahan dalam peruntukan tidak semestinya menjamin mutu dan akses perkhidmatan kesihatan meningkat. Ini terutamanya apabila penswastaan telah banyak mewarnakan secara negatif perkhidmatan yang cukup mustahak ini. Saya juga mencadangkan belanjawan memperuntukkan dana khas membantu rawatan pesakit miskin, di samping syarat-syarat perjanjian dengan syarikat tersebut perlu diteliti semula.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan mengakhiri ucapan dengan merujuk kepada firman Allah S.W.T. dalam Surah Saba' (Surah 34), ayat 15 yang bermaksud, "Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepadaNya. Negeri kamu adalah negeri yang baik dan Tuhan kamu adalah Maha Pengampun". Saya pohon izin mengulas. Ayat Al-Quran tersebut merujuk kepada Negeri Saba' di selatan Yaman, di bawah pimpinan adil lagi bijaksana, Nabi Allah Sulaiman a.s dan Ratu Balqis, satu pemimpin wanita. Mereka membangunkan negeri, memakmurkan dan mengindahkannya. Menjalankan syariat Allah secara tekun dan adil. Maka, Allah merestui mereka, menegaskan negara yang dimakmurkan akan dilimpahi nikmat dan keampunan.

Saya pohon agar kita semua membaca ayat-ayat berikutnya iaitu ayat 16. Yang dibaca oleh Tun Daim ialah ayat 15. Saya akan baca ayat 16, yang bermaksud, "Tetapi mereka berpaling daripada ketaatan dan kesyukuran, lalu kami lepaskan banjir batu-batan yang membinasakan mereka dan kami tukarkan dua kebun mereka yang subur itu dengan dua kebun yang ditumbuhi pokok-pokok ham dan pokok-pokok hak serta sedikit-sedikit pokok bidara. Yakni manakala mereka bersikap

takabur dengan kesenangan dan kemewahan dan tidak sabar menghadapi kesusahan, mereka lantas berpecah-belah dan Allah membinasakan mereka”

Iktibar dari pengalaman Kerajaan Saba’, adalah penting agar kita mengelakkan dari mengamalkan sikap tamak, angkuh, takbur atau mengkhianati amanah dengan melanggar syariat dan hukum agama. Tidak faham erti syukur sebenarnya dan tidak pula bersabar. Bersyukur kepada Allah di atas nikmatnya dengan mengamalkan perintahNya, mengendalikannya dengan baik dan sabar adalah menghadapi ujian kerana angkuh dan takbur, maka empayar Kerajaan Saba’ yang megah itu, pecah dan negeri karam diganti dengan pohon belukar dan berduri.

Tuan Moktar bin Radin: [*Bangun*].

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya kita dituntut jalan sederhana dan bijaksana.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat. Kinabatangan.

Tuan Moktar bin Radin: Minta penjelasan.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail: Saya hendak habis dah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia hendak habis dah Yang Berhormat. Ya, dia tidak bagi. Teruskan.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail: Sesungguhnya kita dituntut bertindak mengikut jalan sederhana dan bijaksana. Saya ingin menyeru rakan-rakan supaya menghentikan ugutan, keganasan, penafian hak asasi, mempersendakan hak, hukum dan ulama supaya dapat dikekalkan penyelesaian masalah secara aman dan sederhana. Semoga Allah S.W.T. memberikan petunjuk, melimpahkan nikmat dan rahmatnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Batang Lupar.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Batang Lupar hendak balik dah.

11.48 pagi.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya membuat ucapan yang sepatutnya berjalan sejam setengah tetapi malang dapat setengah jam. Walau bagaimana, saya bersyukur juga dapat

bercakap pada hari ini dan saya sebagai pendahuluan dan tidak boleh baca teks ucapan saya, saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kementerian Kewangan oleh kerana menyediakan belanjawan yang menekankan kepada beberapa agenda yang pernah saya suarakan di Dewan yang mulia ini.

Terutama agenda pendidikan yang banyak ditekankan untuk melandaskan ke ekonomi pada masa yang akan datang atau pada masa sekarang. Secara ringkas saya menyebutkan kebanyakan yang disebutkan dalam ini – penyediaan komputer kepada sekolah-sekolah, makmal di luar bandar dan sebagainya. Saya mengalu-alukan tindakan kerajaan untuk menyediakan perkara-perkara ini kepada masyarakat luar bandar terutamanya. Tetapi apa yang menyedihkan saya ialah peruntukan untuk Kementerian Pembangunan Luar Bandar tidak ditingkatkan untuk menaikkan tahap kemudahan-kemudahan di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya menjadi Ahli Parlimen tidak begitu lama, hanya 11 tahun. Selama 11 tahun saya menjadi Ahli Parlimen, kali ini kita dikejutkan sedikit dalam keadaan yang berlainan daripada perkara-perkara yang berlaku pada tahun-tahun yang lepas. Bahkan, apabila saya kembali ke Sarawak, ada segelintir orang yang terserempak dengan saya di lapangan terbang, bertanya kenapakah perkara ini berlaku? Ada orang bertanya, inikah peradaban orang Melayu? Saya tidak boleh menjawab persoalan sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya daripada kecil lagi dikatakan peradaban orang Melayu itu adalah halus, baik dan murni.

Tetapi adakah ini peradaban orang Melayu dipertunjukkan di dalam Parlimen? Saya juga pernah diberitahu iaitu peradaban Cina pun begitu indah dan murni. Kita telah banyak membaca sejarah-sejarah Cina dan Melayu, menunjukkan peradaban yang indah dan murni. Bahkan sejarah Melayu telah menunjukkan apabila rombongan daripada Melaka pergi ke China hendak melihat muka Emperor China, terpaksa makan kangkung yang panjang, baru boleh menadah mukanya. Ini menunjukkan peradaban Cina yang baik dan murni. Begitulah sejarah Melayu, tidak payah saya sebutkan bagaimana mengatakan sejarah-sejarah Melayu dan orang-orang Melayu itu dengan peradaban dan tatasusila yang tinggi.

Tetapi di Dewan ini, kali yang pertama, semenjak 11 tahun saya menjadi Ahli Parlimen melihat Ahli Parlimen yang sepatutnya orang Melayu mempunyai

peradaban yang baik dan sempurna telah menunjukkan peradaban yang tidak dapat diterima. Jadi, saya tidak hendak mencaci dan sebagainya. Saya menyerulah kepada semua Ahli Parlimen kerana pada hari itu saya berasa malu menjadi Ahli Parlimen dan Ahli Dewan yang mulia ini kerana dipandang oleh masyarakat keseluruhannya, pegawai-pegawai kerajaan dan orang duduk di belakang, bagaimana contoh yang ditunjukkan oleh Ahli Parlimen yang tidak sempurna.

Jadi, saya menyeru kepada semua Ahli Parlimen sama ada pembangkang ataupun pihak kerajaan, supaya menunjukkan keperibadian yang baik, tatacara yang baik, kesempurnaan budi pekerti supaya kita tidak menjadi orang bahan ketawa pegawai-pegawai kerajaan, masyarakat umum dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh soal negara. Kita telah mengalami kemelesetan ekonomi tetapi berjaya keluar dari kemelesetan itu tanpa bantuan mana-mana pihak termasuk pihak-pihak yang telah diamanahkan seperti IMF dan Bank Dunia. Dengan itu negara kita tidak terbelenggu dengan syarat-syarat yang bertentangan dengan dasar pembangunan negara. Kita juga telah meneruskan pembangunan infrastruktur sosial, politik, pendidikan negara mengikut cara dan acuan kita sendiri, insya-Allah kita akan berjaya. Demokrasi dan bebas tanpa rusuhan yang boleh memecahbelahkan masyarakat dan menjejaskan ekonomi yang baru dipulihkan itu. Kalau kita hendak tahu apa yang berlaku, lihatlah negara jiran. Di kalangan masyarakat antarabangsa, kita boleh mengatakan '*stand tall*' dengan izin, dan bangga dengan kejayaan ini. Ramai pemimpin negara asing kagum dan memandang tinggi terhadap negara kita tetapi tidak boleh dinafikan ada segelintir yang mencaci dan mencela kita, berlandaskan kebebasan hak asasi manusia, kedemokrasian, kebebasan kehakiman di negara ini.

Ramai menerima hakikat bahawa negara Malaysia ialah sebuah negara membangun yang maju, aman, damai dan mempunyai dasar pembangunan yang sempurna. Sebaliknya pula, jikalau kita ingin mencari kesalahan negara-negara lain, sama ada kempen dan rakyatnya yang mengaku dan melaungkan *liberal democracy*, kita juga boleh mencari dan menyebut ketidakadilan, kurang ketelusan dan kepincangan negara-negara mereka. Tidak payah disingkap sejarah, cukuplah melihat apa yang berlaku pada masa ini umpamanya Bangsa-Bangsa Bersatu lambang

kebebasan manusia sejagat adalah satu institusi yang tidak demokratik sekali di dunia. Bangsa-Bangsa Bersatu adalah di bawah telunjuk Amerika dan United Kingdom. Budi bicaranya mesti diikuti. Kalau ditentang mereka boleh membuat tindakan sendiri, boleh bertindak mengebom, membinasakan mana-mana negara sewenang-wenang.

Australia cuba mengikut langkah ini Ingin tumpang sekaki berasaskan keturunan nenek moyang mereka di Barat tetapi malang Australia tidak berada di Barat tetapi tersadai dan terpacak di Timur. Lihatlah tindakan ke atas Libya, Palestin dan Iraq dibandingkan dengan keistimewaan yang diberi kepada Israel. Di manakah letaknya *confession dan concern* dengan izin, jaguh demokrasi dan hak asasi manusia yang melaungkan *high moral ground* ini? Mereka telah bersedia melihat beribu-ribu rakyat Iraq mati dan sengsara, beratus-ratus rakyat Palestin mati dan cedera tetapi apabila seorang kroni Barat, apa sahaja warna kulit atau di pelosok negara mana ia berada dituduh, dipenjarakan atau disekat perjalanannya dengan dilihat reaksi mereka ini tidak ubah seperti negara tersebut telah dibelenggu dan diseksa oleh kerajaan negara tersebut. Yang malang sekali ada juga segelintir rakyat kita masih takluk minda dan fikiran mereka dan mengikut apa sahaja yang dianggap baik dari Barat itu sebagai intan yang tinggi mutunya.

Tuan Yang di-Pertua, Saddam Hussein, Muammar Gaddafi adalah satu alasan sahaja. Sebenarnya mereka masih mahu Saddam Hussein dan Muammar Gaddafi berterusan memerintah negara mereka kerana pihak Amerika menganggap bahawa pemimpin seperti Saddam Hussein sahajalah yang berkemampuan memimpin Iraq dan menentukan beberapa pihak bertelagah di situ. Hingga sekarang mereka belum berjumpa pemimpin Iraq yang boleh menggantikan Saddam Hussein untuk memimpin negara tersebut. Saddam *is to be contained but not to be eliminated* dengan izin.

Orang Islam Syiah, Suni dan Kurdish bertelagah dan membunuh sesama sendiri. Manakah letaknya prinsip agama Islam yang mulia mengatakan ummah Islam bersaudara dan hendak bersatu padu? Apakah tingkah laku mereka ini betul Islam, pertelingkahan-pertelingkahan mereka telah melibatkan ummah mereka tertakluk dan terancam. Allah S.W.T yang maha berkuasa memberi negara Islam

kaya-raya tetapi kenapakah mereka telah membelakangkan ajaran agama mereka dengan membunuh sesama sendiri. Tidak bolehkah umat Islam berbincang, bermuzakarah dan akhirnya bersatu? Di manakah letaknya asas agama, latar belakang tamadun Islam yang cemerlang itu? Siapa salah, Baratkah atau orang Islam itu sendiri? Jika kita boleh diperbodoh dengan menyalahkan orang lain yang kita dieksploitasi, dengan itu saya meminta pihak PAS dan KeADILan janganlah segelintir masyarakat Barat, segala nilai baik dan murni itu adalah hak dan kepunyaan eksklusif mereka. Janganlah guna alasan nilai dan pendapat itu sebagai alasan untuk memecahbelahkan Islam di mana sahaja, lihatlah di Sarawak yang memecahbelahkan masyarakat Melayu dan Islam di sana.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat keadaan yang berlaku di Iraq yang mana sekarang Kuwait menuntut negara Iraq berjumlah USD22.9 bilion walaupun pihak United Nation Claim Conventioneers (UNCC) telah menetapkan 'USD15.9' bilion sahaja yang perlu dibayar. Kebanyakan jumlah ini boleh dibayar menggunakan penjualan minyak di Iraq tetapi sejumlah besar penjualan minyak Iraq ialah untuk membayar ganti rugi kepada pihak Amerika dan sekutunya semasa Perang Teluk dahulu dan sedikit sahaja yang boleh digunakan untuk membeli makanan dan perubatan di negara Iraq. Inilah caranya negara Islam boleh dimanipulasikan, inilah caranya masyarakat dunia diputar belitkan.

Dengan ini, saya mengajak umat Islam supaya menjadi manusia yang bijak berfikir dan bijak bertindak. Contohilah zaman kegemilangan Islam, bersedia lah untuk meninggikan tahap ekonomi kedudukan sosial masyarakat Islam. Jikalau orang Islam gagal bersatu padu, yang maju, mempunyai kuasa ekonomi seterusnya, kuasa yang mempertahankan negara, agama dan maruah mereka, orang-orang Islam yang tidak melihat gambar yang lebih besar tetapi melihat perjuangan sempit dan penilaian cetek akan mengenai masyarakat sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya berubah kepada perkara lain. Kalau kita lihat di negara kita, berupaya membangun KLIA

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Larut berdiri, Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Penjelasan sedikit. Tadi Yang Berhormat ada menyebut tentang kemajuan negara-negara Islam. Kita tahu pada hari ini dalam kita menuju ke arah kemajuan, kebijaksanaan pemimpin kita, Perdana Menteri kita, Menteri Kewangan dalam menghadapi krisis ekonomi masih ada rakyat Malaysia yang cuba mengaibkan kepimpinan kita dan kita tahu cara sedemikian bukanlah budaya kita kerana yang akan menerima keaiban ini bukan sahaja pemimpin kita bahkan rakyat jelata. Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat tadi yang mengatakan negara-negara Islam yang masih cuba dihimpit oleh kuasa-kuasa besar seperti Amerika. Sedangkan baru-baru ini, kita dapat melihat bagaimana satu persidangan di peringkat antarabangsa yang melibatkan negara-negara Islam diadakan di Kuala Lumpur, kebetulan persidangan melibatkan urusan Tabung Haji yang mana negara-negara Arab sendiri pada hari ini sedar betapa pengurusan Tabung Haji perlu juga, seolah-olah negara Arab ingin mencontohi urusan Tabung Haji. Jadi, saya minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya banyak, apa yang dibuat di Malaysia ini telah menjadi contoh kepada masyarakat Islam sedunia umpamanya perbankan Islam telah menjadi satu model kepada kebanyakan negara Islam di seluruh dunia. Walaupun pada ketika itu, pada masa kita merancang Bank Islam itu, belum banyak negara Islam bahkan satu sahaja negara Islam di dunia ini membuat perbankan secara Islam dan Tabung Haji pada kali ini telah menjadi satu kebanggaan kepada negara kita. Tetapi apa yang menyedihkan ada juga segelintir rakyat Malaysia yang pergi ke luar negara untuk mensabotaj ekonomi Malaysia meminta supaya pelabur asing jangan datang ke Malaysia. Apakah akibatnya nanti ialah orang Islam itu sendiri, orang Melayu itu sendiri datang untuk memecahbelahkan negara ini, belum menunggu orang luar daripada negara ini untuk datang ke negara ini, memecahbelahkan kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Shah Alam.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat bercakap tentang perpaduan Islam, saya dalam Dewan yang mulia ini, saya lihat bahawa PAS, ia mengisytiharkan diri sebagai jemaah Islam dalam wadah

perjuangan wadah Islam yang tulen. Saya rasa sepatutnya PAS bertanggungjawab menjelaskan Islam sebagai dasar dan sistem kehidupan yang menyeluruh.

Dalam ucapan Belanjawan yang dibentangkan oleh Ketua Pembangkang yang pada hemat saya mewakili pandangan perspektif Islam, saya tidak nampak tentang dasar-dasar Islam yang hendak dilaksanakan oleh PAS dalam bidang politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan serta perhubungan luar dan saya hendak penjelasan daripada Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat Dato', sebenarnya saya pun rasa tidak puas hati mendengar pembertangan yang dibuat oleh Ketua Pembangkang iaitu, ketua parti PAS sepatutnya telah boleh membentangkan iaitu, dasar-dasar kerajaan alternatif ataupun Belanjawan-belanjawan Alternatif diajukan dan disarankan kepada pihak kerajaan tetapi malangnya tidak ada *substance* langsung dalam ucapan-ucapan oleh Ketua Pembangkang tetapi saya memaafkan Ketua Pembangkang belum pernah menerajui kerajaan dan tidak tahu tindak-tanduk kerajaan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengan keadaan yang sedemikian kita.....

Tuan Moktar bin Radin: Nanti sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Tuan Moktar bin Radin: Ya, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Saya hendak tanya, Yang Berhormat ada juga menyebut bahawa usaha-usaha daripada pihak-pihak pembangkang untuk memburuk-burukkan negara di luar negara baru-baru ini sedang dilakukan dan yang jelas pada hari ini ada beberapa, pada 27 Oktober 2000 yang lalu, tujuh orang Ahli Senat Amerika - hari ini keluar di *newspaper* meminta Kongres Amerika supaya campur tangan untuk membicarakan Dato' Seri Anwar Ibrahim kembali dengan cara bebas dan konon secara telus. Jadi, apakah usaha-usaha mereka ini telah meyakinkan Senat-senat Amerika ini dan kalau ini berlaku, apakah pandangan Yang Berhormat? Yang Berhormat setujukah dengan saya bahawa mereka tidak ada hak untuk campur tangan dalam hal ehwal Malaysia.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, kalau saya hendak bentangkan semua penglibatan Amerika di seluruh dunia umpamanya di Central Amerika pada tahun 70'an, pihak Amerika telah masuk campur dalam politik di Central Amerika. Mereka menghantar latihan polis mereka secara kejam menindas masyarakat di Central Amerika. Saya ada mempunyai buku-buku yang ditulis oleh pihak pegawai-pegawai polis ini yang mengatakan macam mana latihan untuk mendera, mengkhianati, menghukum orang di Central Amerika. Selepas sahaja politik Amerika tidak perlu lagi dengan negara itu, negara itu terus ditekannya.

Begitulah juga kepada negara Iraq. Apabila dahulu Amerika marah dengan Iran, dilatih dan diberi senjata dengan pihak Iraq, dilatih tentera Iraq dan diberi kemudahan kepada tentera Iraq. Selepas Iraq tidak lagi berjalan se hala dengan Amerika dihentamnya Iraq. Lihatlah apa yang berlaku pada masa ini. Jadi, barang siapa meminta pertolongan kepada Amerika adalah menjemput si laknat dan syaitan masuk ke negara kita. [*Tepuk*]. Jadi, siapa yang berbuat demikian Yang Berhormat, ada lah mengkhianati negara ini sendiri apa cara sekalipun.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya selepas bercakap ini- sebenarnya saya tidak hendak bercakap politik. Saya bercakap perkara-perkara lain. Saya bukan tidak – saya menegur kerajaan lain daripada apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Permatang Pauh. Umpamanya jika kita berjaya membinakan bangunan Kuala Lumpur, Putrajaya, KL Tower, Sepang Circuit dan banyak lagi benda-benda yang besar dan istimewa di negara kita ini tetapi keadaan ini tidak konsisten Tuan Yang di-Pertua.

Kita lihat pejabat-pejabat Kerajaan Pusat tidak terjaga, nampak hodoh dan lama, cat pun kotor, hilang warna, bangunan yang tersergam hodoh adalah kepunyaan Kerajaan Pusat. Kereta-kereta diguna oleh pegawai-pegawai kerajaan juga lama dan sebahagian darinya tidak layak lagi diguna di jalan raya. Pegawai yang sudah ada yang tidak berupaya menja lankan tugas kerana kereta tidak ada dan senonoh untuk digunakan.

Pejabat pun begitu juga. Mesin taip, faks, motor machine, komputer tidak mencukupi. Kalau mencukupi pun bendanya sudah obsolete dan tidak boleh digunakan lagi. Pegawai-pegawai terpaksa menumpang kemudahan pejabat jiran

untuk menghantar faks dan fotostat. Begitu juga keadaan di luar negara. Saya pernah menyentuh perkara ini semasa apa yang berlaku di ...

Tuan Jimmy Lim Donald: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat. Sri Aman berdiri Yang Berhormat ya. Belakang Yang Berhormat.

Tuan Jimmy Lim Donald: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta pendapat Yang Berhormat bagi Batang Lupa kerana di Sarawak urusan kerajaan kadang-kadang kita terpaksa menggunakan perahu dan saya nampak begitu banyak perahu yang sudah lumpuh yang sudah tidak dapat dipakai, yang mungkin akan karam apabila digunakan di lautan yang berdekatan dengan Sarawak. Apakah pendapat Yang Berhormat tentang perahu dan enjin yang selalu rosak ini?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Di Sarawak umpamanya memang ketara sekali. Mana satu kereta kepunyaan Kerajaan Pusat, yang mana satu kereta ataupun bot-bot kepunyaan kerajaan negeri. Kalau kerajaan negeri kita lihat Mercedes dia model baru. Kalau Kerajaan Pusat umpamanya Volvo, Volvo 244 masih digunakan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara ini perlulah. Banyak yang saya tuliskan tetapi tidak payahlah saya baca kerana masa diganggu oleh kawan-kawan ini. *[Ketawa]*.

Senarai yang serba kekurangan ini tidak kehabisan. Ini telah memberi gambaran negatif kepada negara kita. Saya tidak tahu siapa yang hendak disalahkan. Justeru itu saya hanya boleh bermohon kepada kerajaan, contohilah gambaran yang lebih seimbang, bukan kemewahan dan kelebihan dan membazir yang kita pinta tetapi yang mencukupi dan seimbang kepada kemampuan negara .

Negara Sarawak patut diambil contoh dalam perkara ini. Di luar negara umpamanya, negara Indonesia membinakan kedutaan baru di Warsaw, Poland menggantikan tempat kediaman duta yang ada sekarang. Baru-baru ini kerajaan Indonesia membeli enam Mercedes kelas S di negara Brunei Darussalam. Bukan menunjuk-nunjuk tetapi untuk meninggikan tahap kedudukan perwakilan kita di negara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut sedikit persoalan pendidikan bahkan sebahagian besar yang saya hendak cakapkan ialah di bawah pendidikan. Saya mengalu-alukan pengumuman Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa di Limbang Sarawak untuk mempertingkatkan dan menekankan kepada pembangunan infrastruktur pendidikan di luar bandar terutama di Sarawak dan Sabah. Pengumuman ini amatlah menggembirakan.

Yang Amat Berhormat telah melihat sendiri bagaimana daifnya keadaan sekolah asrama murid dan guru di luar bandar terutama di Sarawak dan Sabah. Masyarakat bumiputera tidak berkehendak kerajaan untuk menyediakan melaksanakan kemudahan ini secara sekali gus tetapi harapan kami ialah supaya kerajaan melaksanakan pembangunan dan kemudahan penting ini secara segera, sistematik dan teratur kerana pulangnya kepada negara amatlah besar dan baik sekali.

Kita tidak dapat berharap kepada pihak guru-guru luar bandar berprestasi dan berproduktiviti tinggi, murid mencapai kecemerlangan, berdaya maju melainkan kemudahan-kemudahan ini dipertingkatkan.

Saya ingin menyeru kepada pegawai-pegawai kerajaan, Jabatan Pendidikan dan pegawai-pegawai yang ada hubung kait dengan perancangan membangun pendidikan ini dengan melaksanakan tugas, tanggungjawab yang diamanahkan itu dengan tidak terlalu banyak karenah, *red tape* dan birokrasi. Segala karenah yang tidak mendatangkan kelambatan, kemudaratan, kedudukan anak bangsa kita terutama masyarakat bumiputera di luar bandar.

Mungkin kita tidak berupaya mengikut contoh negara Sweden di mana tiap-tiap murid darjah satu hingga pelajar universiti semua guru-guru sekolah dibekalkan dengan komputer, Internet access, alamat e-mail peribadi. 60,000 orang guru iaitu 40% daripada tenaga kerja negara tersebut diberi latihan ilmu, informasi, komunikasi, pengliterasian peluang ilmu tersebut di bawah National Action Plan mereka. Mungkin kita tidak boleh membekalkan komputer kepada semua murid-murid kita tetapi bolehkah kerajaan memikirkan supaya komputer dijual kepada murid dan guru tidak dikenakan cukai.

Tuan Yang di-Pertua, ilmu teknologi maklumat, komunikasi diasaskan dengan pelajaran Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris. Mengikut keadaan yang ada sekarang ini ternyata rakyat bumiputeralah yang akan terus tertinggal dan mungkin tersisih di semua bidang di masa yang akan datang jikalau langkah radikal tidak diambil sekarang. Di United Kingdom umpamanya, tahun 1998-1999 sebagai Tahun Membaca Kebangsaan, tahun 2000 adalah Tahun Matematik Kebangsaan. Rangka plan negara tersebut telah dilaksanakan semenjak 1999 di mana murid semua sekolah rendah diajar sekurang-kurangnya satu jam sehari tiaptiap hari sebagai *numeracy strategy*, dengan izin, dalam bidang *oral* dan *mental* untuk memperkukuhkan literacy effort ke seluruh negara tersebut.

Dalam masa yang sama keseluruhannya negara di Eropah telah mengambil tindakan-tindakan yang sama dengan melebihi peruntukan dan tindakan dan pelan mereka supaya bidang literasi teknologi maklumat dan komunikasi mereka tidak tertinggal kerana mereka sedar bahawa kecemerlangan pendidikan sekarang akan menambahkan mutu daya saing mereka di masa akan datang di bidang k-ekonomi dan bio-teknologi.

Kecundang atau ketinggalan di zaman teknologi maklumat dan komunikasi akan menambah ketinggalan kegagalan di zaman k-ekonomi dan masa hadapan. Bahkan negara jiran kita seperti Singapura telah merombak dasar dan kurikulum pendidikan mereka yang baru untuk mewujudkan *creative thinking students*, dengan izin, walaupun tujuan asas adalah untuk mempromosikan *skill thinking, independence learning and creativity*, dengan izin, atas nama kemajuan dalam bidang ekonomi masa hadapan dan berjenterakan teknologi maklumat.

Walaupun murid-murid pelajar seluruh Singapura telah mencapai kecekapan Matematik dan Sains tetapi kreativiti dan fleksibiliti adalah matlamat baru pendidikan negara tersebut. Apakah agenda pendidikan negara kita? Adakah kita rela infrastruktur teknologi maklumat, komunikasi dan bio-teknologi yang diasaskan oleh Koridor Raya Multimedia menjadi hak dan halaman orang lain? Adakah kita rela anak bangsa kita akan hanya menjadi penghuni di luar bandar terpinggir dan tersisih?

Tuan Yang di-Pertua, di bidang teknikal. Negara yang berjaya mengemblemkan tenaga manusia di bidang teknikal ialah negara Jerman dan Jepun

terutama negara Jerman. Dengan itu maka banyak negara–negara agro yang mencontohi negara Eropah mencontohi negara tersebut walaupun negara Jerman tidak mempunyai *world class university* tetapi dasar, rangka program untuk membangunkan masyarakat yang bijak teknikal. Lihatlah keluaran mereka. Kereta mereka. Ini bukanlah berlaku secara kebetulan tetapi telah difikir, dirancang untuk menghalakan ke arah itu serta diperuntukkan dengan sumber kewangan yang mencukupi.

Dengan itu saya menyarankan kepada kerajaan agar dasar, bidang dan program untuk meningkatkan ilmu teknikal di kalangan masyarakat Malaysia dimulakan sekarang. Sumber kewangan tenaga pengajar dan kemudahan bangunan dirancang segera. Institusi kemahiran guna tenaga hendaklah dibesarkan dan dibesarkan sepenuhnya. Adalah tidak mencukupi untuk mengadakan pusat latihan pekerja mahir dan separuh mahir untuk keperluan industri yang ada tetapi institusi latihan hendaklah dinaikkan ke tahap institusi ke pengajian tinggi tahap universiti.

Pihak swasta yang berkemampuan untuk menubuh institusi pendidikan tinggi teknikal bolehlah diberi galakan dan insentif yang berpatutan. Institusi pengajian tinggi teknikal ini hendaklah digalakkan untuk bekerjasama dengan pihak industri yang berkaitan. Ini akan mendatangkan faedah kepada semua pihak. Industri tidak perlu mempunyai pusat latihan sendiri tetapi boleh menggunakan kemudahan latihan dan kursus di peringkat jangka pendek dan panjang di institusi yang disediakan oleh pihak lain. Sementara institusi itu mendapat pulangan dari memberi latihan, kerajaan pula boleh memberi kerja latihan sistematik seterusnya mempertingkatkan tahap kemahiran guna tenaga negara.

Pada masa sekarang di negara Eropah umpamanya telah mengadakan satu sistem yang dikatakan namanya *Socrates* dan *da Vinci*. *Socrates* adalah pendidikan persekolahan bahasa, sains dan budaya dan akademik dan *Leonardo da Vinci* di bidang latihan teknikal *placement* dan *mobility*. Sekarang ini dalam tahun 2000 mereka termasuk *Socrates 2* dan *Leonardo da Vinci 2*. Persoalan saya apakah rancangan Asean dalam soalan bidang bahasa, culture dan sebagainya di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit soalan berhubung dengan aspirasi kerajaan untuk mewujudkan Nobel Peace Prize kita sendiri. Tujuan dan

matlamat ini adalah amat baik sekali. Kita boleh membina bangunan yang tinggi di dunia, lapangan terbang KLIA dan yang mengagumkan, Sepang Circuit yang terpuji di dunia, Kutub Utara telah kita capai, Lautan Teduh sudah kita jinakkan, 'Malaysia Boleh', Tuan Yang di-Pertua.

Di bidang pengajian dan research suasana sokongan dan galakan hendaklah dipertingkatkan. Suasana untuk mempertingkatkan inovasi dan kreativiti mestilah dijaga. *Mentality to get result quick*, dengan izin, kepada researchers tidak ubahlah seperti berkehendakkan peniaga menjadi cepat kaya akhirnya kecundang. Di bidang ini research metekrasi, liberalisasi dan perseverance dalam bidang research adalah perlu.

Kerajaan ataupun pegawai yang ada hubung kait dengan usaha ini berterusan memberi galakan, bantuan dan kemudahan yang mencukupi. Pencapaian dan pengiktirafan akan memakan masa yang lama. Umpamanya baru-baru ini dua orang pakar neurologist Amerika Professor Eric Candel dengan Professor Alvin Carlsson di bidang perubatan neuropsychopharmacological dalam bidang perubatan penyakit Parkinson berasaskan penemuan dibuat pada tahun 1950-an dan baru diberi pengiktirafan dan diberi Nobel Peace Prize pada tahun ini dan akan disampaikan pada 10 Disember ini.

Tuan Yang di-Pertua, pencapaian dalam bidang research and development ada hubung kaitnya dengan sistem pelajaran di negara-negara tersebut. Amerika, Jepun, Jerman mempunyai peruntukan bidang research development yang tinggi. Tetapi mungkin mempunyai fokus disiplin dan regim penyelidikan dan pembangunan yang berlainan. Jepun menekankan pembangunan kuasa ekonomi menerusi industri dan perdagangan. Regim dan disiplin pelajaran mereka juga dihalu ke arah itu. Begitulah juga dengan meningkatkan pencapaian bidang teknikal dan kejuruteraan, begitulah regim dan disiplin persekolahan dan universiti mereka.

Ada segelintir pengkaji prestasi universiti di dunia mengatakan regim persekolahan pengajian universiti di Jerman dan Jepun akan melahirkan stereotype graduan berpelajaran tinggi berlandaskan apa yang diterima di sekolah dan universiti tetapi tidak mewujudkan suasana untuk melahirkan inovasi, kreativiti dan latihan berfikir, incurring all around graduates, dengan izin, seperti di Amerika Syarikat.

Kita boleh mencaci banyak kepincangan sistem persekolahan dan pendidikan di Amerika tetapi negara itulah banyak kejayaan di bidang pendidikan dan pengajaran. Pendidikan pengajian dan pembelajaran di sekolah dan universiti memberi banyak ruang dan peluang yang luas dan menunjukkan bakat inovasi dan kreativiti. Tambahan pula dengan universiti 'ayurvedic' yang banyak dan bertaraf dunia. Kemudahan research yang mempunyai suasana dan environment dengan izin, yang tidak menekan regim kawalan yang liberal, bantuan kewangan yang mencukupi. Hingga sekarang tidak kurang daripada 170 orang pemenang Nobel Prize dalam natural science daripada negara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum pindaan akta IPTS pada 1996 negara kita mempunyai lapan universiti dan beberapa IPTS yang tidak bertahap universiti. Pada masa sekarang kita telah mempunyai 9 universiti awam dan 6 IPTS bertahap universiti kepunyaan syarikat awam seperti TEN, Petronas, Telekom, KUB, kerajaan Selangor dan Kedah dan 600 IPTS yang tidak ada mempunyai tahap yang tertentu.

Dengan itu saya mencadangkan kepada kementerian dengan kerjasama pihak LAN (Lembaga Akreditasi Negara) supaya mengambil tindakan segera untuk mengklasifikasikan semua pusat pendidikan tinggi di negara ini termasuk semua 600 lebih IPTS yang saya sebutkan itu. Barangkali klasifikasi ini sudah semestinya mengikut klasifikasi yang jelas dan tertentu. Ini termasuk penentuan kualiti pendidikan yang diberi oleh tiap-tiap IPTS tersebut kerana jikalau perkara ini tidak menentu dibiarkan berterusan, bukan sahaja matlamat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan serantau akan terjejas tetapi kredibiliti pendidikan negara ini juga akan terjejas sama.

Tuan Yang di-Pertua, bijak pandai kita di negara ini telah mengenal pasti kekurangan murid dan pelajar Melayu masih menghadapi masalah belajar dan bersaing di dunia pendidikan yang kompetitif. Ini mestilah diatasi dengan segera kerana dunia teknologi maklumat dan komunikasi tidak menunggu sesiapa yang masih terpinga-pinga dan terpegun. Kalau dilihat daripada pencapaian bidang profesional di negara ini, ternyata kita masih jauh ke belakang. Secara purata, profesional Melayu hanya mencapai 28.8%, profesional Cina 55.3%, profesional India 14.6%, yang lain 1.3% pada perangkaan tahun 1998.

Di bidang pelajaran Matematik dan Sains, Matematik Tambahan bumiputera 43,255 calon menduduki peperiksaan dalam tahun 1998, lulus cemerlang 2,898 iaitu 6.75%, kepujian 16,268 iaitu 37.6%. Bukan bumiputera 33,852 - calon cemerlang 12,322 iaitu 36.4% dan kepujian 25,693 iaitu 75.9%. Jumlah kelulusan ialah 41,960, ini adalah 56.7%. Demikianlah juga dalam bidang Fizik, Kimia dan Biologi kalau saya hendak baca panjang sangat, Tuan Yang di-Pertua. Jadi....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa sudah hendak habis, Yang Berhormat. Sila gulung ya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ini data yang penting, Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, sedikit sahaja saya nak cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila gulung, ya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Secara keseluruhan tidak ada peringkat prestasi berlaku pada tahun 1998 dan 1999 untuk kedua golongan bumiputera dan bukan bumiputera. Ini menunjukkan bahawa penekanan kepada pengajian ini di peringkat sekolah dan universiti atau institusi pengajian tinggi hendaklah dipertingkatkan. Kalau dibanding dengan national average pencapaian negara kita di dunia, ternyata pencapaian negara kita jauh masih rendah, perlu diambil tindakan yang khusus. Tetapi pencapaian bumiputera dengan national average negara dan national average negara lain di dunia bukan sahaja rendah tetapi amatlah membimbangkan.

Dari itu saya menyeru pihak kementerian agar melihat dalam masa yang amat kritikal ini, menggesa supaya tidak berlengah lagi untuk memberi perhatian ke atas perkara-perkara ini. Banyak laporan mengatakan bahawa murid-murid dan pelajar Melayu tidak fokus dalam pelajaran kerana terpesong dengan perkara-perkara lain, umpamanya politik, persatuan dan hiburan. Hendaklah mendapat perhatian kementerian supaya mereka ini menjadi lebih fokus lagi. Masalah murid pelajar Melayu yang tidak mahir dalam menguruskan pengajian dan pelajaran, menguruskan masa, cara membaca dengan berkesan, menggunakan cara berfikir secara holistic, ini mesti mendapat bimbingan pengajaran khusus dalam bidang pembelajaran.

Murid-murid pelajar Melayu yang bergantung sangat kepada nota dari guru dan dimanjakan sangat, cepat berpuas hati dengan pencapaian kerana sindrom cukup makan mestilah diatasi. Pihak Kementerian Pendidikan hendaklah mencari dan mengecam cara mengubati penyakit murid-murid Melayu dan bumiputera yang menghidap penyakit fobia ke atas pelajaran Matematik dan Sains. Kalau perlu adakan sesi perjumpaan dengan ibu bapa, pembimbing dan semua masyarakat yang berkenaan. Ini mestilah dimulakan dengan latihan dan pendekatan yang sesuai kepada guru-guru yang berada di maktab-maktab perguruan seluruh negara. Pemilihan guru juga penting. Kita tidak mahu lagi calon mereka yang hanya mencari pekerjaan, mereka yang dipilih bukan sahaja mempunyai tingkatan persekolahan, sijil kesesuaian mengikut piawaian yang ditetapkan tetapi juga mempunyai kecenderungan dan minat dalam profesion perguruan.

Guru-guru pelatih yang di maktab-maktab mestilah diberi latihan untuk motivasi psikologi dan kepakaran kaunselor untuk senang mereka menjalankan tugas mereka apabila sampai ke sekolah nanti. Ini akan berupaya mengasaskan dirinya sebagai tenaga pendidik, bukan sahaja tenaga pengajar. Saya juga sedar bahawa Kementerian Pendidikan sudah membuat perubahan penekanan sekolah-sekolah supaya murid-murid dan pelajar....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat sila gulung, Yang Berhormat, panjang ini.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sedikit, dua tiga line lagi. Terima kasih. Supaya murid-murid dan pelajar-pelajar menggunakan 'fokalti' fikiran mereka daripada menghafal. Tetapi saya bimbang perubahan yang sedikit ini belum lagi difahami oleh sebilangan besar masyarakat guru di negara ini. Ini ternyata dari soalan yang dibuat untuk peperiksaan bulanan dan mingguan cara mengajar yang dipamerkan. Dari ini kementerian hendaklah menggerakkan semua Jabatan Pendidikan Negeri konsep dan ke arah baru yang dipelopori oleh kementerian itu sampai ke kumpulan sasar yakni ke sasar, yakni murid-murid dan pelajar.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya beri Yang Berhormat bagi Rasah dahulu.

12.25 tgh.

Dato' Goh Siow Huat [Rasah]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2001 ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan untuk tahun 2001 ini kerajaan adalah amat mengambil berat tentang k-ekonomi. Ini dapat dibuktikan melalui tawaran-tawaran yang istimewa kepada orang-orang profesional untuk pulang atau datang berkhidmat ke negara kita seperti pengecualian cukai bagi kemasukan pendapatan dari luar selama dua tahun dan juga kemudahan PR, dengan izin, pihak isteri atau suami atau anak-anak selepas enam bulan. Langkah kerajaan ini adalah amat tepat dan bijak sekali untuk menggalakkan orang-orang profesional pulang dan datang ke negara kita, supaya kemahiran, pengetahuan dan pengalaman mereka dapat disumbangkan untuk perkembangan teknologi yang lebih berkesan seperti meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara kita.

Walaupun faedah kepada orang-orang profesional ini adalah begitu baik, saya rasa perlu juga ada satu kriteria yang jelas bagi golongan profesional yang dimaksudkan ini, serta kelayakan yang diperlukan. Saya berharap anak Malaysia yang telah tamat pengajian yang tinggi seperti di negara Taiwan, yang telah berjaya menjadi orang yang profesional di negara Taiwan ini, atau sudah berkhidmat selaku orang profesional di negara lain juga dapat dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak penduduk di kawasan bandar Seremban, saya ingin meminta Menteri Kerja Raya mengkaji untuk mengecualikan bayaran tol yang dikenakan di kawasan bandar Seremban. Ini adalah kerana pembangunan perumahan di kawasan Majlis Perbandaran Seremban adalah begitu pesat dan walaupun struktur perancangan MPS adalah begitu baik. Umpamanya pemasangan sistem skate lalu lintas. Masalah kesesakan adalah masih merupakan satu masalah yang serius pada hari cuti atau musim percutian. Sekiranya bayaran tol ini di kawasan Seremban dapat dikecualikan sudah tentu penduduk-penduduk mempunyai pilihan untuk menggunakan laluan lebuhraya dan kesesakan lalu lintas di bandar Seremban akan dapat dielakkan.

Pengecualian bayaran tol ini juga tidak akan mengakibatkan laluan kenderaan di Lebuhraya Utara-Selatan. Cuma plaza tol di kawasan Majlis Perbandaran Seremban ini dipindahkan keluar sedikit dari kawasan MPS. Ini bermakna pindahan tol-tol ini iaitu tol Seremban, tol Rasah dan tol Senawang tidak mengakibatkan kutipan tol penggunaan kenderaan di Lebuhraya Utara-Selatan. Ini akan memberi faedah kepada penduduk-penduduk di sekitar kawasan MPS seperti bandar-bandar lain di Semenanjung, umpamanya Alor Setar, Butterworth, Ipoh dan Johor Bahru yang tidak dikenakan bayaran tol.

Pihak kerajaan tempatan iaitu Majlis Perbandaran Seremban juga pernah mengemukakan cadangan kepada Menteri Kerja Raya pada bulan September tahun 1996 berkaitan perpindahan tol Rasah keluar daripada kawasan MPS. Saya percaya dalam masa empat tahun ini pihak Plus telah mendapat kutipan bayaran tol yang agak banyak daripada penduduk-penduduk di kawasan bandar Seremban ini dan ada plaza tol-tol Plus dipindah keluar sedikit ke kawasan MPS supaya sistem lalu lintas di bandar Seremban dapat betul-betul berkesan.

Di sini saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kementerian Pertanian kerana telah memperuntukkan wang yang begitu banyak untuk meningkatkan sistem perparitan dan melaksanakan projek tebatan banjir sungai di Seremban. Oleh itu, banjir di pusat bandar Seremban telah dapat dikurangkan ke tahap yang paling minimum sekali kerana aliran perparitan telah dapat mengalir dengan laju dan lancar ke dalam sungai besar iaitu Sungai Linggi. Tetapi langkah-langkah yang baik ini telah membawa kesan negatif bagi penduduk-penduduk di kawasan luar bandar, sehingga mengakibatkan banjir kilat yang serius sewaktu hujan, khususnya pada musim air pasang di kawasan-kawasan seperti pekan Rantau, pekan Kuala Sawah dan lain-lain penduduk yang berhampiran sepanjang Sungai Linggi ini.

Kerajaan Negeri telah membelanjakan RM2 juta untuk mengkaji masalah banjir di kawasan Sungai Linggi ini. Oleh itu, saya meminta Kementerian Pertanian dapat mempercepatkan membantu Kerajaan Negeri untuk projek mendalamkan, melebarkan sepanjang Sungai Linggi dari kuala sungai ke pusat bandar Seremban bagi mengatasi masalah banjir kilat yang telah mengganggu kehidupan dan

merosakkan harta benda penduduk-penduduk yang terlibat dengan begitu ramai sekali.

Tuan Yang di-Pertua, mutu pendidikan di negara kita semakin meningkat. Ramai ibu bapa yang begitu mengambil berat tentang pendidikan anak-anak mereka, walaupun kelas tadika, sama ada tadika kerajaan ataupun tadika swasta. Ini juga menunjukkan masyarakat kita pada hari ini adalah begitu mengambil berat budaya pendidikan. Adakah budaya pendidikan ini merangkumi golongan warga tua atau pesara-pesara yang masih boleh memberi sumbangan kepada masyarakat kita, supaya dapat mewujudkan satu masyarakat yang berpelajaran iaitu macam *learning society*, dengan izin. Saya dapati ramai warga tua di negara-negara maju walaupun usia mereka telah meningkat tetapi mereka masih minat untuk terus belajar.

Oleh itu, saya menyeru kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat kita mempercepatkan membuat aktiviti-aktiviti pendidikan dengan sistematik supaya warga tua, pesara-pesara dapat berehat dan juga berpeluang menambahkan pengetahuan seperti pendidikan alam kesihatan, pengetahuan perubatan, pendidikan panjang umur dan pendidikan seni. Jika projek-projek ini dapat dilaksanakan dengan lancar, warga tua kita memang akan bergembira dan tidak rasa masyarakat mengabaikan mereka.

Sijil Kemahiran Malaysia yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia adalah satu usaha yang baik untuk meningkatkan kemahiran juruteknik yang bertaraf profesional tetapi saya ada sedikit khuatir, mutu bahasa juruteknik-juruteknik kerana bahasa ini adalah penting dalam menyiapkan dokumen-dokumen seperti menulis surat, membuat kertas kerja, membuat catatan dan sebagainya.

Oleh itu saya ingin tahu, adakah Sijil Kemahiran Malaysia ini termasuk juga pendidikan bahasa supaya juruteknik-juruteknik yang mahir berkemampuan menghadiri mesyuarat atau berkomunikasi dengan pihak-pihak tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana negara kita adalah maju, stabil dan mempunyai ekonomi yang baik ramai pelabur asing suka melabur di negara kita. Kebanyakan pelabur-pelabur kaya begitu sibuk dan mempunyai pelaburan di banyak negara, oleh itu *landing visa* sementara, se minggu atau dua minggu sebaik sahaja tiba

di KLIA adalah penting bagi kemudahan pelabur-pelabur kaya yang sibuk supaya mereka dapat menjimatkan masa dan memudahkan datang ke negara kita.

Di samping itu, bagi negara asing yang mempunyai ramai pelabur di negara kita, adakah kerajaan kaji untuk memberi kelulusan kepada mereka untuk menubuhkan cawangan bank di negara kita demi kemudahan urusan niaga mereka di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini didapati masalah pesakit psikiatri adalah semakin serius sehingga ada berlakunya kes kematian atau kecederaan sama ada ke atas pihak mangsa atau pesakit itu sendiri. Biasanya bagi pesakit psikiatri yang ringan, mereka akan dapat rawatan sementara sahaja dari hospital dan selepas itu mereka akan dikeluarkan. Tetapi kebanyakan ahli keluarganya tidak dapat menerima balik kepulangan pesakit ini kerana takut menjadi bahaya kepada mereka. Oleh itu pesakit-pesakit ini akan merayau-rayau di merata tempat seperti di tepi jalan dan kaki lima dan mengganggu ketenteraman awam. Contohnya kejadian yang telah berlaku di Johor Bahru baru-baru ini di mana seorang pesakit psikiatri memasuki ke kawasan sekolah dan mencederakan seorang pelajar sehingga polis terpaksa menembak pesakit itu.

Langkah percubaan menyelamat ini telah mengambil masa empat jam. Selain daripada itu pernah berlaku satu kes di Pulau Pinang di mana seorang pesakit psikiatri telah terjun dari bangunan tinggi sehingga berlakunya kematian. Langkah percubaan menyelamat ini telah mengambil masa tujuh jam. Masalahnya ialah mana satu unit atau pasukan yang patut ambil tindakan yang pertama sekali. Adakah ini tindakan pegawai-pegawai kesihatan dan perubatan? Apabila ada kes-kes seperti yang disebutkan tadi berlaku memandangkan jangka masa cubaan menyelamat yang diambil adalah begitu panjang.

Berkaitan dengan cadangan ahli keluarga juga bertanggungjawab untuk menjaga pesakit mental, saya rasa bukan semua ahli keluarga boleh mengawal pesakit-pesakit mental ini. Saya yakin cuma doktor-doktor, jururawat-jururawat atau pembantu perubatan yang berpengalaman barulah boleh mengawal pesakit-pesakit mental dengan lebih sempurna. Bolehkah kerajaan menimbang untuk mewujudkan rumah perantaraan atau *half way house* di setiap negeri supaya pesakit-pesakit mental

yang bukan 100% gila dapat dijaga dengan baik supaya emosi mereka tidak terganggu dan kejadian yang tidak diinginkan dapat dielakkan daripada berlaku.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Dato' Goh Siow Huat:saya mempersetujui galakan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, Sri Gading ya.

Dato' Goh Siow Huat: Ya, terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hendak tumpang tanya ini yang gila bukan 100% gila ini macam mana Yang Berhormat? *[Ketawa]* Hendak tahu sedikitlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Gila sedikit sahaja.

Dato' Goh Siow Huat: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya rasa pesakit-pesakit ini memang susah hendak 'dicerminkan' tetapi saya rasa begitu ramai orang tahu, barangkali bila ada emosi, dia akan jadi teruk.

Jadi, terima kasihlah saya bersetuju

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Mengetuk pembesar suara]*
Yang Berhormat.

Dato' Goh Siow Huat:galakan hospital swasta untuk

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Rantau Panjang berdiri Yang Berhormat ya.

Dato' Goh Siow Huat: Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Masalah pesakit jiwa yang tidak sepenuh yang dimaksudkan tadi, adakah gila kuasa ini termasuk takrif jenis gila separuh ini *[Ketawa]*

Dato' Goh Siow Huat: Terima kasih. Saya rasa ini memang susah hendak dicakapkan. Saya cadangkan kalau Ahli-ahli Yang Berhormat kurang

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Faham.

Dato' Goh Siow Huat:faham atau kurang puas hati barangkali boleh buat satu lawatan ke Hospital Psikiatri *[Ketawa]* Memang semua adalah lebih jelas.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tumpang bertanya

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, tanya lagi ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, pertanyaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Setuju tidak Yang Berhormat daripada Rasah, yang gila kuasa ini kerana belum dapat kuasa, yang sudah dapat kuasa dia tidak gila kuasa. Yang belum ini, itu yang gila kuasa ini. Agak termasuk dalam yang dikatakan 'gila yang tidak gila' ini agaknya.

Dato' Goh Siow Huat: Terima kasih, saya memang bersetuju. *[Tepuk]*
[Ketawa]

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada lagi yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Rasah.

Yang gila kuasa ini boleh tidak katakan termasuk yang hilang kuasa dan tidak sabar hendak tunggu lima tahun lagi dan sekarang macam 'ayam mengeram'.
[Disampuk] Masuk tidak itu?

Dato' Goh Siow Huat: Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dato' Goh Siow Huat: Saya baca dalam

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nampaknya gila semua nampaknya. *[Ketawa]*

Dato' Goh Siow Huat: ...dalam surat khabar hari ini, saya rasa Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan pun ada sebutkan macam mana orang yang gila, orang yang gila kuasa, kalau boleh Ahli-ahli Yang Berhormat pun bacalah artikel itu. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak beri lagi Yang Berhormat, cukuplah tidak?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ...sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bab gila lagikah ini? *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini Yang Berhormat bagi Rasah saya mohon penjelasan. Boleh tidak kita katakan yang gila ini ialah yang mengatakan orang tidak hilang kuasa, dia katakan hilang kuasa.

Barisan Nasional tidak hilang kuasa kerana di Dewan ini 148, maknanya tidak hilang kuasa tetapi dikatakan macam hilang kuasa. Adakah itu sebagai perkataan orang yang gila seperti mana Yang Berhormat kata tadi?

Dato' Goh Siow Huat: Saya rasa bolehlah Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

Dato' Goh Siow Huat: Okay, terima kasih. Saya mempersetujui galakan hospital swasta untuk mewujudkan wad pesakit mental tetapi kos perubatan swasta ini adalah pasti tinggi, bukan semua orang mampu hantar pesakit-pesakit mental ini ke wad hospital swasta ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua rakyat Malaysia adalah berpotensi dalam banyak bidang sukan yang boleh membantu meningkatkan imej negara kita. Kita pernah berjaya dalam sukan dan di peringkat antarabangsa seperti menembak sasaran dan badminton. Saya percaya ramai lagi belia di luar bandar juga berpotensi menjadi ahli sukan negara. Saya harap Kementerian Belia dan Sukan dapat juga beri bantuan kepada ahli-ahli sukan melalui peruntukan di bawah pertubuhan-pertubuhan luar bandar atau kampung supaya dapat melahirkan lebih ramai ahli-ahli sukan yang berpotensi untuk mewakili negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dan sokong langkah kerajaan untuk mengharamkan pusat-pusat permainan video yang berbentuk judi seperti slot mesin kuda. Tetapi bagi mesin-mesin permainan yang tidak dapat dijadikan perjudian, saya harap kerajaan dapat kaji semula untuk membenarkan pusat-pusat ini meneruskan aktiviti-aktivitinya supaya generasi muda kita mempunyai pusat hiburan yang sesuai bagi mengisi masa lapang mereka.

Di sini saya juga ingin menyeru kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya dapat menyediakan lebih banyak lagi tapak permainan dan kemudahan bagi kanak-kanak dan juga golongan muda. Tapak permainan ini bukan sahaja di pusat bandar atau pekan tetapi juga di kawasan-kawasan perumahan.

Saya juga berharap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat juga mempertingkatkan serta memperbaiki tapak-tapak permainan kosong dengan bermacam-macam peralatan atau kemudahan yang telah dirizabkan di taman-taman perumahan supaya masyarakat kita khususnya golongan muda-mudi dan juga warga tua mempunyai tempat yang sesuai untuk meluangkan masa lapang mereka. Kerajaan tempatan juga perlu sentiasa menjaga, memelihara dan juga menaikkan taraf tapak-tapak permainan ini dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga ingin menarik perhatian Kementerian Kerja Raya berkaitan tawaran kerja Kelas F. Biasanya kontraktor Kelas F boleh memasuki tender kerja-kerja seperti bersih atau baiki longkang, potong rumput, membaiki tanah runtuh di tepi jalan raya. Saya telah difahamkan bahawa mulai tahun hadapan, tender kerja-kerja seperti ini adalah di bawah tiga buah syarikat besar. Kontraktor-kontraktor Kelas F perlu tender kepada tiga buah syarikat ini dan bukan kepada JKR. Dengan ini kontraktor-kontraktor Kelas F merasa keuntungan mereka akan berkurangan. Oleh itu saya haraplah kerja-kerja seperti yang disebutkan tadi dapat tender dengan pihak JKR sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Belanjawan ini. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jerlun, Jerlun.

12.49 tgh.

Drs. Haji Abu Bakar bin Haji Othman [Jerlun]: Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. *[Disampuk]* Salam Sejahtera.

Firman Allah S.W.T. di dalam surah Al-A'raaf ayat 96 *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Maksudnya, "Kalau sekiranya penduduk negeri itu beriman dan bertakwa, nescaya Kami yakni Allah curahkan kepada mereka keberkatan rezeki dari

langit dan bumi. Tetapi mereka itu mendustakan sebab itu kami seksa mereka disebabkan apa yang mereka usahakan”.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali perlu ditegaskan bahawa Belanjawan 2001 kali ini amat menghampakan harapan rakyat untuk melihat perubahan yang benar-benar berkesan bagi mengatasi pelbagai tekanan, kesusahan dan penderitaan mereka dari segi sosioekonomi, sosiopolitik, kos pendidikan, kos kesihatan dan sebagainya. Sedangkan janji-janji UMNO Barisan Nasional dalam pilihan raya lalu belum ditunaikan. Kini janji-janji manis yang baru tetapi kosong pula didendangkan. Memang tepat pandangan sebahagian orang yang mengatakan bahawa belanjawan kali ini bukan sahaja ketinggalan zaman, rendah mutunya, indah khabar dari rupa, malahan mengandungi unsur-unsur pepat di luar rencong di dalam. Laporan ekonomi 2000/2001 menunjukkan deposit belanjawan kini dianggarkan melebihi RM18 bilion.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada yang berdiri Yang Berhormat.

Drs. Abu Bakar bin Othman: Kalau Tuan Yang di-Pertua boleh beri masa saya 1 jam, saya boleh beri laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak boleh bagi.

Drs. Abu Bakar bin Othman: Kalau begitu, minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Drs. Abu Bakar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, mulai daripada ini bagi tahu semua ini, saya tidak bagi laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi laluan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Minta sikit sahaja.

Drs. Abu Bakar bin Othman: Tidak, tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terpulang pada dia. Dia tidak bagi Sri Gading.

Drs. Abu Bakar bin Othman: Berbanding tahun lalu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Minta sikit sahaja.

Seorang Ahli: Di luar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi.

Drs. Abu Bakar bin Othman: Sekitar RM9.5 bilion dan tiga kali ganda lebih

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: *Mailes, mailes* di sini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Menyampuk*]

Drs. Abu Bakar bin Othman: ...tahun 1998.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, ana pun cakap Arab juga, *mailes, mailes*. [*Ketawa*] Sila.

Drs. Abu Bakar bin Othman: Dan, 3 kali ganda lebih tahun 1998, RM5 bilion.

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*] [*sambil menunjuk ke arah Sri Gading*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apa duduk, dia sudah duduk. Dia sudah duduk. Saya tidak berapa dengar tu. Duduk.

Drs. Abu Bakar bin Othman: Deposit tahun keempat yang berturut-turut ini pasti akan berterusan dengan kadar berganda yang lebih besar. Manakala hutang Kerajaan Pusat dianggarkan meningkat kepada RM125.9 bilion pada tahun ini. 41.6% daripada KDNK iaitu meningkat 12.3% berbanding tahun lalu, iaitu kesan daripada pengeluaran sekuriti kerajaan, Malaysian Government Securities (MGS). Sehubungan itu, hutang negara, walaupun turun kepada 2.6% tetapi jumlahnya RM156.6 bilion iaitu 51.8% daripada KDNK. Hutang berkenaan untuk jangka pendek dan jangka panjang sektor awam dan juga sektor swasta, 87.4% dari keseluruhan jumlah hutang itu. Sedangkan keupayaan membayar hutang pokok dan juga bunga menurun kepada 2.9%. Maka bagi membiayai deposit tahun ini kerajaan terpaksa meminjam atau berhutang 77.1% melalui dana tempatan ekoran pengeluaran MGS dan government investment issues, di mana EPF sebagai *creditor* terbesar,

memegang 66% jaminan keluaran MGS itu. Manakala baki jumlah pinjaman dari sumber luar, seumpama Bank Dunia dan Japan Bank for International Cooperation di bawah program Myazawa.

Sehubungan itu juga, Laporan Ketua Audit Negera 1999 memberi amaran bahawa Perbendaharaan telah menjadi penjamin bebanan hutang besar yang sebahagian besar oleh swasta untuk projek-projek mega. Jumlah jaminan itu adalah terbesar berbanding jaminan RM12 bilion pada tahun 1995. Pecahan hutang itu adalah RM11.7 bilion untuk KLIA; RM10.98 bilion untuk Khazanah Nasional Bhd.; RM10.3 bilion oleh Pengurusan Danaharta; dan RM5 bilion untuk PERWAJA, Terengganu.

Dalam hubungan ini, satu hal yang lucu kronik dan eronik, Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan mengatakan Perbendaharaanlah yang akan menghadapi sebarang risiko untuk membayar semula hutang-hutang yang dijamin itu. Sedangkan rakyat semua tahu bahawa Perdana Menteri terpaksa menjelajah ke luar negara untuk mengecek, kalau pun tidak dinamakan sebagai pengemis terhormat, termasuk baru-baru ini menemui Tuanku Sultan Brunei. Dalam hubungan ini juga, saya tidak pasti apakah Malaysia dapat menebus dan memperbaiki imejnya yang tercemar sebagai negara ranking yang ke 36 dalam senarai kajian negara-negara global pengamal rasuah.

Walau bagaimanapun, belanjawan deposit yang dibebani dengan bebanan hutang negara sudah pasti rakyat akan menanggung kesan dan akibatnya. Akibat kenaikan harga barangan, kos dan pelbagai tarif. Walaupun bon kerajaan sudah tidak berkeupayaan atau jauh nilainya, di samping pihak luar negara tidak puas hati dan kurang yakin dengan kedudukan bank-bank di negara ini sebagai penjamin. Namun kecenderungan meminjam terpaksa diteruskan. Sudah tentu untuk melayani kecenderungan itu, pihak luar negara memerlukan keyakinan iaitu jaminan lain yang disandarkan kepada collateral yang boleh memuaskan hati pihak berkenaan.

Persetujuan itu kena diselesaikan atau diatur lebih awal kerana di situ terletaknya transaksi perdagangan antarabangsa. Sehubungan itu juga, akibat percaturan sedemikian rupa, kesan buruk yang dapat dijangkakan dalam hubungan dan dasar luar negara, kerajaan hanya kelihatan begitu lantang dan garang mengkritik

pihak Barat terutama Amerika Syarikat dan Eropah tetapi di balik tabir bolehlah diibaratkan ular berpakat dengan ular ataupun harimau di sebalik batu.

Di forum antarabangsa bersuara lantang mengutuk Yahudi, saya ulang, di forum antarabangsa bersuara lantang mengutuk Yahudi tetapi di dalam negara menentang penunjuk perasaan yang menentang kedatangan ahli sukan Yahudi. Begitu juga, penyangak mata wang yang berpangkalan di luar sama naik dengan pihak berkuasa yang menjadi penyangak mata wang dalam negara. Tegasnya pinjaman bersandarkan kepada collateral sedemikian bentuknya hanya untuk menyelamatkan syarikat-syarikat kroni yang bankrap kerana pembaziran dan salah urus perniagaan.

Lebih malang lagi, pada peringkat akhirnya sama ada jangka pendek atau jangka panjang nasib rakyat telah diperjudikan untuk menanggung segala kos pembayaran hutang itu sama ada yang melibatkan ekonomi dan kewangan mahupun hak-hak asasi seperti keadilan, hak menentukan pendirian dan menyusun diri dan peluang-peluang yang saksama. Sehubungan itu juga, saya menyeru Kerajaan supaya mengadakan *Index Cost Project* terutama kos pembangunan infrastruktur yang diperbaharui setiap tahun. Tanpa indeks tersebut ekonomi negara ini tidak *competitive* berterusan sejak 20 tahun lalu. Harga projek pembangunan akan terus meningkat tanpa kawalan semata-mata akibat dasar-dasar *protectionism* terutama untuk menyembunyikan kepentingan-kepentingan tertentu, keuntungan kroni atau pihak-pihak tertentu yang secara tidak langsung mencetak wang palsu atas nama undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan ingin menonjolkan diri supaya kelihatan lebih Islamic walaupun segala dasar, perancangan, pelaksanaan pembangunan dan pentadbiran adalah jelas semata-mata berdasarkan *secularism* dan *pragmatism* iaitu satu bentuk agama baru yang menolak ketauhidan Allah S.W.T., di samping mengorbankan nilai-nilai murni dan kemanusiaan.

JAKIM mendapat peruntukan yang besar dan lumayan sebanyak lebih RM200 juta sedangkan fungsi utama JAKIM hanyalah berkisar tilawatul Quran, mentadbir undang-undang sekitar urusan peribadi umat Islam seperti menengok anak bulan –

bagi menentukan tarikh puasa dan Hari Raya; nikah cerai; faraid dan paling hebat menyampaikan ceramah haid dan nifas kepada wanita yang sudah kering haid.

Pengambilalihan atau pemindahan siaran agama yang dulu di bawah Kementerian Penerangan kepada Bahagian Siaran Agama di bawah JAKIM adalah jelas terang dan nyata bahawa tujuannya adalah semata-mata untuk menyebarkan propaganda Islam versi UMNO Barisan Nasional.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Boleh sambung petang ini Yang Berhormat.

Drs. Abu Bakar bin Othman: Boleh, Insya -Allah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada jam 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jerlun sila sambung ucapan.

2.30 ptg.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman [Jerlun]: Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua mengizinkan saya untuk menyambung ucapan.

Justeru itu, tidak dapat dinafikan bahawa JAKIM telah mengambil peranan yang keterlaluan dari segi mengendalikan persepsi dan kefahaman masyarakat mengenai Islam supaya selaras dengan kehendak politik pemerintahan. Ada orang mengatakan bahawa JAKIM itu ialah 'Jalan Apa Kehendak Islam Mahathir'. Dalam menangani kes dan gejala murtad, Perdana Menteri baru-baru ini menyatakan pelaksanaan undang-undang anti murtad kena tangguh dan kaji dahulu oleh kerana halangan terbesarnya adalah masyarakat majmuk.

Dalam hubungan ini, saya ingin menegaskan bahawa persoalan dan urusan masuk Islam bagi orang-orang yang belum Islam adalah suatu perkara yang amat

serius dalam Islam, bukan persoalan lekeh atau boleh dipermainkan sesuka hati oleh mana-mana pihak - hari ini ingin masuk Islam, esok lusa sesuka hati pula boleh keluar.

Hukuman terhadap pesalah murtad mengikut persepsi dan kaca mata Islam sebenarnya tidaklah zalim sebagaimana yang dipropagandakan oleh pelbagai pihak. Sejarah membuktikan bahawa penaklukan kejam tentera pimpinan Timelang sehingga Baghdad telah dihancurkan sepenuhnya. Namun, tuduhan bahawa Islam berkembang dengan mata pedang adalah tidak masuk akal. Tidak munasabah kerana tentera penakluk yang begitu kejam dan zalim pada mulanya itu akhirnya memeluk agama Islam dan menjadi pelindung dan penyebar Islam yang cukup terkenal.

Sehubungan dengan itu, saya suka menegaskan bahawa di Malaysia ini selain daripada Kelantan dan Terengganu, kerajaan tidak memperanankan undang-undang dan syariat Islam dengan sebaik-baiknya. Apa yang berlaku adalah budaya Islam dan syariat Islam diperanankan oleh masyarakat dan individu, kesannya tentulah terhadap Islam tidak subur untuk menjadi contoh terbaik dalam arus perdana. Sehubungan itu pula, saya ingin tegaskan lagi bahawa kerajaan UMNO Barisan Nasional adalah menjadi punca dan bertanggungjawab terhadap segala gejala sosial dan krisis akhlak remaja terutama remaja Islam di negara ini.

Usaha-usaha melahirkan masyarakat penyayang sama ada melalui slogan 'Bersih, Cekap, Amanah' hanya omong kosong, manakala pengwujudan dua buah hospital pesakit jiwa dijangka kekurangan tenaga pakar dan cara rawatan yang berkesan. Oleh itu, saya bimbang kalau begitu keadaannya orang-orang UMNO sendirilah yang akan memenuhinya, insya-Allah.

Selain itu, perlu juga disentuh mengenai usaha mempelawa tenaga pakar yang berada di luar negara supaya pulang menyumbang tenaga dan kepakaran di negara ini. Saya bimbang mereka yang tidak mahu pulang itu akan dicap sebagai pengkhianat negara, sedangkan hakikat sebenarnya kebanyakan mereka sudah tidak yakin dengan pelaksanaan dan amalan menjunjung *rule of law*. Apa yang mereka lihat dan kita semua boleh lihat termasuk juga pelabur asing yang ingin datang ke negara ini iaitu apa yang berlaku sekarang adalah *rule by law*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen bangun.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: Saya boleh beri masa, Tuan Yang di-Pertua, kalau masa boleh tambah satu jam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu tak payahlah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Sedikit sahaja, Yang Berhormat.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: Kalau begitu tolong beritahu termasuk Sungai Petani, saya tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tak bagi jalan, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja saya minta Yang Berhormat, sedikit sahaja, saya hendak minta penjelasan sedikit. Bukan kita tak cukup masa, boleh cukup.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: Di luar kita boleh bincang.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Sedikit sahaja.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: Di luar kita boleh bincang.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Lebih baik kita bincang dalam Dewan yang mulia ini.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: Saya tak bagi laluan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya minta sedikit sahaja.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: Kalau Tuan Yang di-Pertua bagi....

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tadi bila kita hendak bercakap, Yang Berhormat semua boleh bangun.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: Tak ada masalah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Sedikit sahaja.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: Sebenarnya pelaksanaan konsep....

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Kita cakap semalam kita kerajaan yang terbuka, hari ini kita hendak minta laluan sedikit pun dia tak bagi, ini belum jadi kerajaan lagi. Sedikit sahaja kita minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tak bagi, sedikit pun tak dapat cakap, kecuali dia bersetuju.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Hai Jerlun, takkan tak boleh bagi Sungai Petani sedikit sahaja. Sedikit sahaja kita hendak masuk Jerlun, saya tak masuk banyak.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: Saya tidak mahu bagi masa, saya tak bagi laluan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: Sebenarnya pelaksanaan konsep *rule of law* bukan setakat perlu dilakukan atau menjadi tanggungjawab kerajaan tetapi lebih jauh dari itu rakyat perlu nampak niat kerajaan dan segala tindakannya bersesuaian dengan konsep *rule of law* yang disebut-sebut ataupun dilaungkan oleh kerajaan sendiri. Konsep ini ada mempunyai hemah-hemat tertentu yang menunjukkan adab-adab tertentu yang berkaitan dalam semua pertikaian yang melibatkan undang-undang kerana matlamat akhirnya *rule of law* itu adalah untuk benar-benar menunjukkan dalam apa jua keadaan sekalipun, wujudnya secara nyata dan berkesan keadilan yang dapat dimengerti oleh rakyat, bukan sekadar konsep yang disarankan kepada rakyat seolah-olah rakyat itu hanya masa bodoh atau tidak cerdik yang boleh dipermainkan.

Walaupun Belanjawan itu bertajuk 'Malaysia Baru - Dari Wawasan Strategik Kepada Pelaksanaan Strategik' di mana intisarinnya menonjolkan keekonomi, namun dari segi pelaksanaan untuk mengurangkan import makanan dan menggalakkan penghasilan dan pengeluaran makanan tempatan pada hakikatnya tidak melibatkan petani tempatan secara menyeluruh dan berkesan. Pengurangan cukai sebagai insentif hanya diberi kepada syarikat-syarikat pengeluaran makanan. Malahan syarikat subsidiari diberikan pengecualian cukai seratus peratus konon selama 10 tahun mulai tahun pertama keuntungan yang diperolehi.

Bumi negara ini yang subur dan mampu menampung perladangan secara luas akan berterusan tidak mampu melahirkan petani moden yang kaya raya sebagaimana di negara-negara Barat yang maju dalam bidang pertanian. Petani-petani di luar bandar yang wujud turun-temurun sejak sekian lama akan tetap tinggal sebagai petani kampung 'kais pagi makan pagi, kais petang makan malam' kerana pertubuhan-

pertubuhan peladang hanya wujud dalam bentuk komoditi, ibarat tubuh badan yang bergerak tanpa roh.

Penggemblengan sumber dan teknologi moden untuk petani luar bandar hanya akan terus menjadi cerita dan teori yang indah, cantik dilihat melalui pelbagai katalog dan indah didengar melalui media elektronik. Pergantungan hidup kepada bidang pertanian untuk penduduk luar bandar akan berterusan sepanjang masa selagi kemahuan dan kewibawaan politik tidak tercetus melalui minda perancang dan pelaksana dasar yang berkesan.

Justeru itu, anak-anak desa akan lebih cenderung untuk makan gaji dan lari ke bandar yang akhirnya kemungkinan terlibat dengan gejala sosial. Bidang penghasilan pertanian masih dikuasai oleh orang tengah yang lebih cenderung memasarkan hasil pengeluaran mereka ke Singapura, Jepun dan sebagainya. Pengguna tempatan mungkin hanya mendapat bekalan barangan kurang bermutu yang dilambakkan di pasaran dalam negeri kerana barangan berkualiti mendapat harga tinggi dan begitu galak mendapat sambutan di negara luar.

Saya ingin menyentuh bagaimana kerajaan akan mengatasi masalah lebih kurang 500,000 setinggan yang wujud di seluruh negara kita. Sehubungan itu, harga rumah murah telah dinaikkan beberapa kali, mulai daripada RM25,000 meningkat kepada RM32,000, RM40,000 hingga RM45,000 dan terakhir ialah RM65,000. Saya ingin menarik perhatian pihak kerajaan agar menghantar pegawai-pegawai, kalau perlu menteri itu sendiri pergi belajar ke negara jiran di mana rakyatnya 9 setiap daripada 10 orang mendapat tempat berteduh sendiri dengan harga yang di dalam kemampuan mereka.

Nampaknya, di negara ini begitu banyak tindakan yang perlu diambil bagi mengatasi pembangunan rumah-rumah kos rendah atau rumah rakyat di samping mengawal harga rumah-rumah berkenaan.

Apa yang sering berlaku kaum setinggan sering menjadi mangsa pemaju yang merampas tanah-tanah yang telah mereka duduki turun-temurun sejak berpuluh-puluh tahun. Sebagai contoh, 81 keluarga penduduk kawasan kampung di Batu 3, Shah Alam telah menjadi mangsa pemaju. Walaupun mereka telah membuat aduan kepada pihak BPR negeri dan pusat, sehingga hari ini mereka dalam keadaan tidak mendapat

pembelaan langsung kerana dihalau dengan menggunakan gengster dan berpakat pula dengan Pejabat Tanah dan pihak pengawal keselamatan.

Begitu juga di kawasan perkampungan di Sungai Besi lebih kurang 500 keluarga setinggian akan terpaksa dipindahkan ekoran pembinaan tapak projek pembuangan dan pembakaran sisa pepejal seluas lebih kurang 50 ekar di kawasan berkenaan oleh pihak Bandaraya Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini menyentuh kegiatan tidak sihat oleh pihak berkuasa agama di Wilayah Persekutuan yang nampaknya akhir-akhir ini semakin agresif mengUMNOsasikan masjid sehingga masjid menjadi lesu tanpa roh, sedangkan sepatutnya perlu diimarahkan sebagai pusat kebangkitan kehidupan beragama untuk menyelamatkan umat Islam di dunia dan akhirat, insya -Allah.

Terdapat di beberapa buah masjid para khatib tidak mampu membaca ayat-ayat Al-Quran dengan betul sewaktu membaca khutbah Jumaat walaupun teks khutbah telah diselaraskan untuk diguna pakai bagi seluruh masjid di Wilayah Persekutuan. Saya bimbang bahawa dengan perkembangan yang tidak sihat ini sekiranya muncul apa yang diistilahkan [*menyebut dalam bahasa Arab*] maka dalam konteks dan usaha mengUMNOsasikan, maka tidak mustahil manusia robot akan dimartabatkan untuk naik mimbar dan menyampaikan khutbah Jumaat. Malangnya kerja-kerja kotor mengUMNOsasikan masjid itu diberi nama untuk mewujudkan perpaduan ataupun bagi mengelakkan perpecahan ummah.

Sudah sampai masanya pihak kerajaan khususnya Jabatan Agama Islam Wilayah (JAWI) melihat usaha mengimarahkan masjid seharusnya berdasarkan garis panduan dan bimbingan Al-Quran dan juga Hadis bagi mengelakkan masyarakat menjadi mangsa keserakahan pemimpin politik atau mereka yang *ambitious* di kalangan pegawai-pegawai agama untuk memegang jawatan politik dengan memperalatkan agama untuk kepentingan diri.

Sehubungan itu, saya ingin menarik perhatian kerajaan supaya mengambil tindakan terhadap Pengarah JAWI yang berceramah di Masjid Taman Maluri beberapa bulan lalu dengan mengeluarkan fatwa yang amat bertentangan dengan prinsip Islam. Beliau mengatakan "*rakyat tidak seharusnya mempersoalkan pemimpin*

politik sekalipun pemimpin itu terlibat dengan pelbagai maksiat iaitu selama rakyat tidak dipaksa turut melakukan maksiat" Nyatalah beliau amat keliru dalam memahami tuntutan dan kepentingan pimpinan sebagai role model.

Selain itu, beliau dengan angkuh mencabar para pesara kerajaan yang tidak menyokong kerajaan hendaklah memulangkan semula semua wang pencen dan ganjaran yang diperolehi. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa beliau telah meletakkan dirinya setaraf dengan undang-undang kalau tidak pun mengatasi undang-undang yang telah pun wujud untuk menilai jasa bakti pegawai-pegawai kerajaan yang telah tamat tempoh perkhidmatan mereka.

Pegawai-pegawai yang mentaliti korup sebegitu, saya nasihatkan supaya meletakkan jawatan dan turun ke gelanggang politik supaya rakyat tidak terus dikelirukan oleh fatwa-fatwa karut dan menyesatkan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, berhubung royalti minyak kepada Terengganu ditukar kepada wang ihsan, kita boleh perhatikan dalam lipatan sejarah perjanjian di antara Sultan Kedah dengan Inggeris kerana keperluan air untuk Pulau Pinang, di mana Sultan Kedah bersetuju menyerahkan Seberang Perai kepada Kapten Light yang menguasai Pulau Pinang dengan beberapa puluhan ribu ringgit Malaysia sahaja. Sampai sekarang perjanjian itu tidak dibatalkan. Begitu juga perjanjian antara Kerajaan Inggeris dengan Negeri China berhubung dengan Macau dan Hong Kong, sampai masa dan tahun seperti yang dijanjikan dalam perjanjian, Hong Kong menjadi milik Negeri China semula pada tahun 1997.

Dalam hal ini nampaknya orang bukan Islam lebih berpegang kepada janji daripada sesetengah kita orang Islam. [*Tepuk*] Kalau kerbau dipegang talinya, manusia dipegang janjinya. Kalau tidak boleh dipegang kepada janji, sudah tentu bukan manusia namanya. Kalau begitu apa? Di Timur Tengah – Yahudi, kalau di sini hantu raya mungkin barangkali. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Shah Alam.

2.46 ptg.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed [Shah Alam]: Bismillahir-rahmanir-rahim. Assalamualaikum warahmatullahi Taala wabarakatuh dan Selamat Sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. yang telah

memberikan saya kesempatan untuk turut serta mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbe kulan 2001.

Saya suka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada kerajaan yang telah pun membentangkan Belanjawan ini pada 27 Oktober yang lalu. Belanjawan 2001 ini adalah sungguh amat bermakna kepada kita rakyat Malaysia yang mencintai keamanan, kestabilan, keharmonian dan kemajuan negara. Ianya akan menentukan nasib bangsa, agama dan negara dapat dimartabatkan sesuai dengan cabaran dunia globalisasi yang penuh dengan cabaran, rintangan dan halangan serta tidak mempunyai batasan dan sempadan. Malaysia baru dari wawasan strategik kepada pelaksanaan strategik adalah satu peningkatan iltizam yang dipamerkan dalam Belanjawan 2001 ini.

Saya menyambut baik saranan yang diketengahkan ini kerana ianya membuka perasaan dan minda rakyat Malaysia untuk menyahut cabaran globalisasi. Iklim dan suasana dunia berubah dengan begitu cepat dan pantas dewasa ini, ianya menuntut kita untuk menjadi lebih peka dan pantas menyesuaikan segala perancangan strategik negara dalam mengharungi gelombang globalisasi.

Asas pertimbangan utama Belanjawan 2001 bagi membolehkan negara menguasai k-ekonomi, adalah satu langkah yang ke hadapan dalam membawa negara terus memacu dan menjana ekonomi Malaysia untuk menterjemahkan dan merealisasikan Wawasan 2020. Malaysia baru negara maju mesti menguasai k-ekonomi. Ini adalah satu tuntutan zaman yang mesti kita semua hadapi dan ianya memerlukan sokongan dan dukungan daripada seluruh rakyat Malaysia untuk turut serta bersama Kerajaan Barisan Nasional yang melaksanakan mandat serta tanggungjawab besar ini bagi menggilap martabat bangsa.

Justeru kerana itu, kita mesti mempertingkatkan perpaduan bangsa bagi memastikan seluruh kekuatan rakyat dapat digerakkan bagi menguasai k-ekonomi. Kita mesti terus mempertahankan kedaulatan negara daripada ancaman luaran dan dalaman. Mereka ini sentiasa cemburu dan akan terus berusaha untuk melemahkan kita bagi menafikan hak mengurus ekonomi negara mengikut cita rasa dan selera kita.

Saya berasa amat sedih apabila ada golongan yang tergamak untuk berusaha memberikan gambaran yang buruk dan tidak benar kepada orang luar terhadap

kepimpinan negara dengan tujuan supaya kuasa-kuasa besar dunia mencampuri urusan pentadbiran kita.

Saya yakin mereka ini telah hilang pertimbangan pemikiran yang waras serta rendah akal budi. Mereka ini tentulah tidak dapat menerima hakikat bahawa semua yang terjadi di dunia ini adalah dengan kehendak dan izin Allah s.w.t. Percaturan politik untuk menentukan siapakah di antara kita diberi mandat untuk memerintah telah pun berlalu hampir setahun yang lalu. Semua di antara kita terlibat dan akhirnya di Dewan yang mulia ini, terbentuk Kerajaan Barisan Nasional untuk menjalankan amanah rakyat yang telah pun dimandatkan.

Kerajaan ini yang dipilih secara demokratik melalui proses pilihan raya umum telah pun memilih Yang Amat Berhormat Dr. Mahathir Mohamad sebagai ketua dan Perdana Menteri. Sehingga ke saat ini, beliau masih lagi mendapat sokongan padu di Dewan yang mulia ini. Oleh yang demikian, golongan *desperado* yang menyerang tatacara kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad dengan melibatkan orang luar adalah satu perbuatan yang mengkhianati negara dan tidak layak menjadi Ahli Dewan yang mulia ini. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, k-ekonomi adalah satu tatacara baru di dalam dunia perdagangan dewasa ini. Tatacara baru ini menuntut kita untuk melakukan anjakan paradigma dan pemikiran halacara baru untuk kita terus bersaing dalam iklim dan suasana dunia baru dalam zaman ledakan teknologi maklumat ini.

Ekonomi yang berpaksikan kepada penguasaan, pengetahuan ilmu dan sumber ilmu dan kepantasan maklumat akan memberi kita kekuatan untuk bersaing di dalam pasaran bebas yang tidak mengenal warna kulit dan rupa bangsa. Kemajuan di dalam bidang teknologi maklumat, telah menjadikan padang permainan pentas ekonomi dunia berubah dengan begitu pantas dan cepat.

Daripada teknologi maklumat yang dijadikan alat untuk mempertingkatkan kecekapan mengurus dan mentadbir telah bertukar menjadi teknologi multimedia dan komunikasi dan secara langsung merubah hala cara perdagangan masa kini. Semua ini adalah satu cabaran baru yang harus kita hadapi, sama ada kita suka ataupun tidak, kita tidak mempunyai banyak pilihan. Jikalau kita tidak mengambil tindakan yang pantas, kita akan menjadi pemerhati kepada perubahan zaman ini. Persoalan sama

ada kita belum bersedia ataupun tidak bukan lagi merupakan pilihan yang ada pada kita.

Bangsa yang dapat menguasai maklumat dengan cepat dan pantas akan dapat menentukan kemajuan bangsa di dalam cabaran masa kini. Di dalam kita melangkah ke dunia cyber, komunikasi, teknologi maklumat dan multimedia, peluang untuk mendapat laluan kepada teknologi ini, mesti terbuka dan terbentang luas kepada seluruh rakyat Malaysia. Laluan mesti dibekalkan sama ada mereka di bandar ataupun di desa, yang kaya ataupun miskin, yang celik komputer ataupun belum.

Kerajaan mesti mempertingkatkan usaha bagi membuka laluan ini dengan seluas-luasnya kepada rakyat Malaysia. Laluan ini mesti berasaskan kepada prinsip perkhidmatan universal yang berpaksikan kepada tiga prinsip berikut iaitu:-

- (i) Laluan tersedia, dengan izin, a viability.
- (ii) Laluan saksama, equitable access.
- (iii) Kemampuan perolehan perkhidmatan, dengan izin, affordability.

Laluan tersedia bermakna perkhidmatan Jaringan dan kemudahan prasarana, telekomunikasi dan Internet mestilah boleh diperolehi apabila ianya diperlukan, walaupun diceruk mana sekalipun di pelosok tanah air ini.

Laluan saksama bermakna pihak pengurus hendaklah diberi peluang perkhidmatan yang setara dengan tidak ada diskriminasi terhadap kos perkhidmatan dan kualiti dengan tidak mengambil kira kedudukan geografi. Kemampuan perolehan perkhidmatan bermakna setiap rakyat akan mendapat peluang untuk laluan ini tanpa pengorbanan wang tanggungan kos yang tinggi.

Tiga perkara utama yang disebutkan sebentar tadi akan dapat membantu negara untuk merapatkan jurang digital ini kepada mereka yang kaya maklumat dengan yang miskin maklumat.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, data yang saya perolehi menunjukkan bahawasanya 60% penggunaan komputer di Malaysia ini adalah meliputi kawasan-kawasan bandar terutamanya di Selangor, Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang.

Manakala kadar kemudahan komputer peribadi, PC untuk setiap isi rumah masih lagi di tahap yang amat rendah iaitu di sekitar 5% sahaja. Manakala laluan

Internet menunjukkan hanya 6% kepada setiap 100 penduduk dan hanya 12% kepada isi rumah. Walaupun kebelakangan ini pelanggan Internet telah menunjukkan peningkatan ke tahap 190% sekali lagi angka ini menunjukkan peningkatan di Lembah Kelang dan juga bandar-bandar besar di negara ini. Justeru itu, masalah jurang digital yang dihadapi di negara kita ini adalah masalah yang mesti ditangani dengan secepat mungkin.

Perkhidmatan sejagat, dengan izin, universal services adalah faktor kritikal bagi menentukan pembangunan negara di dalam menguasai k-ekonomi melalui tindakan berikut:-

- (i) Memperkasakan rakyat melalui perkhidmatan Jaringan akan melahirkan individu yang berkeupayaan untuk mengumpul maklumat dan pengetahuan dan secara langsung ianya membantu memperkukuhkan bangsa dan masyarakat dalam dunia cyber ini.
- (ii) Mengimbangi laluan perkhidmatan Jaringan ini di antara bandar dan desa serta golongan yang kaya dan miskin maklumat.
- (iii) Peningkatan pembangunan kepada sektor industri bagi membangunkan e-dagang.
- (iv) Mempertingkatkan usaha Malaysia bagi merealisasikan negara sebagai global hub, dengan izin, dengan mempertingkatkan infrastruktur komunikasi yang boleh meyakinkan pelabur asing dan tempatan untuk terus melabur dalam Koridor Raya Multimedia.

Selain daripada perkhidmatan sejagat yang saya sebutkan tadi, satu pendekatan semula bagi meyakinkan kepada seluruh rakyat betapa penguasaan teknologi maklumat ini akan menentukan kejayaan Malaysia merealisasikan Wawasan 2020. Mereka harus dibangkitkan dengan kesedaran baru serta iltizam yang kuat dan kukuh bagi menguasai teknologi ini. Kempen kesedaran pemilikan komputer peribadi sebagaimana yang digalakkan dalam Belanjawan 2001 ini, harus

diperhebatkan semula melalui agensi kerajaan dengan melibat kerjasama pihak swasta yang berkepentingan dalam industri teknologi maklumat.

Usaha murni pihak kerajaan bagi mewujudkan Pusat Internet Desa (Rural Internet Centre) akan dapat terus membantu mereka untuk turut serta dalam cabaran pembangunan teknologi maklumat. Justeru itu, segala program pelaksanaan yang menentukan setiap kampung dan desa mendapat kemudahan bekalan elektrik dan telefon tidak akan lagi berbangkit di Dewan yang mulia ini. Peruntukan Belanjawan 2001 di dalam mewujudkan makmal multimedia di seluruh negara dengan peruntukan yang cukup besar diharapkan dapat melahirkan masyarakat celik komputer di kalangan generasi muda ini bagi mereka menjadi tulang belakang kepada penguasaan negara di dalam bidang dunia dagangan keekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mempercepatkan proses penerapan pembangunan celik komputer kepada rakyat Malaysia, saya mencadangkan supaya makmal multimedia yang akan disediakan di seluruh sekolah-sekolah di Malaysia, dapat juga diperpanjangkan kepada masyarakat umum di kawasan sekolah yang terbabit. Dengan pendekatan ini dicadangkan juga pihak kerajaan dapat menyediakan skim bantuan khas kepada tenaga pengajar di sekolah yang mempunyai kepakaran komputer untuk terus memanjangkan perkhidmatan ini kepada masyarakat setempat. Adalah dicadangkan juga, makmal multimedia ini boleh dijadikan sebagai pusat sumber maklumat kepada masyarakat umum di kawasan sekolah yang terbabit.

Tuan Yang di-Pertua, warga Bandaraya Shah Alam merakamkan ucapan setinggi penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan yang telah pun menaikkan taraf Shah Alam sebagai sebuah bandar raya pada 10 Oktober yang lalu. Pengiktirafan ini adalah satu manifestasi terhadap perjuangan parti UMNO di dalam Kerajaan Barisan Nasional dan juga Perikatan bagaimana kekuatan kestabilan politik boleh dimanfaatkan dengan sepenuhnya bagi membina sebuah bandar raya yang dirancang dengan begitu rapi berasaskan kepada kedudukan sosiobudaya, ekonomi dan politik yang berteraskan kepada Dasar Ekonomi Baru.

Daripada hanya sebuah estet kelapa sawit, Shah Alam telah pun dibangunkan dalam tempoh 25 tahun untuk menjadi sebuah bandar raya bestari yang mencerminkan kehendak dan cita-cita politik perjuangan bangsa.

Shah Alam dibangunkan dengan begitu rupa dengan membuka peluang kepada orang Melayu dan bumiputera untuk menjadi pemain utama di dalam bandar yang diwujudkan khas selepas pengorbanan negeri dan rakyat Selangor untuk menyerahkan Kuala Lumpur sebagai Wilayah Persekutuan.

Shah Alam juga mencipta sejarah sebagai sebuah bandar raya yang dibangunkan selepas negara menghadapi peristiwa pahit 13 Mei 1969. Pembangunan yang berpaksikan penyusunan semula masyarakat dan membasmi kemiskinan telah dijadikan asas pertimbangan utama untuk membangunkan Shah Alam.

Akhirnya terbukti dengan jelas dan nyata dasar ini telah pun dapat mewujudkan masyarakat Melayu bandar yang menjadi warga bandar raya. Tidak keterlaluan jikalau Shah Alam boleh diiktirafkan sebagai bandar Melayu pertama yang wujud di negara ini. Ini adalah hasil perjuangan dan pengorbanan pemimpin politik negara dengan iltizam untuk membuktikan kepada dunia, bangsa Melayu bukanlah bangsa yang tidak mempunyai kemampuan untuk menjadi warga kota.

Dengan dasar pembangunan ekonomi baru, usaha untuk membawa masyarakat Melayu daripada kehidupan kampung dan desa dapat diserap kepada masyarakat bandar. Ini terbukti dengan dasar yang mengimbangkan penyertaan bumiputera dalam sektor perdagangan dan perindustrian telah dapat mewujudkan masyarakat Melayu bandar.

Walaupun kejayaan pembangunan fizikal ini dapat dimanfaatkan dengan kekuatan perpaduan bangsa serta penguasaan politik di dalam menggubal dasar, ianya akan menjamin kesinambungan dominasi masyarakat Melayu bandar di dalam cabaran masa kini. Telah ada di kalangan warga Melayu bandar raya ini beranggapan segala kewujudan pembangunan fizikal dan transformasi estet kepada sebuah bandar raya adalah hasil kepandaian dan kewibawaan individu tetapi bukan sokongan dan kawalan pembangunan yang berasaskan kepada kekuatan serta pengaruh politik yang didukung oleh UMNO.

Saya yakin jikalau perancangan awal pembangunan Shah Alam digubal mengikut permintaan dan berdasarkan kepada pasaran bebas dengan tidak memperuntukkan sistem kuota dan hak keistimewaan orang-orang Melayu tentulah bandar raya Melayu ini tidak akan menjadi realiti dalam waktu yang sesingkat ini.

Walaupun kita memperakui setiap hamba Allah dituntut untuk bersyukur kepada Allah yang menciptakan segala-galanya tetapi sebagai manusia kita juga dituntut untuk mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada sesama insan yang telah pun membantu kita untuk mencapai kejayaan. Dalam konteks ini, kita tidak dapat menafikan dengan Dasar Ekonomi Baru yang didukung oleh UMNO telah pun berjaya mewujudkan masyarakat Melayu bandar raya yang pertama di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk terus menentukan kesinambungan Bandaraya Shah Alam akan dapat terus berperanan bagi mencerminkan kewibawaan bangsa Melayu yang menjadi warga bandar raya, perkara yang paling penting yang perlu diutamakan ialah pembangunan sumber manusia. Daripada segi perspektif sosial, nilai-nilai murni yang diwarisi daripada masyarakat desa yang menjadi kekuatan institusi keluarga haruslah diperkukuhkan bagi menentukan warga bandar raya ini dapat menjadikan Shah Alam sebagai bandar raya mapan.

Sebenarnya pendekatan sosial amat luas. Ianya meliputi segala aspek kependudukan dari kanak-kanak hinggalah warga tua. Aspek migrasi, kesihatan, gejala sosial, setinggan, perumahan, pendidikan dan lain-lain. Para pengkaji masyarakat seperti Hopes, 'Loap' dan 'Spinoza', mereka sering menggambarkan hubungan sosial yang ada lebih terikat daripada kontrak sosial berbanding dengan masyarakat mundur yang mementingkan *social obligation* dengan izin.

Dalam masyarakat mundur, nilai-nilai murni, mulia seperti malu dan berbudi bahasa, suka bergotong-royong, bekerjasama adalah dilakukan dengan sukarela. Ini adalah kerana mereka merasai terikat dengan obligasi itu dengan adanya konsep orang memberi, kita merasa dan setiap budi hendaklah dihargai dan dibalas. Tetapi dalam masyarakat moden, hubungan sosial ini adalah bercorak kontrak yang menjurus kepada konsep materialistik (kebendaan). Setiap tenaga yang dipakai mestilah dibayar dalam bentuk wang.

Masyarakat industri pula sering kali dikaitkan dengan masyarakat kebendaan kerana para pengkaji masyarakat seperti 'De Similar' berpendapat, setiap tenaga hendaklah dibayar dengan upah. Sikap mengutamakan wang atau kebendaan menyebabkan individu hilang pertimbangan dalam gaya hidup mereka. Semakin canggih kehidupan masyarakat, semakin kompleks perhubungan sosial dalam sesuatu

komuniti. Unsur-unsur tersebut di atas saya lihat telah pun mula menular dan berlaku di dalam warga Bandaraya Shah Alam terutama kepada setengah kumpulan Melayu yang telah pun dapat membebaskan diri dan keluarga mereka daripada kemiskinan dan pada hari ini menikmati kehidupan sebagai golongan menengah dan atasan mulai melupakan asal usul dan nilai-nilai tradisi yang diwarisi. Mereka ini menganggap kejayaan yang dinikmati pada hari ini ialah hasil menggilap kehebatan peribadi sendiri bukan didukung oleh dasar yang digubal melalui pembangunan terancang.

Mereka mula menyisihkan diri daripada perhubungan sosial, pembangunan kemasyarakatan tetapi dalam masa yang sama melaungkan suara-suara sumbang tentang ketidakadilan, tidak ketelusan, tidak kesamarataan dan dasar diskriminasi manusia sejagat, menyekat kebebasan bersuara dan mereka inilah juga menjadi penyambung utama kepada pengkritik luar negara di dalam urusan pentadbiran negara.

Tuan Yang di-Pertua, golongan ini adalah merupakan mereka yang telah berjaya melonjakkan diri mereka ke struktur sosial yang lebih tinggi kerana soal memenuhi keperluan asas hidup telah dapat dipenuhi dan secara langsung meletakkan diri mereka kepada golongan elitis yang menerima pakai secara bulat-bulat pandangan dan pemikiran penggerak pembangunan sosial manusia sejagat yang memperjuangkan prinsip kesamarataan kehidupan di dunia ini seolah-olah semua bangsa di dalam Malaysia ini berada dalam satu padang permainan yang sama rata walhal mereka ini telah menikmati kejayaan hasil daripada dasar yang diperjuangkan oleh parti UMNO di dalam menyusun semula masyarakat Malaysia.

Saya menyeru kepada golongan ini, sedarlah bahawa masih ramai lagi orang Melayu yang memerlukan sokongan dan daripada dasar pembangunan untuk menjadikan padang permainan yang sama rata dalam bidang perdagangan, pendidikan

Tuan Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kinabatangan bangun.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Sekejap, sekejap. Perdagangan, pendidikan, perindustrian, sosial dan ekonomi dengan bangsa-bangsa lain di

Malaysia. Ini semua menuntut kita untuk terus memperkasakan politik orang Melayu di Malaysia ini. Silakan.

Tuan Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Shah Alam, apakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, seperti segelintir masyarakat dan pemimpin di negara kita ini yang pada satu ketika dahulu berjuang berlandaskan agama dan pada hari ini pula mereka berjuang berlandaskan royalti ataupun duit. Jadi adakah landasan perjuangan mereka ini sudah lari daripada matlamat asal. Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Jawab dia senang sahaja Yang Berhormat, saya setuju, memang tidak ada konsisten pihak sebelah sana [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, dari sudut perspektif ekonomi, kerajaan telah menyediakan peruntukan yang besar dengan pelbagai kemudahan peruntukan insentif dan prasarana bagi menangani isu-isu semasa dalam bidang perindustrian, pertanian, perusahaan, pendidikan, perdagangan antarabangsa dan lain-lain lagi ke arah mempercepatkan lagi usaha pemulihan ekonomi negara. Penekanan yang serius terhadap peningkatan produktiviti di dalam sektor industri terpilih contohnya seperti industri pemakanan adalah merupakan langkah-langkah bijak bagi mengurangkan pergantungan negara kepada negara luar sekali gus berupaya melindungi ekonomi negara daripada manipulasi luar.

Namun demikian, persoalan yang timbul adalah bagaimanakah kerajaan dapat mengubah serta mendidik pengusaha-pengusaha sektor yang hendak dimajukan ini daripada pengusaha yang beroperasi secara tradisional dan kurang berdaya saing kepada pengusaha yang beroperasi secara moden, berskala besar, global dan berteknologi tinggi. Usaha mesti dijalankan bagi menggabungkan mereka untuk menjalankan perusahaan mereka secara pertanian komersial dan hasrat ini boleh tercapai dengan menggabungkan mereka dalam bentuk pembangunan koperasi.

Persoalannya, apakah pembangunan dan pengurusan koperasi di tanah air pada hari ini mampu menjalankan tanggungjawab ini. Gerakan koperasi yang disuntik semula dengan pendekatan dan hala cara baru untuk mempertingkatkan perjalanan operasi dan pengurusan koperasi akan mampu menjadi penyumbang utama di dalam memperkukuh ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, kemiskinan dan kemunduran bukan hanya wujud di kampung dan di desa tetapi ianya juga berlaku di bandar-bandar. Saya mencadangkan supaya pihak kerajaan mengkaji semula tentang kadar kemiskinan yang telah pun ditetapkan berikutan perubahan senario kemiskinan di negara ini. Penekanan harus juga diberikan mengikut kependudukan di bandar, pinggir bandar dan luar bandar. Pembasmian kemiskinan di bandar memerlukan pendekatan yang lebih sistematik dan agresif kerana golongan ini adalah merupakan masyarakat pinggiran yang menjadi tenaga pengeluaran kepada sektor perindustrian dan perkilangan. Masalah perumahan dan perkhidmatan awam dan peluang menjadi penjaja kecil menjadi permasalahan utama yang harus ditangani.

Justeru itu pihak kerajaan diminta untuk mewujudkan pelan komprehensif bagi menangani permasalahan ini. Niat murni kerajaan dengan menyediakan bermacam-macam bentuk tabung yang disediakan dan disalurkan melalui institusi-institusi kewangan kepada pengusaha industri kecil dan sederhana, namun demikian pengusaha sektor IKS ini sering menghadapi masalah dan kesukaran untuk mendapat sokongan kewangan daripada institusi-institusi kewangan ini. Bermacam-macam alasan dan syarat dikenakan terhadap pengusaha-pengusaha ini sehingga ianya menjadi terlalu ketat untuk diperolehi. Pihak kerajaan harus memantau perkara ini supaya segala peruntukan dan sumber kewangan yang disediakan dapat dimanfaatkan kepada kumpulan sasaran. Pihak pengurusan institusi-institusi kewangan harus juga mengambil sikap lebih prihatin bagi menentukan supaya golongan IKS ini dapat terus berperanan sebagai tulang belakang kepada kecemerlangan proses perindustrian dan perkilangan negara.

Penggabungan institusi kewangan adalah proses untuk memperkuat dan memperkukuh institusi tersebut bagi menentukan pengaliran mudah tunai dalam pasaran kewangan domestik dan dapat membantu negara dalam proses pemulihan ekonomi sepenuhnya. Kita tidak mahu melihat institusi kewangan ini mempunyai sikap sebagai ceti, dengan izin ataupun *money lender* ataupun alum semata-mata. Mereka juga mesti mengambil sedikit risiko di dalam urusan perdagangan di dalam menguruskan portfolio pinjaman dengan tidak mengenakan syarat-syarat yang kurang munasabah dan cagaran serta sekuriti yang keterlaluan sehingga menyebabkan

pengusaha yang memerlukan sokongan pengaliran kewangan akan mati di tengah jalan, walaupun pelan tindakan perniagaan yang dikemukakan mampu berdaya maju dan berdaya saing. Mereka juga harus mempunyai sikap keterbukaan yang dipamerkan oleh kerajaan di dalam Belanjawan ini di mana peruntukan RM500 juta sebagai modal teroka telah pun disediakan.

Sebagaimana yang disarankan oleh kerajaan, asas pertimbangan utama bagi negara bagi menguasai K-ekonomi adalah terletak di atas kekuatan sumber pembangunan kemanusiaan. Oleh yang demikian, bidang pendidikan adalah satu bidang yang menjadi penyumbang utama kepada pembangunan kemanusiaan. Pendidikan mesti dilihat sebagai satu industri baru bagi menjana ekonomi negara. Persoalan juga turut timbul, apakah industri pendidikan negara masa kini mempunyai keupayaan menghasilkan kualiti pendidikan yang mampu bersaing di pasaran antarabangsa ataupun ianya hanya mencedok cara pendidikan dari negara lain. Tanggungjawab bagi melahirkan sumber manusia yang celik komputer dan berkeupayaan menguasai teknologi multimedia dan teknologi maklumat haruslah dijadikan teras utama di dalam kawal selia institut pengajian tinggi negara.

Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: [*Bangun*]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tidak ada masa ini.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Shah Alam. Tadi Yang Berhormat kata, untuk negara menjadi sebuah negara yang maju dalam tahun 2020, tetapi apakah pandangan Yang Berhormat adalah lebih manis sekiranya negara kita menjadi negara yang maju pada 2020 tetapi mempunyai kepakaran daripada anak-anak watan sendiri. Dalam usaha itu, saya lihat Kementerian Pendidikan juga sedang berusaha untuk membetulkan sistem pendidikan, menggalakkan pembelajaran IT dan sebagainya tetapi bagaimana untuk mengekalkan mereka yang berpendidikan tinggi ini supaya terus menetap di negara ini. Apakah pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini. Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Tampin kerana untuk kita

menentukan negara mencapai negara maju pada tahun 2020 tentulah generasi yang akan mewarisi negara tersebut mestilah terdiri daripada anak bangsa dan anak watan tetapi oleh kerana iklim dan suasana dunia berubah dan tuntutan teknologi berlaku dengan begitu pesat untuk kita mendapatkan *expertise*, ini mesti didukung dengan beberapa program pendidikan sebagaimana yang disarankan dan Insya-Allah jikalau ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin saya rasa matlamat untuk mengisi negara maju ini dengan anak watan dan anak bangsa sendiri akan mencapai kejayaan dengan syarat Barisan Nasional terus mengekalkan pemerintahan [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung ya, masa.....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: [Ketawa] okay. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana dunia siber berteraskan penggunaan Bahasa Inggeris, ianya menjadi satu cabaran kepada pihak kerajaan bagi memastikan Bahasa Inggeris di kalangan rakyat berada di tahap yang lebih tinggi menerusi kurikulum dan pendidikan sekolah-sekolah dan pusat pengajian tinggi. Masalah penguasaan Bahasa Inggeris adalah masalah yang besar terutama di kalangan anak-anak Melayu. Perubahan sikap untuk menguasai Bahasa Inggeris adalah amat penting kerana ianya merupakan prasyarat utama di dalam menguasai maklumat di dalam dunia tanpa batasan dan sempadan dalam era globalisasi.

Orang Melayu tidak akan menjadi cacat cela ataupun hilang semangat kemelayuannya kalau kita boleh menguasai Bahasa Inggeris hatta sekalipun saya amat menyokong saranan yang dibuat oleh sahabat saya Ahli Parlimen bagi Parit Sulong menyarankan orang Melayu bukan hanya menguasai Bahasa Inggeris tetapi bermula langkah awal untuk menguasai Bahasa Mandarin oleh kerana mengikut kajian saya bahawa Bahasa Mandarin ini akan menjadi bahasa kedua terpenting dalam dunia siber ini apabila ledakan teknologi maklumat yang berlaku di negeri China akan mencapai tahap kematangan dalam tempoh yang terdekat ini. Jadi Yang Berhormat bagi Parit Sulong tidak *racism* sebagaimana yang dituduh oleh Bukit Mertajam.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik langkah kerajaan untuk mewujudkan beberapa buah lagi IPTA yang akan membuka peluang kepada rakyat Malaysia. Walau bagaimanapun, kewujudan IPTS (Institut Pengajian Tinggi Swasta)

seperti cendawan tumbuh hendaklah dikawal selia dengan rapi kerana ada setengah IPTS ini hanya diwujudkan sebagai satu *business entity* yang bermatlamatkan keuntungan semata-mata dengan tidak mengambil kira tanggungjawab sosial untuk turut serta dalam pendidikan negara. Di dalam cabaran ke-ekonomi, tenaga kerja yang mempunyai kepakaran yang tinggi dalam teknologi komunikasi, multimedia dan maklumat adalah merupakan prasyarat utama. Industri pendidikan negara memikul tanggungjawab yang besar bagi melahirkan golongan cendekiawan. Peruntukan yang besar yang disediakan dalam Belanjawan 2001 ini adalah merupakan satu cita-cita kerajaan untuk merealisasikan perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Sekejap sahaja, dua minit lagi Yang Berhormat. Di dalam dunia tanpa sempadan, peluang perniagaan adalah terbentang luas. Tindakan kerajaan untuk menyertai AFTA akan memberi peluang kepada pasaran terbuka sebanyak 450 juta pengguna.

Tindakan ini tentulah akan memberi peluang kepada pengusaha tempatan untuk mempersiapkan diri menjadikan produk pengeluaran mereka mampu bersaing di pasaran yang terbuka. Ramai daripada kalangan kita masih lagi kurang jelas dan tidak berpengetahuan yang menyeluruh terhadap persoalan AFTA bagi membantu kita mempersiapkan diri untuk menyediakan perancangan strategik yang lebih sistematik untuk menguasai pasaran antarabangsa. Oleh kerana cabaran globalisasi adalah melibatkan perdagangan dua hala, di samping kita mempertingkatkan daya pengeluaran untuk menjadikan barangan pengeluaran lebih menarik dan kompetitif, tentulah tanggungjawab kita juga untuk melindungi pasaran dalam negara.

Perkhidmatan juruperunding profesional tempatan mestilah diperkukuhkan dan dipertingkatkan agar mereka ini dapat bersaing dengan juruperunding profesional asing yang akan memasuki pasaran negara dan juga supaya mereka berkeupayaan untuk membekalkan kepakaran perunding di pasaran antarabangsa. Satu minit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Usaha yang gigih ba gi memberikan penerangan lebih tepat kepada kedudukan ekonomi, politik, pengurusan dan pentadbiran negara mestilah diperhebatkan melalui kedutaan luar negara dan agensi-agensi kerajaan yang mempunyai peranan dan

tanggungjawab bagi membekalkan maklumat serta kedudukan ekonomi terkini kepada masyarakat antarabangsa. Jikalau perlu, satu mekanisme khas diwujudkan bagi menjelajah ke seluruh dunia untuk menerangkan kedudukan sebenar negara yang seringkali disalahtafsirkan ataupun memang sengaja diwujudkan oleh golongan yang sentiasa cemburu terhadap kemajuan, kestabilan dan keharmonian negara.

Akhirnya sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang telah pun membentangkan Belanjawan 2001 bagi meneruskan usaha untuk membawa Malaysia ke alaf baru ini dengan lebih bersungguh-sungguh serta iltizam dan semangat yang tinggi bagi merubahkan peradaban bangsa, walaupun ada di kalangan kita yang berusaha untuk meruntuhkannya. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Larut.

3.19 ptg.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Beberapa Ahli: Waalaikumsalam.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya ingin memulakan perbincangan dengan menarik perhatian kita kepada sepotong ayat suci yang dibacakan oleh Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini Jumaat lalu. Firman Allah yang bermaksud, "Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepadaNya. Negeri kamu ini adalah negeri yang baik, aman dan makmur dan Tuhan kamu adalah Tuhan yang Maha Pengampun".

Tuan Yang di-Pertua, sebut fasal bersyukur ini, saya ingin mengingatkan diri saya sendiri dan rakan-rakan di Dewan ini, setiap daripada kita harus sedar bahawa selepas bebas daripada kegawatan yang melanda kita lebih dua tahun, seharusnya kita lebih insaf kerana kita tidak terjerumus ke suasana seperti di beberapa negara jiran. Kita juga bersyukur kerana Perdana Menteri dan Menteri Kewangan sanggup bekerja keras menyelamatkan ekonomi kita. Kita juga bersyukur kerana Perdana Menteri tidak termakan nasihat atau cadangan rakan kita dari pembangkang, khususnya PAS supaya menerima bantuan IMF.

Sebut mengenai belanjawan, nampaknya tahun ini, pembangkang asyik memainkan lagu “wang ihsan”. Jika di Terengganu dan serata negara mereka melemparkan pelbagai tuduhan, di Dewan Rakyat yang mulia ini, mereka melolong, memekik bagai orang dirasuk dengan melemparkan tuduhan kepada Menteri Kewangan. Inikah sikap pemimpin yang mendakwa mereka Islam? Dalam konteks orang Melayu, pahlawan tidak berjalan ke sana ke sini menghunuskan keris. Mereka tidak mendabik dada mengatakan “Saya doktor, saya Ketua Pemuda PAS”. Ops, tersilap! Maafkan, Tuan Yang di-Pertua.

Mana ada pahlawan dulu doktor atau Ketua Pemuda? Maksud saya, Datuk Maharajalela, Tok Janggut atau Mat Kilau. Namun rakan kita daripada PAS, bukan sekar tidak sabar untuk membangkang tetapi bertindak di luar tabii Parlimen. Saya kesal dan malu kerana sebagai Ahli Parlimen dan wakil rakyat, kita ada tempat untuk menyuarakan pendapat. Saya tidak tahulah di mana puncanya. Satu lagi yang aneh ialah PAS tidak pun cuba menonjolkan kejayaan-kejayaannya di Kelantan dan Terengganu. Sebaliknya, lebih terikat dengan isu wang ihsan. Apakah PAS mahu mengalih pandangan dan persepsi rakyat jelata daripada kelemahan dan kegagalannya membawa pembangunan dan melaksanakan hukum Islam di kedua-dua negeri itu kepada wang ihsan? Mungkin juga tetapi wajarkah menuding sebatang jari telunjuk kepada Barisan Nasional, sedangkan tiga jari lain menuju ke muka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam belanjawan yang dibentangkan pada Oktober tahun lalu dan dibentangkan pada Februari tahun ini, apabila kerajaan memberikan kenaikan 10% dan bonus satu bulan dalam Belanjawan 2000, pembangkang tuduh pemberian itu sebagai rasuah pilihan raya. Kemudian, ramai juga yang menerima kemudahan itu diam, khususnya pembangkang. Sudah dapat duit katakan, begitulah. Apabila sebut kakitangan awam, ia tidak kurang daripada 600,000 orang. Ramai juga yang tersilap langkah menyokong pembangkang dan menentang kerajaan. Memang sikap ini dipupuk oleh PAS kerana ketika dapat duit wang ihsan pada Februari lalu, PAS senyap. Dapat duit katakan. Apabila tidak dapat sebahagian lagi, baru buat bising. Ini mukadimah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Cumanya kita berharap dalam rundingan yang akan dibuat oleh CUEPACS iaitu badan yang mewakili kakitangan awam dengan kerajaan, beberapa pemberian

seperti bonus diadakan semula. Malah daripada rekod sebelum ini, kerajaan tidak pernah menolak cadangan CUEPACS. Kita harap kerajaan mempertimbangkan cadangan itu untuk kebaikan semua pihak. Langkah kerajaan tidak mengenakan cukai kepada yang berpendapatan RM3,000 ke bawah adalah nikmat. Selain itu, saya menyokong keputusan kerajaan untuk membantu mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana dengan memperkenalkan kadar rebat yang lebih tinggi.

Kita berterima kasih kerana mulai Januari tahun hadapan, kadar rebat pembayaran cukai dinaikkan daripada RM110 kepada RM350. Rebate bagi isteri dinaikkan daripada RM60 kepada RM350. Golongan pembayar cukai yang layak mendapat rebat ini, dinaikkan daripada kumpulan pendapatan bercukai RM10,000 kepada RM35,000 ke bawah. Pengorbanan kerajaan yang akan melibatkan RM1.23 juta pembayar cukai sudah pasti akan mengurangkan hasil negara. Dengan kata lain, hasil kerajaan akan menguncup kira-kira RM434 juta. Apakah ini bukan ihsan daripada kerajaan? Bagaimanapun, apa yang diharapkan ialah rakyat dapat berbelanja secara bijak. Ini bagi meningkatkan kualiti hidup di samping menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit dasar pertahanan kita yang sedang digubal. Pada tarikh 9 Oktober yang lalu, Menteri Pertahanan telah berkata, dasar pertahanan dan keselamatan negara perlu dikaji semula bagi menepati kehendak semasa dan ancaman terbaru berbentuk, dengan izin, *low intensive conflict*. Ancaman terbaru dalam bentuk ini ialah seperti kes penculikan rakyat Malaysia dan asing di perairan Sabah serta ancaman puak pelampau agama yang merompak senjata api dari dua kem tentera di Gerik dan bersembunyi di Sauk, Perak, memerlukan satu dasar baru untuk memastikan tentera dapat mempersiapkan diri menghadapi cabaran tersebut.

Saya mengatakan begini kerana kemajuan dalam bidang ketenteraan penting akibat perubahan globalisasi dan teknologi maklumat yang dikenali sebagainya revolusi dalam hal-ehwal ketenteraan. Dengan kata lain, peperangan pada masa hadapan merupakan peperangan digital. Saya mencadangkan supaya perbelanjaan sewajarnya diperuntukkan bagi perkara yang membabitkan operasi, kesediaan

keperluan logistik dan komunikasi. Selain itu, implikasi dari segi aset doktrin dan alatan juga harus diambil kira.

Saya ingin menyentuh dua buah negara sukan kerana sahabat saya, Pokok Sena sentuh fasal sukan. Saya ingin sentuh sedikit mengenai sukan. Tahniah kerana berjaya menjayakan menganjurkan Sukan Komanwel dan Formula One. Kini kita sedang berusaha mendapatkan hak untuk Tuan Rumah Sukan Asia tahun 2006. Apakah kita mahu semata-mata sebagainya penganjur sahaja? Saya fikir adalah baik sekiranya perbelanjaan melatih atlit-atlit sukan kita dinilai semula. Pendedahan menyeluruh perlu dilakukan. Kita perlu mengambil iktibar daripada beberapa negara benua Afrika yang miskin dan sebagainya tetapi boleh menghasilkan pingat emas di Sukan Olimpik, di Sydney baru-baru ini. Sedangkan kita sebagai negara yang lebih baik ekonominya gagal meraih sebarang pingat.

Di sinilah saya ingin mencadangkan supaya kita menilai kembali perbelanjaan kita untuk memajukan sukan agar *priority* terhadap kita tepat. Sukan yang terjamin mendatangkan pingat hendaklah diutamakan. Sementara, yang dirasakan tidak ada harapan, dikebelakangkan sedikit. Ini kerana prestasi kita dinilai bukan jumlah peruntukan atau jenis sukan yang diceburi tetapi kepada berapa pingat yang dimenangi. Badan-badan sukan hendaklah sama-sama memikirkan memajukan sukan yang kini adalah industri yang menguntungkan.

Di rancangan perumahan, hendaklah diadakan padang permainan untuk tujuan kesihatan dan sukan. Majlis Perbandaran pula janganlah mengenakan yuran terlalu tinggi untuk kemudahan-kemudahan sukan yang disediakan. Kelab-kelab ternama hendaklah memikirkan cara menawarkan pakej lebih murah untuk orang ramai menggunakan kemudahan khususnya kepada kanak-kanak umpamanya gimnasium, kolam renang, tenis court, malah lapangan golf.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting juga adalah pihak yang bertanggungjawab kepada atlit, amatir hendaklah memperkenalkan skim insurans agar masa depan atlit terjamin. Mereka tidak perlu risau menghadapi kecederaan kerana mereka dilindungi. Badan korporat, syarikat-syarikat swasta yang maju hendaklah mengambil sikap proaktif dalam memajukan sukan kerana jika mengharap kerajaan semata-mata, ia tidak akan ke mana-mana. Mereka akan mendapat untung secara langsung kerana

dengan mengambil iktibar penganjuran Sukan Komanwel dan Formula One, pulangan begitu besar. Umpamanya, Formula One tahun ini mendatangkan pendapatan RM1,000 juta berbanding RM500 juta tahun lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung warga ekonomi. Dalam konteks kedudukan masyarakat kita, saya tertarik dengan kata-kata Menteri Kewangan bahawa mulai sekarang kita semua adalah warga k-ekonomi. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kita bukan berpindah tapi mula memasuki era k-ekonomi. Ekonomi yang berasaskan pengetahuan daripada p-ekonomi. Ekonomi yang berasaskan pengeluaran. Kita tidak ada pilihan, sama ada terus maju atau hanyut terus. Realitinya kita terpaksa terima dan harungi k-ekonomi.

Sebagainya warga ekonomi, kita perlu menyesuaikan diri dengan melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan. Kerajaan pula mahukan kita terbabit secara langsung. Saya bimbang mengenai masyarakat Melayu dan bumiputera dalam mengharungi era digital, siber dan k-ekonomi ini. Ketika orang lain sedang meninggalkan kita, ada puak-puak yang mengajak anak-anak kita supaya menjauhkan diri daripada mempelajari ilmu teknologi, komunikasi serta maklumat, perlulah kita menjauhkan diri.

Datuk Kamaruddin bin Jaafar: *[Bangun]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya teringat dahulu, pada kes orang memulaukan televisyen. Kononnya maksiat. Apakah kita beranggapan teknologi siber juga maksiat? Saya juga mahu menyatakan kebimbangan dalam konteks orang Melayu dan bumiputera yang sehingga kini belum mencapai angka 30%....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Tumpat bangun.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya. Saya boleh bagi tetapi masa kecederaan boleh Datuk Speaker bagi? Ha, saya kurang sihat ini, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia tidak beri laluan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Oh, ini sahabat saya daripada UMNO. Ha, sila. *[Ketawa]*

Datuk Kamaruddin bin Jaafar: Saya kasihan sebab nampak Yang Berhormat bagi Larut perlu kepada tisu untuk meneruskan ucapan, jadi biar saya tolong beri kesempatan untuk itu. Yang Berhormat Larut menyebut tadi tentang masalah, masalah apa hendak sebut tadi ya. *[Ketawa]* Saya tidak ingat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tak ada?

Datuk Kamaruddin bin Jaafar: Tentang Formula One dan juga beberapa perkara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, macam mana hendak minta penjelasan?

Datuk Kamaruddin bin Jaafar: Sudah hilang dia punya point. *[Ketawa]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tidak apalah. Ingat dulu, karang tanya balik. Biar saya habiskan sedikit lagi. Karang tanya balik. Terima kasih.

Saya tidak berapa sihat sebab apa, datang awal ke Dewan, saya balik lewat. Bukan macam pembangkang. Jadi, itulah sebabnya saya tidak berapa sihat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, terima kasih. K-ekonomi menuntut ilmu pengetahuan sebagainya syarat sambil menggunakan ICT, teknologi maklumat dan komunikasi. Masalahnya Tuan Yang di-Pertua, orang Melayu dan bumiputera masih ketinggalan. Berikutan itu, saya ingin mencadangkan....

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: *[Bangun]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: beberapa perkara berikut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Nanti dulu, saya cadangkan dulu.

- (i) Dalam menyediakan pelan induk keekonomi, kedudukan Melayu dan bumiputera hendaklah diberikan perhatian khusus seperti ketika pembentukan Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional. Penilaian dalam merangka program dan pelaksanaannya, jika diasaskan atau diandaikan kepada bahawa orang Melayu sudah maju atau setanding dengan bangsa lain. Keberanian dan tindakan politik perlulah dijadikan tunjang dalam merangka pelan berkenaan.
- (ii) Bahasa Inggeris perlulah diperluaskan pengajarannya dan penggunaannya kerana ia menjadi bahasa Internet. Kita janganlah terlalu emosional atau terlalu mengagungkan prinsip dalam soal ini kerana Bahasa Inggeris bahasa penting yang satu-satunya dalam implikasi bahasa ICT. Berkaitan dengan ini saya menyeru supaya kelas-kelas percuma diwujudkan di kawasan luar bandar untuk anak desa mempelajari Bahasa Inggeris secara lebih berkesan. Pihak yang mempunyai keupayaan, perlulah....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:menaja kelas-kelas ini kerana ia sangat penting untuk generasi muda. Ha, sila.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Larut. Yang Berhormat tadi panjang lebar menceritakan fasal k-ekonomi. Dalam usaha kerajaan menggalakkan k-ekonomi ini, apakah pandangan Yang Berhormat k-ekonomi ini terlalu fokus kepada satu bidang ataupun perlu diperluaskan yang mana boleh melibatkan sektor pertanian juga kerana dari segi itu k-ekonomi dapat membantu terutama dalam hal-hal penyelidikan kerana sebagaimana yang kita ketahui, pembelaan terhadap mereka yang tinggal di luar bandar itu harus diberi perhatian juga. Apatah lagi bagi mereka yang mengusahakan kebun-kebun kecil, getah dan kelapa sawit yang pendapatan mereka semakin sehari semakin menurun pada hari ini. Apakah pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini? Saya harap penjelasan yang baik, terima kasih.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, sahabat saya seorang jurutera. Inilah sikap Barisan Nasional memang itulah, kita sentiasa

memikirkan tentang masa hadapan. Kita tidak boleh menoleh ke belakang. Kita mesti memikir lebih jauh ke hadapan, lebih maju, lebih *advance*, tidak hanya 'cakap, tidak serupa bikin'. Maka sebelah sana kalau terasa, nasib. [Ketawa] Dari segi pengurusan Yang Berhormat, inilah yang kita hendak tekankan, pada keseluruhannya, pengurusan di segenap sudut.

Saya menyeru agar sekolah komuniti yang akan diwujudkan di pusat-pusat pembangunan memperlengkapkan pelajar dengan bahasa Inggeris, kelab dan persatuan yang menganjurkan kegiatan mempelajari bahasa Inggeris perlulah diwujudkan. Selain itu, program mempelajari bahasa Inggeris yang komprehensif perlu dijadikan program khas, program asas dalam Rakan Muda, kegiatan NGO serta badan-badan amal. Juga dalam kehidupan penuh cabaran akibat proses globalisasi, dasar keekonomi yang menjadi asas kepada dasar pembangunan wawasan perlulah menjamin keekonomi dibahagikan secara adil berdasarkan faktor-faktor sejarah, perlembagaan dan *representative* politik. Bumiputera dan orang Melayu hendaklah segera disedarkan bagi menentukan keutamaan yang sesuai khususnya menerapkan budaya berteknologi tinggi dan keusahawanan yang dinamik.

Oleh kerana itu saya menyokong langkah kerajaan melaksanakan program makmal komputer setiap sekolah dengan memberikan keutamaan

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sekejap, saya habis sedikit, nanti tersangkut. Saya akan beri laluan, *no problem*. Ini sahabat saya daripada UMNO juga dahulu.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Bukan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Memberikan keutamaan kepada sekolah-sekolah di luar bandar yang akan dibekalkan di antara 12 dan 43 buah komputer yang dilengkapi dengan kemudahan multimedia dan Internet. Dengan wujudnya 2,200 buah makmal komputer, saya yakin proses pembelajaran asas dan kemahiran komputer akan berkesan.

Seiring dengan projek ini saya memohon kerajaan supaya menimbangkan sama sekolah-sekolah agama termasuk sekolah-sekolah agama rakyat, pejabat JKKK

serta juga masjid-masjid. Saya yakin melalui usaha ini Rakan Masjid dan Rakan Muda akan mudah diterima. Sila.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih Tuan Yang diPertua dan sahabat saya, “Raja Bola”. *[Ketawa]* Apakah Yang Berhormat sedar bahawa dalam menyatakan soal keekonomi ini satu perkara yang perlu ialah soal R&D dan kita dapati bahawa dalam pembentangan kewangan baru-baru ini hanya 0.3 peratus sahaja diperuntukkan untuk R&D, ertinya kalau dibandingkan dengan negara-negara maju dan negara-negara lain, kita jauh ketinggalan ke belakang.

Yang keduanya ialah bagaimana mungkin kita bercakap soal keekonomi kalau dasar kita sentiasa berubah, 25 tahun kita kenali sebagai royalti, tiba-tiba bila PAS menang di Terengganu ditukar jadi

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Okay, faham. Sebelum saya hendak jawab, saya tahu apa soalan yang dibangkitkan. Saya akan jawab, memang ada.

Seorang Ahli: Ada apa itu?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: E-dagang Tuan Yang di-Pertua. Bersesuaian dengan perkembangan e-dagang, saya ingin menyentuh sedikit mengenai Modal Teroka. Kita semua tahu untuk memulakan syarikat seperti ini kita tidak akan ada *track record* kerana ini mungkin bank-bank dan institusi kewangan enggan memberikan pinjaman sebagai Modal Teroka.

Saya mengalu-alukan usaha kerajaan menubuhkan sebuah agensi khusus untuk menyelaraskan pembangunan Modal Teroka di bawah Kementerian Kewangan sebagai *one-stop agency*, dengan izin, yang bertanggungjawab untuk memastikan industri Modal Teroka dapat membangun dan berkembang dengan lebih cepat dan berkesan.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Beri jalan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Hendak habis dah. Syarat-syaratnya janganlah terlalu ketat. Saya difahamkan di Republik Rakyat China, berikutan ledakan industri maklumat, Modal Teroka bagi e-dagang paling rendah ialah RM350,000 dan ini diberikan melalui sebuah tabung. Syarat yang dikenakan tidak terlalu ketat kerana pihak berkuasa faham asas kepada industri ini bukanlah harta wang ringgit tetapi harta intelektual.

Di sini, saya mencadangkan supaya Modal Teroka industri ini dicontohi daripada China yang tidaklah begitu ketat syaratnya. Kita hendaklah menyanjungi dan mengiktiraf *intellectual capital*, dengan izin, yang kita bangunkan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua,.....

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Beri jalan?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Larut. Berhubung dengan Yang Berhormat bagi Setiu tadi, setujukah Yang Berhormat bagi Larut yang mana pada hari ini ramai di kalangan pensyarah-pensyarah muda telah mula membabitkan diri mereka dalam bidang R&D umpamanya pada hari ini, lebih kurang 70 peratus daripada pensyarah-pensyarah di USM misalnya terbabit secara langsung dalam penyelidikan-penyelidikan saintifik dengan kejayaan untuk turut menjana geran yang besar. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan apa yang saya katakan ini?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kita dalam BN ini setuju sahajalah, [*Ketawa*] tidak pernah tidak setuju melainkan di sebelah sana kecuali perkara-perkara yang tidak tentu yang seringkali dibangkitkan.

Seorang Ahli: [*Bangun*]

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tidak boleh. Biarkan saya habiskan ini.

Saya juga ingin menyentuh soal agenda yang tidak kurang pentingnya iaitu masyarakat penyayang. Agenda ini penting kerana perpaduan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Parit Sulong bangun.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Penjelasan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ada masa sedikit, Yang Berhormat Dato'. Saya pertama kali cakap ini Yang Berhormat Dato'.

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya minta penjelasan Yang Berhormat bagi Larut. Adakah dalam e-dagang ini juga kita harus berhati-hati supaya tidak menggalakkan kewujudan syarikat-syarikat *Internet-based* tetapi mempunyai *value-*

added yang kecil. Sebaliknya kita harus menggalakkan syarikat-syarikat e-dagang (e-commerce) yang diwujudkan hasil daripada R&D dan mempunyai *value-added* yang besar dari segi operasinya. Terima kasih.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar:Yang Berhormat, bagi “bola” pada dia.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih. Memang itulah dia. Bila kita belum habis hendak perjelaskan, sana sudah bising, bangkit. Bila kita minta penjelasan Yang Berhormat bagi Pokok Sena tidak bagi, tahu main balun sahaja, rasuallah, tidak adillah, zalimlah, tunggu “sa’”. Terima kasih Yang Berhormat, ya.

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Jadi, ini penting kerana perpaduan menjadi faktor penting, kemajuan kita. Malah kami dalam BN - Barisan Nasional, inilah asas kerjasama dan persefahaman yang menjamin negara kita bertahan sejak tahun 1957. Dalam tempoh 43 tahun ini walaupun kita diganggu gugat khususnya oleh hasutan pembangkang, kita tetap bertahan.

Saya menyokong penuh usaha kerajaan untuk meningkatkan kualiti hidup semua rakyat. Saya berharap Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) bagi projek-projek pemulihan rumah, peningkatan taraf kesihatan, pemberian *micro credit*, pembangunan ekonomi kampung dan bantuan pertanian diagihkan untuk semua rakyat. Sebenarnya inilah asas kekuatan Kerajaan BN hari ini. Kalau tidak kerana BN adil, ramai daripada wakil rakyat termasuk pembangkang akan masih menjadi budak kerdil di kampung kerana tidak mendapat pendidikan dan pendedahan.

Berkaitan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada mereka yang memikirkan perlu diwujudkan Yayasan Tekun Nasional. Setakat ini pinjaman berjumlah RM46.5 juta telah dikeluarkan kepada RM16,215 penjaja. Saya mendapat tahu *brochure* sudah diperluaskan sehingga ke Sabah. Harapan saya ialah badan-badan yang diamanahkan untuk melaksanakan program ini mengambil perhatian serius dan melaksanakan tanggungjawab dengan lebih berhemat.

Sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh soal wang ihsan, untuk menyatakan dalam Dewan yang mulia ini, bahawa ia adalah pemberian Kerajaan Pusat kepada rakyat Terengganu, bukan kepada kerajaan negeri. Kalau PAS

faham ini mereka tidak boleh marah, mereka tidak ada hak langsung ke atasnya. Namun, yang penting di sini ialah soal bersyukur. Orang yang tidak bersyukur adalah tamak, maksud saya.....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Okaylah, kalau tidak, tidak boleh tidur nanti.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan dari sahabat saya bagi Larut, adakah Yang Berhormat sedar bahawa di dalam perjanjian di antara Kerajaan Negeri Terengganu dengan Petronas, tidak ada disebut perkataan 'wang ihsan'. Di dalam Akta Pembangunan Petroleum juga tidak ada disebut perkataan 'wang ihsan'. Yang ada disebut hanya sejumlah wang yang perlu dibayar kepada Kerajaan Persekutuan atau mana-mana kerajaan negeri yang berkaitan. Jadi, kalau kita memilih 'ihsan' atau 'royalti' itu adalah hak kita, adakah Yang Berhormat setuju?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, saya sedar, kita semua sedar. Yang tidak sedar PAS sahaja termasuk Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

Tuan Abdul Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ini hendak masuk ini. Ya, saya tahu, sekejap.

Tuan Abdul Rahman bin Yusof: Sekejap sahaja.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Biar saya habis dahulu.

Tuan Abdul Rahman bin Yusof: Sama, jawab sekali dengan Yang Berhormat bagi Parit Sulong.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Beri saya habis dahulu, nanti sekejap. Namun yang penting di sini ialah soal bersyukur. Orang yang tidak bersyukur adalah tamak. Yang tamak dilaknat Allah s.w.t. Saya menyebutkan perkara ini di sini ialah kerana PAS mengajak rakyat membudayakan sembahyang hajat. Saya tahu PAS menganjurkan sembahyang hajat untuk memohon diberkati dan tidak kurang pula berdoa dijatuhi bala terhadap sesama manusia. Sebaik-baiknya

solat hajat dilakukan untuk berterima kasih atau bersyukur dan kalau meminta sesuatu biarlah yang sesuai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya ingin mengulangi

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kemaman bangun.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Nantilah sekejap. Sekejap lagi hendak habis. Saya hendak habis sedikit lagi. Nanti saya bagi.

Tuan Abdul Rahman bin Yusof: Okay.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya ingin mengulangi kenyataan yang dibuat oleh kerajaan sebelum ini ialah di Terengganu didapati di luar pantai. Soalnya sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong tadi, jika Kerajaan Pusat mahu memban tu rakyat Terengganu, kenapa PAS marah sangat? Takut, nanti rakyat tahu tembelang mereka. Apakah tembelang mereka? Tembelang PAS paling besar ialah gagal melaksanakan janji-janji pilihan raya ini.

Namun bagi saya soal pokok ialah rakyat Terengganu terus diberikan perhatian. Saya bersyukur kerana rakyat Terengganu diberikan perhatian khusus, walaupun saya sedikit cemburu dan terkilan kerana peruntukan tambahan melalui wang ihsan ini bukan kecil tetapi demi persahabatan dan menyedari rakan saya di Terengganu memerlukan pembangunan, saya tetap menerimanya dengan tabah kerana inilah semangat Barisan Nasional yang tidak tamak dan haloba. *[Tepuk]*

Tuan Abdul Rahman bin Yusof: Boleh Yang Berhormat bagi Larut? Sekejap, satu sahaja, ya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Okay.

Tuan Abdul Rahman bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Larut. Saya hendak tanya, kalau sekiranya Terengganu dapat jumpa minyak di atas darat, patutkah Kerajaan Pusat membiarkan negeri Terengganu mendapat 100 peratus hasil daripada bumi yang keluar daripada darat yang akan keluar daripada Terengganu nanti?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Hendak saya jawabkah atau selepas saya habiskan ucapan ini? Saya ingat Yang Berhormat tahu, “sudah gaharu cendana pula, sudah tahu bertanya pula”. Biar saya habiskan ini dahululah.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Adakah Yang Berhormat sedar bahawa perjanjian dalam Akta Pembangunan Petroleum mengatakan pemunyaan hak, keistimewaan, kuasa-kuasa.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Parit Sulong tanya kepada siapa?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya tanya kepada Yang Berhormat bagi Larut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim S Cheng]: Jadi, Yang Berhormat silalah duduk.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Pemunyaan hak, kuasa-kuasa keistimewaan dan sebagainya untuk mencari gali atau mengusahakan mana-mana hasil di dalam bumi atau luar laut dalam konteks minyak adalah diserahkan kepada perbadanan iaitu Petronas. Jadi, kalau Kerajaan Negeri Terengganu jumpa minyak atas darat pun ia tidak boleh gali oleh kerana itu hak Petronas. Jadi, adakah Yang Berhormat setuju dengan hal itu, terima kasih.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Setujulah itu. Barisan Nasional kita setuju. Kita ada Perlembagaan, kita rujuk kepada Perlembagaan.

Tuan Abdul Rahman bin Yusof: Boleh?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ini sudah bagi sekali, hendak dua kali.

Tuan Abdul Rahman bin Yusof: Hendak jawab ini....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya tidak boleh jawab.

Tuan Abdul Rahman bin Yusof: Saya hendak jawab, hendak tanya...

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Larut, Yang Berhormat.....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya bagi Yang Berhormat bagi Setiu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya hendak maklum kepada Yang Berhormat ...

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Masa sudah habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila gulung. Masa...

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Okay, saya gulung. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dua, tiga minit sahaja.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Baik, saya gulung.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Tuan Yang di-Pertua, dia bagi saya. Terima kasih. Perjanjian tahun 1974 berhubung dengan Petroleum Government Act 1974 antara lain menyatakan bahawa apabila diserahkan hak mencari gali dan melombong kepada Petronas di laut dan di darat, in written pihak Petronas mestilah memberi 5% kepada kerajaan negeri Terengganu, bukan kepada rakyat Terengganu. Adakah Yang Berhormat bagi Larut ada membaca agreement tersebut? Terima kasih.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat pun sedia maklum. Ia tidak jumpa di Terengganu. Jadi buat apa hendak bising-bising. Rakyat Terengganu tidak bising. Yang berkokok ini PAS. Rakyat Terengganu tidak ada bising apa pun mereka dapat peruntukan tambahan perbelanjaan ini tidak ada masalah.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Yang bising wakil rakyat yang mewakili rakyat Terengganu.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Itu Kemaman. Itu Kemaman. Ikut peraturan terima kasih.

Saya hendak menggulung, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan pusat berusaha melarikan rakyat Terengganu daripada kepungan kemiskinan dengan bantuan dalam projek-projek bekalan air, elektrik dan jalan kampung, pendidikan serta program prasarana, perumahan serta penempatan semula, projek tanaman kontan serta bantuan kepada nelayan pantai dan laut dalam. Rakyat Terengganu juga akan menikmati program prosper Terengganu dan tabung khas bagi pembangunan vendor, francais

dan sebagainya. Selain itu warga tua, ibu tunggal, orang kurang berupaya dan anak-anak yatim juga tidak terkecuali. Apakah program ini kejam, zalim dan tidak Islamik? Kerajaan juga jelas, peka mengenai pembayaran gaji pegawai dan kakitangan di Terengganu. Jaminan kerajaan ini sepatutnya disambut baik oleh pegawai dan kakitangan kerajaan negeri Terengganu kerana tidak perlu gusar kerana pembayaran gaji mereka adalah terjamin.

Tuan Moktar bin Radin: Penjelasan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ini masalah Terengganu, bukan Sabah ya.

Tuan Moktar bin Radin: Terengganulah ini. Saya mahu tolong orang Terengganu. Terima kasih rakan saya. Kami bersebelahan bisik-bisik pun boleh. Tetapi kita mahu orang sana pun dengar. Apakah sebetulnya permasalahan yang dihadapi

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: *[Menyampuk]* Bisik-bisik kena ikut peraturan, Yang Berhormat.

Tuan Moktar bin Radin: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan, kata Yang Berhormat bisik-bisik, tidak boleh, kena ikut peraturan.

Tuan Moktar bin Radin: Tidak, saya mahu tanya wakil dari Larut. Apakah masalah yang dihadapi oleh wakil-wakil rakyat dari Terengganu? Wang sudah dibagi di Terengganu juga. Apa masalahnya yang mereka hadapi? Adakah dengan wang itu tidak dibagi kepada kerajaan Terengganu secara direct mungkin mereka dalam musibah ataupun dalam kekeliruan? Apa sebab dia. Saya mahu tanyalah ini.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya PAS sudah kehabisan modal. Jadi untuk mengalih pandangan tuntutan janji-janji pilihan raya sebagaimana saya sebutkan tadi mereka bimbang tuntutan janji-janji pilihan raya ini tidak dapat ditunaikan. Ini mereka mengalih pandangan mereka kepada isu-isu lain. Jadi, kehabisan modallah. Itu bahasa yang paling haluslah saya gunakan Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham kenapa sependuk-sependuk digantung di seluruh negara menuduh kerajaan persekutuan zalim dan macam-macam lagi

kerana wang ihsan ini. Agaknya pembangkang khususnya PAS ini hanya tahu perkataan yang buruk-buruk sahaja seperti yang saya sebutkan tadi.

Jadi, saya rasa itulah sahaja yang saya hendak sampaikan, Tuan Yang di-Pertua. Dengan ini saya menyokong Belanjawan 2001. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukit Mertajam.

3.49 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini masalah-masalah sosial ekonomi masyarakat kaum India telah mendapat perhatian ramai. Dikatakan kadar jenayah adalah tertinggi di antara kaum masyarakat India. Dan juga kes keganasan keluarga adalah tertinggi di kalangan masyarakat kaum India. Kes bunuh diri adalah tertinggi di kalangan masyarakat kaum India. Dan ekuiti syarikat kalau berbanding dengan kaum Melayu dan juga kaum Cina dia bukan tidak meningkat tetapi berkurangan dalam sepuluh tahun yang lalu.

Belanjawan 2001 telah dibentangkan sehari selepas Hari Deepavali. Kesannya langsung tidak ada peruntukan untuk menangani masalah-masalah sosioekonomi masyarakat kaum India. Dan kita mendapati bahawa di dalam belanjawan, peruntukan untuk membanteras gejala sosial negatif ialah sebanyak RM94 juta. Dan di antaranya RM2 juta untuk kempen kesedaran tentang bahaya pil ecstasy. Saya ingin tahu adakah duit RM2 juta ini disalurkan kepada MCA untuk menjalankan kempen ini dan juga yang mana satu lebih serius kesedaran bahayanya pil ecstasy ataupun kadar jenayah di kalangan masyarakat kaum India. Mengapa walaupun MIC dikatakan mewakili kaum India di dalam Barisan Nasional tetapi langsung tidak ada rancangan, tidak ada dasar, tidak ada polisi, tidak ada program untuk membanteras masalah-masalah sosioekonomi di dalam masyarakat kaum India, lebih-lebihan Belanjawan 2001 ini dibentangkan satu hari selepas Hari Deepavali.

Dato' S. Veerasingam: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bangun.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri peluang kerana mereka akan mendapat peluang untuk menjawab semasa mereka menggulung dan

juga mereka memang di dalam Kerajaan Barisan Nasional. Kalau mereka ada pandangan, ada apa-apa cadangan sepatutnya dimasukkan di dalam belanjawan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mungkin beliau ingin meminta penjelasan.

Puan Chong Eng: Tidak apa, tidak apa. Saya tidak beri penjelasan. Saya tidak beri peluang. Tidak ada masa, kerana tidak ada masa. Lebih baik Yang Berhormat boleh menjawab apabila giliran Yang Berhormat sampai ya.

Dato' S. Veerasingam: *[Menyampuk]*

Puan Chong Eng: Itu memang satu kenyataan. Bukankah MIC dalam kerajaan Barisan Nasional. Tidak ada, bukan? Adakah itu kenyataan. Mengapa tidak boleh sebut?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Puan Chong Eng: Saya tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kerana Yang Berhormat Bukit Mertajam tidak beri laluan.

Puan Chong Eng: Saya tidak beri jalan. Saya tidak beri jalan.

Tuan Lim Hock Seng: Apa ini bisings-bings sana! *[Disampuk]*

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, DAP ini pembangkang. Kita tidak kutip cukai. Apa yang kita boleh cakap memanglah, kami boleh cakap memanglah memberi cadangan yang bernas, yang constructive, memberi kritik yang constructive. Kalau tidak boleh terima, ini yang susah kerajaan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat kata tadi DAP tidak kutip cukai. Bererti adakah MIC kutip cukai? Pun tidak ada saya rasa.

Puan Chong Eng: Dia kerajaan MIC. Sebahagian kerajaan, jangan lupa, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tapi itu cukai kerajaan. Ini cukai untuk kerajaan.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru supaya kalau Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dari MIC kalau ada apa cadangan, saya bercadang

supaya dan merayu supaya Belanjawan 2001 ini dipinda supaya memasukkan apa-apa cadangan MIC yang ada untuk memelihara kepentingan kaum India di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita pernah mendengar ramai menteri serta backbencher Barisan Nasional mengatakan bahawa ekonomi negara telah pulih. Tetapi sekiranya ekonomi negara telah pulih mengapa kita masih mengadakan belanjawan defisit dan belanjawan defisit ini ialah telah termasuk tahun keempat berturut-turut. Memandangkan suasana dunia sekarang khasnya ekonomi di Amerika yang mungkin menghadapi masalah meleset, sekiranya kemelesetan berlaku di dunia, di pasaran dunia, bagaimana kita hendak kerajaan, adakah kerajaan akan mengadakan belanjawan defisit yang lebih teruk lagi. Adakah kita masih ada 'cushion' sekiranya pada tahun yang depan atau tahun yang akan datang juga pasaran sedunia atau ekonomi sedunia telah menjadi teruk. Bagaimana kita akan membiayakan belanjawan defisit yang lebih teruk ini. Berapa tahun kita boleh tahan. Dan sekiranya katakan ekonomi telah pulih, mengapa masih mengadakan satu belanjawan yang bertujuan untuk merangsangkan penggunaan consumption drive. Mengapa? Ini menunjukkan bahawa sebenarnya ekonomi kita bukan seperti yang dikatakan oleh ramai backbencher dan oleh menteri bahawa sudah pulih.

Tuan Yang di-Pertua, langkah merangsangkan penggunaan adalah satu objektif yang boleh difahami. Persoalannya ialah mengapa penggunaan consumption masih belum bertambah walaupun GDP telah bertumbuh? Ini adalah kerana bahawa rakyat masih tidak kurang keyakinan bahawa ekonomi akan bertambah baik. Maka mereka sekarang berbelanja dengan berhati-hati. Itulah sebabnya. Dan mungkin ada sebab-sebab yang lain seperti sebab-sebab politik, kredibiliti kerajaan dan pilih kasih di dalam sektor pembangkang untuk mereka yang mempunyai perhubungan politik, ketidakupayaan kerajaan untuk menarik foreign direct investment dan portfolio fund, artificial low exchange rate, pembangunan yang tidak seimbang iaitu terlalu bergantung kepada eksport barangan elektronik kepada Amerika Syarikat.

Dunia sedang melihat pertumbuhan ekonomi yang lembap dan kemelesetan, maka kita perlu berhati-hati dalam belanjawan kita. Peruntukan untuk perbelanjaan pembangunan perkhidmatan sosial telah meningkat dengan mendadak iaitu berjumlah RM3 bilion. Daripada jumlah tersebut RM2 bilion adalah untuk perkhidmatan

pendidikan. Memandangkan kerajaan berhasrat untuk membangunkan k-ekonomi, peruntukan untuk perbelanjaan pendidikan ini boleh diterima. Akan tetapi kita mesti berjaga-jaga dengan meneliti secara terperinci untuk memastikan ia adalah cost effective, pengawalan yang sempurna, diaudit dengan baik serta kontrak-kontrak perlu ditender secara terbuka dan bukan melalui perhubungan politik. Kita tahu banyak projek pembinaan sekolah awam tidak dapat disiapkan pada masa yang ditetapkan atau mengalami masalah. Masalah tidak harus berulang lagi. Kerajaan perlu memilih kontraktor yang betul-betul berupaya melaksanakan projek. Kerajaan seharusnya mengelak memberi kontrak kepada syarikat yang hanya bertujuan mengaut keuntungan komisen daripada kontrak yang diperolehinya tanpa menjalankan projek tersebut dengan sendiri. Polisi dan tindakan kerajaan adalah bercanggah dengan strategi k-ekonomi. Tadi Yang Berhormat bagi Shah Alam ada berkata di dalam dunia globalisasi ini persaingan di dunia tidak kira warna kulit dan agama tetapi bagaimana dasar di dalam negara ini. Ini adalah satu konflik yang perlu kerajaan Barisan Nasional selesaikan sebelum mengatakan k-ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk pembangunan k-ekonomi ia memerlukan beberapa condition kerana skill, budaya dan keusahawanan Di dalam k-ekonomi pada realitinya berdasar kepada kebebasan memperoleh maklumat dan kedua, kebebasan melaungkan perasaan atau freedom of expressions, penswastaaan yang tulen yang menggalakkan persaingan, ketelusan dan pengaliran maklumat mengenai kerajaan dan syarikat, kebebasan pengaliran capital, sistem kehakiman yang teguh dan bebas, syarikat yang tidak dapat bersaing seharusnya dibiarkan menjadi bankrup. Ini saya rasa juga telah disebut oleh Yang Berhormat bagi Tambun.

K-ekonomi tidak akan tercapai dengan menghentikan terbitan majalah, mengurangkan terbitan *Harakah*, menyekat kebebasan media, menyerang Astro, menghalang perhimpunan secara aman, mengadakan kawalan capital dan kewujudan undang-undang yang anti keekonomi seperti OSA, ISA, Akta Universiti dan Kolej Universiti, Akta Hasutan, Printing and Publication Act. Kesemua undang-undang ini perlu dihapuskan jika kita benar-benar berhasrat untuk mencapai sebuah negara berlandaskan k-ekonomi.

Saya menyokong cadangan kerajaan untuk menarik balik profesional warganegara Malaysia yang kini berkhidmat di luar negeri. Kesemua inisiatif adalah menarik tetapi inisiatif tersebut masih tidak mencukupi. Misalnya, golongan ini hendak melihat wujudnya sebuah kerajaan yang mempunyai mekanisme *check and balance* yang boleh memastikan kestabilan jangka panjang di dalam negara ini. Kestabilan dalam maksud ini bukan tidak menukar kerajaan, kestabilan ini ialah walaupun menukar kerajaan, ia boleh menukar kerajaan dalam proses yang aman melalui pilihan raya. Ini adalah kerana keputusan untuk kembali ke Malaysia bersama-sama dengan keluarganya melibatkan risiko jangka panjang, bukan satu, dua tahun tetapi mungkin 10, 20 tahun.

Kerajaan juga perlu memikirkan keperluan pendidikan dan budaya kosmopolitan untuk keluarga mereka. Pada masa yang sama kerajaan tidak mengakui ijazah-ijazah yang diperolehi oleh pelajar Malaysia daripada universiti-universiti Taiwan. Jika kerajaan memang benar mahu menggunakan kesemua pakar yang ada di kalangan warganegara Malaysia kerajaan perlu mengubah polisi ini. Pakej galakan istimewa bagi meningkatkan pelaburan swasta tempatan dan juga pelaburan asing tidak akan mencapai objektif maksimumnya kerana kerajaan tidak berdepan dengan masalah yang menghalang pelabur asing.

Masalah-masalah tersebut adalah kawalan kapital; kekhuatiran kerajaan akan mewujudkan lebih banyak langkah kawalan kapital pada masa yang akan datang; bertambah buruk atau bertambah teruk indeks rasuah; rasuah meningkatkan kos perniagaan; kekurangan penghormatan kepada kontrak seperti perompakan royalti minyak di Terengganu; kurangnya penghormatan kepada pelabur kecil di Bursa Saham; komen-komen yang menjejaskan suasana pelaburan, misalnya komen Perdana Menteri mengenai jajahan orang asing dan menyamakan Suqiu atau permintaan pilihan raya kaum Cina dengan Al-Ma'unah dan juga komunis.

Perdana Menteri dalam surat khabar hari ini mengatakan bahawa sesiapa yang memberi komen di luar negeri, kalau tidak suka tinggal di Malaysia dan menjejaskan ekonomi beliau boleh keluar atau pindah ke negeri lain, tinggalkan negeri. Saya berpendapat sekiranya mengikut logik Perdana Menteri ini orang pertama yang perlu meninggalkan negara ini ialah Perdana Menteri.

Beberapa Ahli Pembangkang: Ya.

Puan Chong Eng: Kerana ramai apa yang dikatakan, komen Perdana Menteri di antarabangsa selalunya menjejaskan ekonomi negara kita. Orang yang kedua yang perlu meninggalkan negara ini ialah Menteri Pengangkutan. *[Tepuk]* Baru-baru ini *Asiaweek* mengatakan bahawa KLIA ini merupakan airport yang ke 63 termahal di dunia, tetapi ia kurang digunakan. Airport-airport Singapura, Thailand menjadikan hak regional, tetapi airport KLIA yang mahal ini menjadikan spoke ini yang maksudnya airline antarabangsa tidak terbang di sini. Ia hanya untuk *regional* dan untuk *local* sahaja.

Banyak airline telah berhenti menggunakan penerbangan di KLIA, bukan sahaja British Airline, tetapi Australia Quantas Airline. Ada empat, lima airline yang berhenti terbang ke KLIA. Ini akan menjejaskan pelancongan negeri ini, ia mungkin akan menjejaskan kejayaan MAC. Ini menjejaskan ekonomi kita yang dengan serius, maka orang kedua yang perlu tinggalkan negara ini ialah Menteri Pengangkutan. Ucapan Belanjawan 2001 di muka surat 28 juga mengatakan bahawa satu unit baru akan ditubuhkan di BSKL, yang akan bertanggungjawab terhadap perhubungan dengan pengurus dana antarabangsa sebagai satu usaha untuk mempergiatkan penyebaran maklumat pasaran.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat

Puan Chong Eng: Tidak beri peluang. Saya tidak beri peluang, yang ini saya minta maaf, yang sana dia ada peluang untuk menjawab. Saya tidak beri jalan. Pada pendapat ramai.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: *[Bangun]*

Puan Chong Eng: Sedikit sahaja satu second.

Datuk Rizalman bin Abdullah: Dia beri.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat katakan bahawa Perdana Menteri kena tinggalkan negeri ini, Menteri Pengangkutan kena tinggalkan negeri ini. Macam mana kalau saya cadangkan bahawa ahli DAP patut tinggalkan negeri sebab mereka sudah sediakan dengan

roket. Ini boleh terbang keluar daripada negeri ini sebab banyak sangat Yang Berhormat kata yang kena tinggalkan negeri ini. Ini bagaimana kalau saya minta ahli-ahli DAP sediakan roket, sudah sedia jadi bawa terus ke bulan.

Puan Chong Eng: Ini sediakan roket untuk Miasat I.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, dia cuma..

Puan Chong Eng: Untuk Miasat I sudah guna roket.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat ya. Tidak apalah dia...

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, pada orang ramai langkah untuk menubuhkan unit ini adalah tidak perlu. Langkah yang perlu diambil oleh kerajaan ialah untuk mengizinkan Securities Commission bertindak dengan lebih bebas dan diperuntukkan lebih pegawai atau tenaga pekerja. Yang kedua, memberi kuasa kepada agensi mencegah rasuah untuk menghukum pesalah bersama-sama dengan Securities Commission dan letakkan ACA di bawah Parlimen dan bukan di bawah pejabat Perdana Menteri. Ketiga, membenarkan desert co-operation bersaing secara terbuka dan adil untuk memperolehi projek-projek dan bukan melalui perhubungan politik.

Cadangan kerajaan untuk tidak mengenakan levi ke atas keuntungan port folio yang di bawa keluar selepas tempoh satu tahun adalah langkah yang positif. Ia membawa Malaysia lebih dekat dengan pasaran terbuka untuk kewangan antarabangsa. Akan tetapi kenapakah mereka harus mempercayai Kerajaan Barisan Nasional lagi yang polisinya selalu berubah-ubah. Soalan yang perlu diberi jawapan kepada pelabur asing adalah apakah perubahan besar yang telah mengambil tempat. Apakah yang telah dipelajari di dalam krisis ekonomi ini. Ucapan Belanjawan 2001 mengatakan nasib rakyat Terengganu akan terus dibela walaupun Kerajaan Barisan Nasional tidak lagi menerajui kerajaan negeri. Bukankah itu tanggungjawab Kerajaan Persekutuan untuk membela nasib semua rakyat di setiap negeri.

Sekiranya Barisan Alternatif menjadi kerajaan, kita akan memberi pembelaan kepada semua rakyat di dalam semua negeri. Berdasarkan bahawa Kerajaan Persekutuan mengutip cukai pendapatan daripada rakyat dan syarikat maka ia adalah bertanggungjawab untuk membela nasib semua rakyat. Bekalan air, jalan raya, pendidikan, infrastruktur, perumahan dan program-program pembangunan

kecil, ini adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan tanpa mengira sama ada pengeluaran minyak atau tidak.

Bukankah dana dan program khas di atas nama wang ihsan yang di bawah kawalan Kerajaan Barisan Nasional ini sekiranya tidak ada accountability, bukankah dia memberi peluang dan menambah potensi untuk rasuah. Adakah dana khas tersebut akan digunakan untuk menjalankan jentera politik Barisan Nasional UMNO di negeri Terengganu untuk kepentingan politik Barisan Nasional dan bukan untuk kepentingan rakyat. Tidak ada sesiapa yang akan membantah terhadap pemberian wang ihsan tambahan jika ada kepada rakyat Terengganu. Bantahannya ialah terhadap tindakan Kerajaan Persekutuan merampas apa yang telah menjadi hak dan kepunyaan Kerajaan Terengganu [*Tepuk*]

Kerajaan Barisan Nasional mengatakan bahawa wang ihsan tersebut adalah bertujuan untuk memberi perlindungan dan bantuan kepada mereka yang miskin, golongan orang tua, anak yatim dan ibu tunggal. Adakah Kerajaan Barisan Nasional mengatakan bahawa jika Terengganu tidak mempunyai petroleum maka Kerajaan Persekutuan tidak akan memberi perlindungan kepada golongan-golongan ini. Di dalam usaha untuk mewujudkan lebih banyak perumahan kos rendah, kerajaan perlu mengkaji mengapa terdapat begitu banyak projek perumahan yang terbengkalai atau bermasalah. Siapakah yang gagal menjalankan tugas kawalan ke atas bank, pemaju, pegawai-pegawai majlis yang meluluskan dan membiayai projek perumahan tersebut.

Dengan memberi lebih banyak peruntukan untuk menangani masalah ini tidak akan memberi hasil yang efektif, yang cost effective jika peraturan kawalan amalan rasuah tidak diatasi. Ucapan Belanjawan 2001 menyatakan bahawa sebanyak 428 buah sekolah menengah dan sekolah rendah akan dibina di kawasan luar bandar. Di antara sekolah ini saya ingin tahu berapa kah buah sekolah adalah sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil. Tadi Yang Berhormat Shah Alam ada menyatakan bahawa Yang Berhormat Parit Sulong menyeru supaya lebih ramai orang Melayu juga mempelajari Bahasa Mandarin. Itu saya mengalu-alukan, tetapi yang penting, masalah yang dihadapi sekarang ialah kekurangan, ketidakcukupan

sekolah rendah jenis kebangsaan Cina, juga sekolah menengah dan juga universiti-universiti.

Guru-guru pun tidak cukup, sekiranya Yang Berhormat bagi Shah Alam dan Yang Berhormat bagi Parit Sulong peka dengan masalah ini saya harap mereka akan lobi di dalam Barisan Nasional supaya masalah-masalah ini diberi peruntukan supaya masalah-masalah ini dapat diatasi.

Tuan Fong Kui Lun: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun di belakang Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mendapat penjelasan dari Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam adakah Yang Berhormat sedar ada seramai 65,000 murid Melayu yang belajar di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. Ini satu hakikat, saya rasa adakah Yang Berhormat sedar.

Puan Chong Eng: Saya memang tahu dan ini merupakan satu gejala yang baik bahawa semua bangsa, semua kaum di negara ini boleh belajar bahasa kaum yang lain, ini untuk memupuk harmoni di antara kaum. Ini adalah sangat baik dan saya bercadang supaya kerajaan memandang lebih terbuka terhadap semua pelajaran ataupun semua bahasa dalam negara ini. Bukan sahaja memberi dengan sikap yang lebih terbuka tetapi mengikut dengan tindakan susulan memberi peruntukan untuk membina lebih banyak sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, tema Belanjawan 2001...

Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Nanti boleh tak. Okay, okay.

Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Saya cuma hendak berkongsi maklumat dengan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam yang mengatakan tentang pendedahan bahasa Mandarin. Pada saya pembelajaran bahasa Mandarin bukan bermakna ia termaktub dari segi kurikulum pendidikan daripada peringkat sekolah dan menengah. Sekarang ini pun contoh Universiti Teknologi Mara, pusat bahasa pun menyediakan bahasa Mandarin dan juga pusat-pusat bahasa universiti yang lain. Jadi, ini yang sepatutnya diperluas dan diperhebatkan lagi. Setujukah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Ya, itu memang saya bersetuju bahawa yang saya impress bahawa UiTM sebuah universiti untuk bumiputera diadakan kursus Bahasa Mandarin untuk pelajarinya tetapi di Universiti Sains Malaysia, Persatuan-persatuan Pelajar Tionghua mereka dilarang untuk mengadakan poster yang berbahasa Mandarin di dalam kampus. Ini merupakan polisi yang begitu tidak sama dengan UiTM.

Saya juga tahu ada ramai pegawai kerajaan memang mengikuti kursus Mandarin sekarang. Saya harap sikap yang terbuka ini perlu diadakan di semua lapisan masyarakat, di semua kampus universiti dan bukan sahaja di UiTM.

Tuan Mokhtar bin Radin: *[Bangun]*

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, tema Belanjawan 2001....

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat. Satu lagi Yang Berhormat bangun di belakang.

Puan Chong Eng: Tidak, tidak, tidak. Itu dia tidak perlulah. *[Ketawa]* Tema Belanjawan 2001 ialah 'Malaysia Baru'. Apakah yang dimaksudkan oleh Menteri Kewangan dalam tema 'Malaysia Baru' dalam Belanjawan 2001, apakah yang baru? Adakah ia bermaksud Malaysia yang adil, yang memberi layanan dan keadilan yang sama kepada semua kaum tanpa mengira warna kulit, agama dan budaya. Apakah ia bermaksud suatu negara yang mempertahankan dan melaksanakan sistem demokrasi yang satu yang menghormati kebebasan badan kehakiman dan hak asasi manusia seperti apa yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan kita. Ini adalah soalan yang diminati oleh semua rakyat Malaysia dan juga pelabur di dalam dan dari luar negeri.

Sebenarnya Kerajaan Barisan Nasional sudah mempunyai slogan yang cukup banyak selama ini. Tiap-tiap kali selepas Barisan Nasional tidak mencapai kemenangan yang cemerlang dalam Pilihan Raya Umum, ia tentu akan mengeluarkan slogan yang berlainan, misalnya selepas parti pembangkang menang banyak kerusi selepas Pilihan Raya Umum 1990 kerajaan mengeluarkan slogan 'Wawasan 2020'. Kini selepas Barisan Nasional khususnya UMNO hilang banyak kerusi dalam Pilihan Raya Umum tahun lepas ia mengeluarkan slogan 'Malaysia Baru' pula.

Tuan Mokhtar bin Radin: *[Bangun]*

Puan Chong Eng: Soalnya sekarang sama ada kerajaan serius dari segi menunaikan ke semua slogan yang sedap didengar tersebut dalam Wawasan 2020. Terdapatnya objektif

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, hendak beri jalan tidak? Yang Berhormat.

Tuan Moktar bin Radin: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Puan Chong Eng: Tidak. Minta tolong, tidak beri jalan. *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat sila teruskan. Yang Berhormat minta gulung ya, minta gulung ya.

Puan Chong Eng: Terdapatnya objektif untuk mewujudkan bangsa Malaysia yang membawa maksud kesemua kaum dikira sebagai satu kaum Malaysia.

Walau bagaimanapun, selepas Wawasan 2020 dikeluarkan selama sembilan tahun rakyat Malaysia masih dibahagikan kepada kaum bumiputera dan bukan bumiputera. Sekiranya ada orang, ada mana-mana pihak tertentu yang bercadang bahawa mungkin sampai masa kita mengkaji polisi ini, ia akan diserang begitu teruk sampai Pemuda UMNO hendak bakar, dia kata hendak bakar Selangor Chinese Town Hall kerana isu ini. Apakah Kerajaan Barisan Nasional jujur dan ikhlas dari segi mewujudkan bangsa Malaysia ini? Tadi kita pun dengar ucapan-ucapan yang menekankan Melayu sahaja seperti Yang Berhormat bagi Parit Sulong, saya percaya dalam kawasannya ada pengundi orang Cina ataupun bukan bumiputera tetapi sepeatah perkataan pun tidak disebut dalam ucapan beliau. Walaupun

Tuan Yang di-Pertua: Masa Yang Berhormat sudah cukup Yang Berhormat ya.

Puan Chong Eng: Sekejap, sedikit lagi, sedikit lagi.....

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukup ya.

Puan Chong Eng:walaupun dikatakan kita memasuki satu era globalisasi yang tidak kira persaingannya, tidak kira bangsa, tidak kira agama tetapi polisi kita adalah tidak bersesuaian dengan era globalisasi ini.

Kita semua sama ada dari kerajaan dan juga parti Alternatif mesti menerima realiti bahawa negara yang dicintai oleh kita semua ini merupakan masyarakat majmuk. Kesemua kaum mempunyai agama, budaya dan bahasa yang berbeza dan

kita semua haruslah digalakkan untuk memelihara, agama, budaya dan bahasa kita masing-masing.

Pada masa yang sama setiap kaum sepatutnya digalakkan untuk memahami
.....

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat,

Puan Chong Eng:dan menghormati budaya dan agama

Tuan Yang di-Pertua: Masa dia sudah tidak ada Yang Berhormat ya. Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng:kaum yang lain. Dalam era globalisasi kita berkemampuan untuk menguasai beberapa bahasa telah menjadi suatu kelebihan untuk bersaing.

Jadi, Kerajaan Barisan Nasional haruslah menggalakkan generasi muda kita untuk mempelajari beberapa bahasa demi meningkatkan daya saing kita di dunia antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Selain itu

Tuan Yang di-Pertua: Masa cukup.

Puan Chong Eng: Sedikit sahaja, sedikit sahaja.....

Tuan Yang di-Pertua: Tadi pun kata sudah, sedikit sahaja. Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Ya, satu minit, satu minit.

Tuan Yang di-Pertua: Ini sudah cukuplah, lebih masa Yang Berhormat.

[Sorak]

Puan Chong Eng: Satu minitlah, satu minitlah.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah, cukuplah.

Puan Chong Eng: Saya merayu, satu minit sahaja. Selain itu

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat mengulang-ulangkan itu.

[Disampuk] Tadi pun sudah berucap berkenaan dengan bahasa, sekejap ini bercakap pula. Ya, cukuplah Yang Berhormat cukuplah, cukuplah. Ya minta Bukit Mas.

Puan Chong Eng: Saya hanya gulungkan dengan satu

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng:yang pentingnya ialah Barisan Nasional

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta duduk Yang Berhormat.
Cukuplah. Ya, Bukit Mas.

4.23 ptg.

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan Tahun 2001.

Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia kerana berjaya mentadbirkan negara dengan baik walaupun menghadapi pelbagai cabaran dan permasalahan seperti kejatuhan ekonomi, penculikan di Pulau Sipadan dan Pandanan dan perampasan senjata di Gerik oleh Kumpulan AlMa'unah baru-baru ini sehingga negara berada di dalam keadaan damai dan rakyat berbilang kaum, agama dan keturunan dapat hidup bersatu padu menikmati kemakmuran dan kesejahteraan hidup akibat kepimpinan yang bijaksana lagi berkesan.

Apa pun cabaran mahupun masalah-masalah yang sedang dan akan melanda negara pasti akan dapat ditangani dengan baik dan jayanya oleh para pemimpin negara khususnya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang Belanjawan Tahun 2001 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia pada hari Jumaat lalu, Belanjawan tersebut benar-benar mengambil kira kepentingan rakyat khususnya yang berpendapatan rendah. Adalah diharapkan dengan keprihatinan pihak kerajaan menyediakan Belanjawan Negara yang memberi manfaat kepada rakyat walaupun

ekonomi negara belum pulih sepenuhnya, rakyat dapat memberi kerjasama dan sokongan kepada kerajaan agar dapat mencapai hasrat dan cita-cita bersama.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kerajaan untuk membawa pembangunan dan kemajuan untuk negara, tumpuan haruslah diberi kepada kawasan-kawasan yang mundur atau ketinggalan di belakang seperti di negeri Sarawak dan Sabah. Bukan kerana Sarawak dan Sabah memerlukan keistimewaan yang lebih daripada negeri-negeri lain tetapi kerana kedua-dua negeri tersebut dan kawasan-kawasannya ketinggalan jauh dari segi pembangunan jika dibanding dengan negeri-negeri atau kawasan-kawasan lain di Malaysia.

Apa yang diperlukan ialah *catching up* dari segi pembangunan dengan penyediaan peruntukan yang besar dan mencukupi bagi membolehkan projek-projek infrastruktur yang penting dilaksanakan di kawasan-kawasan tersebut. Jika tidak, kawasan-kawasan berkenaan dan rakyatnya akan terus ketinggalan di belakang. Saya yakin dan percaya Kerajaan Barisan Nasional yang bertanggungjawab tidak mahu melihat perkara sedemikian berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat di kawasan Parlimen P.193 Bukit Mas, Limbang dan Lawas yang saya wakili mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana baru-baru ini telah meluluskan pembinaan sebuah lapangan terbang baru di Limbang. Pelaksanaan projek di bawah *turnkey* melibatkan peruntukan sebanyak RM130 juta, memakan masa 36 bulan.

Saya berharap pihak kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan yang berkenaan dapat memantau pelaksanaan projek ini dengan baik agar ianya dapat siap dalam tempoh masa yang ditetapkan. Dengan terlaksananya lapangan terbang baru Limbang, saya menyeru agar kerajaan juga mempertimbangkan pembinaan lapangan terbang baru di Lawas sejajar dengan keperluan semasa dan aspirasi rakyat masa kini. Dalam hubungan ini, saya mohon agar pihak MAS menggantikan pesawat Twin Otter yang digunakan sekarang dengan jenis yang boleh membawa ramai penumpang.

Tuan Yang di-Pertua, projek-projek yang diperlukan oleh rakyat di kawasan Bukit Mas, Sarawak dan Malaysia amnya adalah:

- (i) Dua buah jambatan baru menyeberangi Sungai Terusan dan Temburong di sepanjang Lebuh Raya Pan Borneo.

Kini pengguna-pengguna jalan tersebut terpaksa menggunakan feri untuk menyeberangi kedua-dua sungai dengan bayaran yang agak mahal. Selain itu, sebuah jambatan diperlukan untuk menggantikan jambatan yang sedia ada di Sungai Pengelih, Lawas kerana mengalami kerosakan dan runtuh. Jambatan ini telah dibina oleh Kerajaan Australia di bawah bantuan Colombo Plan.

- (ii) Sebuah sekolah menengah teknik.

Sekolah ini dicadangkan di Lawas untuk menampung pelajar-pelajar lepasan SPM di kawasan utara Sarawak iaitu Limbang, Lawas, Bakalalan, Bario termasuk Sipitang, Sabah yang tercicir akibat kegagalan meneruskan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Kawasan ini mempunyai tidak kurang daripada 10 buah sekolah menengah biasa dan kini pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran di bidang teknikal terpaksa pergi ke Miri, Bintulu dan Kuching di mana terdapat institusi pengajian seperti ini.

- (iii) Jalan dari bahagian Miri ke bahagian Limbang dan Sipitang, Sabah.

Sebuah rangkaian jalan raya dicadangkan dibina dari Miri atau Marudi, Baram terus ke Limbang, Lawas dan Sipitang, Sabah tanpa melalui Brunei Darussalam. Selain bertujuan untuk membuka tanah yang luas di sepanjang jalan yang dicadangkan untuk pembangunan tanah seperti penanam padi, getah, sayur-sayuran dan juga ternakan yang akan memberi manfaat kepada rakyat, ianya juga dapat memudahkan lagi perhubungan dan mengelakkan daripada menggunakan pasport jika melalui Lebuhraya Pan Borneo yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini pernah dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini semasa perbahasan Rang Undang-

undang Perbadanan Pulau Labuan oleh rakan saya Yang Berhormat Tuan Jimmy Lim Donald bagi Sri Aman dan Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob bagi Sipitang. Ini menandakan betapa perlu dan pentingnya cadangan ini bukan sahaja untuk rakyat Sarawak malah juga Sabah dan pengguna-pengguna lain amnya.

(iv) Pembinaan *wharf* di Pulau Sari.

Kemudahan ini diperlukan memandangkan Kuala Sungai Lawas yang mesti dilalui oleh kapal dan bot-bot besar untuk membawa kargo ke pusat bandar Lawas tidak dapat dilalui semasa air surut. Keadaan sedemikian bertambah teruk akhir-akhir ini. Oleh yang demikian, pembinaan sebuah *wharf* di Pulau Sari berdekatan dengan Kuala Lawas itu sendiri dan tidak jauh dari Wilayah Persekutuan Labuan hanya satu jam perjalanan sahaja di antara kedua-dua tempat ini.

Di situ terdapat sebuah bukit dan 'coral reef' dengan kawasan tepi laut yang dalam dan sesuai dijadikan tempat persinggahan kapal-kapal. Selain dari menampung keperluan semasa yang semakin meningkat pertama dengan adanya industri-industri di Lawas dan produk tempatan seperti minyak kelapa sawit yang perlu dieksport serta mengambil kira pembangunan pesat di Pulau Labuan yang berdekatan, yang dapat meningkatkan perniagaan di antara kedua-dua tempat maka keperluan masa panjang, kemudahan yang dicadangkan ini adalah sesuai dan tepat pada masanya.

Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, kemudahan-kemudahan infrastruktur penting seperti jalan raya, api, elektrik dan air paip yang bersih serta kemudahan pendidikan perlu disegerakan di kawasan-kawasan di mana ianya belum disediakan. Contohnya di kampung saya sendiri di Long Tuan Terusan, 12 kilometer dari pekan Terusan, belum menikmati sepenuhnya kemudahan asas yang diperlukan. Saya mohon agar kerajaan pertimbangkan peruntukan bagi penurapan jalan yang menuju ke kampung-kampung di sepanjang jalan Briwan, Terusan sejauh 15 kilometer dan meluaskan lagi pembekalan api, elektrik di kawasan tersebut termasuk ke Sekolah

Kebangsaan Long Tukun, Sekolah Kebangsaan Prusia, dan Sekolah Kebangsaan Tangaupadan.

Di samping itu, saya mohon agar pertimbangan diberi bagi perlaksanaan projek-projek berikut di bawah Rancangan Malaysia Kelapan:

- (i) Jambatan Sungai Limbang;
- (ii) Jambatan Sungai Lawas, Jalan Lawas;
- (iii) Long Sukang, Long Loping, Long Semadu;
- (iv) Jalan Nagamidamit, Kuala Mendalam, Bukit Muda;
- (v) Jalan Kuala Lawas, Pemukat.

Tuan Yang di-Pertua, ramai rakyat di Limbang dan juga Brunei mengambil peluang untuk berniaga di kawasan masing-masing di sempadan Kuala Lurah, di mana *Immigration Check Point* Brunei dan Limbang, Sarawak diwujudkan. Kebanyakan pelanggan yang datang untuk membeli barang-barang keperluan serta berbelanja di kedai-kedai minuman dan makan yang disediakan adalah daripada Brunei. Walau bagaimanapun, tapak di mana perniagaan mereka dijalankan belum mendapat kelulusan pihak kerajaan. Dan, keadaan sedemikian menyulitkan pihak berkuasa tempatan dari segi pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang. Saya mencadangkan agar kawasan sempadan Limbang-Brunei di Kuala Lurai ini dijadikan zon perdagangan bebas yang meliputi semua aspek pembangunan seperti yang wujud di kawasan Bukit Kayu Hitam.

Tuan Yang di-Pertua, PUSPAKOM sebagai agensi swasta yang dipertanggungjawabkan untuk memeriksa dan mengeluarkan *fitness ticket*, dengan izin, kepada kenderaan-kenderaan awam hanya berpusat di tiga tempat sahaja di Sarawak iaitu di Kuching, Sibu dan Miri. Bagi daerah Limbang dan Lawas, segala urusan yang berkaitan terpaksa menunggu lawatan pegawai-pegawai daripada Miri. Masalah timbul apabila sesebuah kenderaan awam perlu diperiksa dengan segera untuk tujuan mendapatkan *fitness ticket*, supaya dapat beroperasi semula. Untuk mengatasi masalah ini, saya minta agar PUSPAKOM membuka cawangannya di Limbang. Selain itu, mereka yang terlibat memohon supaya diberi kelonggaran agar kenderaan-kenderaan yang berusia 2 tahun ke atas diperiksa sekali dalam setahun,

berbanding 2 kali setahun bagi sekarang. Ini memandangkan jalan raya yang kurang baik dan belum diturap terutama di luar bandar seperti Limbang dan Lawas.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat khususnya pelawat-pelawat termasuk pelancong-pelancong dari luar dan yang datang ke bahagian Limbang dengan menggunakan Lebuhraya Pan-Borneo, yang menghubungkan Sarawak dan Sabah melalui Brunei menghadapi masalah mengenai dengan penggunaan pasport yang berleluasa sehingga pasport yang dikeluarkan untuk tempoh 5 tahun, ada yang habis dicop oleh pihak imigresen dalam masa 2 tahun sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu pasport di sini [*sambil menunjukkan sekeping pasport*] yang dikeluarkan pada 3 Jun 1998, yang mana tempoh 5 tahun berakhir pada 3 Jun 2003 tetapi sudah pun habis dicop oleh pihak imigresen pada bulan September lepas, setelah digunakan hanya selama 2 tahun 3 bulan.

Seperti mana yang pernah dikatakan oleh rakan saya Yang Berhormat bagi Sipitang dalam Dewan yang mulia ini, jika ke Limbang dari Lawas dan balik

Tuan Saupi bin Daud: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Henry Sum Agong: Saya ada sikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak bagi jalan atau tidak? Yang Berhormat hendak ambil masa yang panjang, hendak beri jalan atau tidak tu?

Tuan Saupi bin Daud: Saya tanya sikit sahaja pada Yang Berhormat bagi Bukit Mas mengenai penggunaan pasport tadi kerana saya ingin tahu adakah Yang Berhormat bersetuju kerana Sabah dan Sarawak pada hari ini adalah sebahagian dari Malaysia tetapi kita masih menggunakan pasport untuk rakyat dari Semenanjung yang berkunjung ke Sabah dan Sarawak, sebab itulah sepatutnya pasport yang perlu digunakan dalam tempoh 5 tahun tetapi habis dalam tempoh 2 tahun. Adakah Yang Berhormat bersetuju, sekiranya kerajaan patut menghapuskan sistem penggunaan pasport ataupun menunjukkan kad pengenalan di imigresen bagi pintu masuk ke Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

Tuan Henry Sum Agong: Terima kasih, Yang Berhormat. Apa yang saya telah difahamkan pada masa sekarang kemasukan bagi orang-orang dari Semenanjung ke Sarawak dan Sabah tidak lagi memerlukan pasport, hanya memerlukan kad

pengenalan sahaja. Mengenai penggunaan pasport di masa lalu oleh orang-orang dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak, ini sepertimana yang banyak kita cerita mengenai perjanjian – ini merupakan satu perjanjian yang telah dipersetujui sebelum merdeka lagi.

Saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua. Jika ke Limbang dari Lawas dan balik memerlukan 6 cop imigresen ke atas pasport seseorang pelawat. Dan jika terus ke Miri dan balik, sebanyak 16 kali cop. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana meluluskan pengeluaran Pasport Malaysia Terhad atau *Restricted Malaysia Passport*, dengan izin, bagi perjalanan melintasi sempadan Brunei. Walau bagaimanapun, memandangkan kedua-dua jenis pasport yang dikeluarkan ini tidak dapat bertahan lama untuk digunakan dan bayarannya yang agak tinggi maka saya mohon untuk tidak membebankan rakyat agar kerajaan menurunkan bayaran bagi Pasport Malaysia Terhad atau *Restricted Malaysia Passport*, dari RM150 sekarang ke RM50 sahaja.

Selain itu, Tuan Yang di-Pertua, imigresen *check point* perlu diwujudkan di sempadan Temburung, Brunei dengan Terusan, Lawas. Pada masa sekarang, pelawat-pelawat yang masuk dari Temburung dikehendaki mengecop pasport mereka di Lawas. Mengikut amalan sekarang juga, penduduk-penduduk daerah kecil Terusan sejauh tidak kurang dari 20 kilometer dari Lawas yang ingin membuat lawatan ke Limbang dan seterusnya perlu mengecop pasport mereka di Lawas sebelum berangkat. Memandangkan masalah yang dihadapi, saya minta supaya *check point* sementara diwujudkan di pekan Terusan, sementara menunggu pembinaan sebuah *check point* yang tetap dan lengkap di kawasan sempadan tersebut.

Dalam masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada pihak yang berkenaan sejauh manakah proses cadangan pembinaan imigresen *check point* di Merapuk dijalankan.

Dengan yang demikian, Tuan Yang di-Pertua saya bercadang untuk menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Parit Buntar.

4.40 ptg.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali [Parit Buntar]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang diduga Menteri Kewangan akan menyentuh mengenai k-ekonomi. Walaupun persoalan ini telah disentuh tetapi tajuk ini yang sepatutnya menjadi *backdrop* kepada Belanjawan 2001 didapati meleset. K-ekonomi disentuh sepintas lalu. Besar kemungkinan kerajaan belum mempunyai sesuatu yang *definitive* mengenai pelan rancangan k-ekonomi yang akan memacu negara melangkah ke abad maklumat ini. Pelan induk k-ekonomi bagi Malaysia seperti yang dijanjikan nampaknya belum muncul lagi.

Saya sangat bersetuju dengan saranan supaya negara diarah tujuan menjadi *nation*. Hakikatnya sesuatu yang digerakkan tanpa asas *fundamental* ilmu akan menjadi rapuh, mudah usang dan tidak dapat bertahan. Untuk itu, Tuan Yang di-Pertua, satu gerakan penuh kesedaran dan menyeluruh perlu dilancarkan di peringkat masyarakat yang paling bawah hinggalah kepada kumpulan pemacu pembangunan negara di atas, seperti para birokrat, teknokrat, ahli korporat, ahli ilmunan dan sebagainya. K-ekonomi seperti yang kita diberitahu berpaksikan kepada beberapa *fundamental*, antaranya termasuklah pendekatan yang *holistic*, persediaan menghadapi cabaran persaingan global atau *international competitiveness*, dengan izin, berkaitan di antara ilmu dengan agenda ekonomi di peringkat negara serantau dan antarabangsa. Pentingnya melipatgandakan ilmu dan maklumat untuk melahirkan *information workers* dan *knowledge workers*, dengan izin, cabaran *networking* dan *connectivity*, dengan izin, peningkatan *human capital competency*, dengan izin, yang berterusan. Penjanaaan R&D yang berterusan, ilmu sebagai faktor pengeluaran selain daripada tanah, tenaga kerja, modal dan keusahawanan.

Kita dapat membayangkan betapa besarnya cabaran dan betapa sengitnya persaingan antara keberlangsungan negara nasional *survival*. Saya bersimpati dengan niat kerajaan untuk mengilmukan masyarakat, saya juga bersimpati dengan usaha yang tidak mengenal penat dan lelah di kalangan mereka yang terlibat melaksanakan program pengilmuan ini. Tetapi saya lebih bersimpati kepada rakyat terbanyak, mereka akan dipinggir dan terus terpinggir dalam dunia k-ekonomi yang kelihatan begitu *elitis*. Rakyat bukan menolak usaha mencelik ilmu dan mempertajamkan

kemahiran serta keterampilan yang perlu dikuasai tetapi apakah daya mereka, mereka terpaksa terus hidup dalam persekitaran anti ilmu, persekitaran yang bukan *knowledge friendly*. Dalam persekitaran inilah mereka dilahir, dibesar, didewasakan, dituakan dan dimatikan.

Bayangkan sejenak persekitaran sebuah keluarga *typical* di Malaysia daripada mula bangun pagi hingga mereka tidur semula. Di waktu mana dan dalam keadaan mana mereka dilingkari dengan persekitaran ilmu. Sebahagian besar daripada ahli keluarga itu lazimnya mempunyai rutin yang tersendiri. Peladang, petani dan nelayan akan ke kebun dan ke laut, usaha kerja mereka diwarisi secara tradisi. Berilmu atau tidak berilmu, tanaman yang ditanam dan terus dituai dan dijual, hasil tangkapan yang seberapa bagi nelayan di persisiran pantai, dirasakan mencukupi untuk menyara keluarga walaupun dalam keadaan kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

Bagi mereka yang tinggal di kawasan bandar dan pinggir bandar pula, walaupun setiap hari dilanda oleh gelombang pertukaran ilmu dan maklumat namun kebanyakannya tidak terpanggil untuk mendalami satu-satu bidang ilmu hatta ilmu dan kemahiran yang berkaitan langsung dengan career mereka. Seorang kerani kewangan umpamanya, terus menerus menjalankan tugas mengikut senarai tugas yang diberikan tanpa menyoal. Mereka tidak merasakan perlu menambah ilmu asas kewangan yang ada kerana setakat ini melalui pengalaman *hands on*, kerja yang diamanahkan dapat dibereskan. Biar pun di pekelilingan mereka terdapat pelbagai saluran menambah ilmu dan kemahiran melalui kelas-kelas perdagangan yang menawarkan sijil dan diploma tetapi disebabkan minda yang terbelunggu, peluang-peluang tersebut tidak dapat dimanfaatkan.

Tuan Yang di-Pertua, di kalangan masyarakat pertengahan dan atasan, fenomena yang hampir-hampir sama berlaku dengan begitu ketara, memang tidak dapat dinafikan ada segelintir yang begitu peka kepada ilmu dan cabang-cabang ilmu baru yang perlu digarap sebagai langkah untuk menjadikan mereka terus relevan. Kajian rambang yang pernah dibuat mendapati ketua-ketua jabatan, eksekutif atasan yang dibekalkan dengan kemudahan komputer peribadi tidak menggunakan ciptaan ajaib itu. Kalau dulu di tangga career yang rendah mereka buta komputer, peningkatan tangga career mereka itu tidak menjadikan mereka lebih celik komputer.

Gejala kurang tertarik kepada ilmu dapat dilihat dengan lebih jelas seandainya kita memerhatikan bagaimana rakyat terbanyak menggunakan pelbagai kemudahan yang berkait terus dengan percambahan ilmu.

Perpustakaan umpamanya adalah merupakan tempat yang paling lengang berbanding dengan tempat-tempat awam yang lain. Hatta di pusat-pusat pengajian tinggi, di kalangan pelajar-pelajar bumiputera khususnya, mereka mendampingi perpustakaan hanya di musim peperiksaan sahaja. Di peringkat bawahan, Tuan Yang di-Pertua, keadaan pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah lebih menyayat lagi, sehingga melangkahkan kaki ke perpustakaan, menerima sindiran dan kata-kata yang mematahkan semangat dan perasaan di kalangan rakan sebaya. Perpustakaan bergerak yang memasuki bandar dan desa sejak sekian lamanya belum dapat membuka minda ahli masyarakat dewasa. Dalam kepala kebanyakan ahli masyarakat, perpustakaan adalah hal kanak-kanak. Begitu juga dengan komputer yang selalu dikaitkan dengan kerja kanak-kanak atau remaja bersekolah.

Tuan Yang di-Pertua, selagi kita tidak berani melakukan sesuatu yang radikal untuk mengubah halangan minda yang terus dijumudkan oleh pelbagai *subculture* anti ilmu, selagi itulah matlamat K-ekonomi sukar untuk berjaya. Kita boleh memberikan pelbagai insentif tetapi insentif hanya tinggal sebagai insentif, akhirnya yang untung ialah pihak yang membekalkan *hardware* dan *software* dan pihak-pihak lain yang mendapat keuntungan daripada proses *leaky bucket* yang sering berlaku dalam kebanyakan usaha menyalurkan bantuan itu.

Pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, pihak yang berwajib mestilah terlebih dahulu meletakkan dasar dan keupayaan jentera pelaksanaan bagi menyelesaikan pelbagai persoalan asasi yang akan menghambat bercambah dan mekarnya budaya ilmu dan ICT seperti yang dicerminkan dalam ucapan Belanjawan itu.

Halangan pertama, Tuan Yang di-Pertua, ialah budaya hedonisme yang berkembang biak hingga ke peringkat yang menggerunkan. Budaya berfoya-foya, bersuka ria melewati batas agama dan ketatasusilaan, persembahan konsert yang menambah lalakan anak remaja, rancangan radio dan TV yang lebih menghalu kepada hiburan adalah merupakan *pulling factors*, dengan izin, yang memerangkap minda golongan muda. Saya tidak pasti sudah berapa kali bintang-bintang Bollywood

seperti Shahrukh Khan, Salman Khan, Kajol, Juhi Chawla, Sushmita Sen, Pretty Zinta datang mengadakan persembahan di Malaysia dalam tahun ini sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ingat nama-nama semua ya.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Peminat, Tuan Yang di-Pertua.

[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Peminat ya. [Ketawa]

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya ingat Tun pun minat sama, agaknya. [Ketawa]

Selain daripada budaya hedonisme yang menjadi penghambat nombor satu ini, halangan kedua ialah wujudnya fahaman yang begitu liberal di pihak yang berwajib terhadap kewujudan pusat-pusat perjudian, disko, pusat-pusat karaoke, snooker, *cybercafe* menjadikan golongan muda-mudi yang sepatutnya menjadi benteng pertama dan utama negara kini dipilih untuk dipinggirkan lantaran ditawan oleh pusat-pusat hiburan tersebut. Keadaan ini bertambah parah bila pihak berwajib dan golongan serta individu tertentu tidak lain daripada PM, TPM, dan bekas Menteri Besar Selangor secara terang-terangan melindungi mereka yang terlibat.

Halangan ketiga ialah media massa sama ada elektrik ataupun cetak yang secara terbuka meracuni jiwa, hati nurani masyarakat. Media massa menjadikan rancangan-rancangan yang melalaikan rakyat hampir 24 jam. Perkara seperti ini telah berulang kali dibincangkan di Dewan ini. Cubalah kita buka radio tidak kira stesen mana dan pada waktu mana pun, yang akan didengar lazim ialah muzik. Rancangan-rancangan yang ada unsur ilmu pun ada muzik dan hiburan. Yang paling menyedihkan, kenapa diizinkan rancangan-rancangan yang memaku dan memukau penonton TV untuk terus disiarkan sebelum dan sesudah azan Maghrib hingga ke Isyak dan sepanjang *prime time* mereka.

Halangan keempat ialah halangan yang ditimbulkan oleh paksi dan falsafah pembangunan itu sendiri, Tuan Yang di-Pertua. Pembangunan yang berlandaskan fahaman liberal material Barat telah menyebabkan anggota masyarakat terjebak dengan memburu keuntungan material terdekat. Pelaburan di bidang ilmu seperti yang dimaklumi memang mampu mendatangkan pulangan yang lumayan tetapi mengambil masa yang agak lama. Fahaman liberal material Barat menjanjikan pulangan segera

dari pelaburan segera yang dibuat. Fahaman mendapatkan keuntungan terdekat ini menyebabkan ahli-ahli masyarakat berduyun-duyun terjun ke dalam, dengan izin, *bandwagon* mengharapkan memperoleh keuntungan tanpa memberi pertimbangan kepada landasan agama dan moraliti. Kecetekkan ilmu menjadikan manusia lebih rakus dan sesungguhnya inilah yang berlaku dalam masyarakat kita. Saya merayu, supaya agama dan moraliti dijadikan tiang seri kepada K-ekonomi kita.

Akhirnya, halangan kelima Tuan Yang di-Pertua, ialah halangan yang masih memandang rendah dan ringan ilmu agama dan moraliti itu tadi. Daripada Belanjawan 2001 yang dibentangkan, saya tidak nampak ada usaha untuk mengaitkan di antara K-ekonomi dengan faktor-faktor agama dan moraliti. Lulusan agama masih dianggap *inferior* jika dibandingkan dengan lulusan ikhtisas yang lain. Pandangan ini bertambah buruk bila pemimpin sendiri bertindak memperlekeh golongan ulama yang membawa obor kepada kesejahteraan umat. Ulama dikatakan jumud, berpandangan sempit, hanya tahu alam akhirat, jahil ilmu dunia dan sebagainya. Pewarnaan yang begitu negatif terhadap golongan ulama sudah tertentu akan meninggalkan kesan negatif yang begitu mendalam di kalangan masyarakat. Berikutan dengan itu tanggapan mereka terhadap golongan ini akan terus negatif.

Saya berpendapat.....

Tuan Yang di-Pertua: Tampin bangun.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Oleh kerana masa tidak mengizinkan, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk meneruskan, di lain kali Insha-Allah, kita bertukar.

Saya berpendapat masih banyak ruang yang belum diteroka dalam mana memproses mengulama umarak dan mengumarakan ulama dapat diambil. Bayangkan kerugian yang melanda negara bila mana kedua-dua golongan ini terus diadudombakan. Bayangkan pula keuntungan yang akan diperoleh oleh negara seandainya kedua-dua golongan ini yang sepatutnya menjadi penjana utama K-ekonomi ini saling memperlengkap, memperkukuh dan memperkasakan kredibiliti masing-masing. Jika sekiranya kerjasama yang ampuh dapat dijalin di antara mereka, yakni umarak dan ulama, saya berpendapat proses K-ekonomi dan dunia ICT akan berada di persada kehidupan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama dengan semangat Menteri Kewangan dalam hal menangani gejala rasuah. Walaupun telah disebut banyak kali tadi tetapi saya ingin mengulangankan semula untuk memperkukuh lagi tentang halangan-halangan dan cadangan-cadangan yang perlu diambil untuk menangani gejala ini. Saya juga bersetuju dengan saranan untuk menanam budaya murni, bersikap jujur, bertanggungjawab dan berusaha mengikis sikap mementingkan diri sendiri, tamak haloba dan terlalu mengejar kemewahan hidup melampaui kemampuan seperti yang disebutkan dalam Belanjawan 2001. Saya juga bersetuju dengan gesaan bahawa kerajaan tidak akan bertolak ansur dalam usaha membanteras gejala rasuah di semua peringkat sama ada di sektor awam mahupun sektor swasta. Saya harap komitmen ini dibuat dengan penuh insaf selari dengan kehendak Hadis Nabi Muhamad S.A.W. yang mengutuk rasuah [*Membaca dalam Bahasa Arab*] bermaksud "Pemberi dan penerima rasuah itu tempatnya di neraka."

Untuk itu, Tuan Yang di-Pertua, peruntukan sejumlah RM61.4 juta telah pun diberikan kepada BPR. Di Asia ini rasuah telah menjadi berita terbesar yang paling hangat di sepanjang tahun 1996. Tahun tersebut digelar sebagai 'Tahun Tikus' menyaksikan media massa cetak dan elektronik dipenuhi dengan berita besar mengenai rasuah di dalam sistem kerajaan.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Krisis kewangan 1997 yang melanda Thailand, Korea Selatan, Malaysia dan Indonesia dikaitkan di antara lain dengan fenomena rasuah, kronisme, nepotisme yang dihubungkan pula dengan persoalan *accountability*, ketelusan dan *good governance*.

Saya tidak berhajat untuk menyentuh sebab berlakunya rasuah atau darjah keberkesanan langkah-langkah yang diambil untuk memerangi rasuah tetapi saya ingin menyambung penekanan yang dibuat oleh beberapa orang pengkaji yang telah membuat kajian mengenai permasalahan ini. Di antaranya menyebut, "*While it is difficult to curb corruption, it is 'nonetheless' possible to do it if a country's political leaders have the commitment or will to impartially implement effective anti corruption measures.*"

Jelas kepada kita apa yang ditekankan di sini ialah keluhuran minat dan kehebatan kemampuan di kalangan pemimpin politik untuk membanteras rasuah dan melaksanakan langkah-langkah perlu secara berani bagi mengatasi gejala yang telah menggugat kestabilan dan keharmonian negara. Dua negara di Asia disebut-sebut sebagai di antara negara yang paling berjaya di dunia dalam hal menangani masalah penyakit rasuah yang kian membarah ini. Negara-negara tersebut ialah Singapura dan Hong Kong. Singapura hanya dipisahkan daripada kita oleh Selat Tebrau yang sempit itu. Banyak perkara yang menyentuh struktur dan sistem pembangunan negara republik ini yang mungkin boleh dijadikan contoh setelah dilakukan beberapa adaptasi. Salah satu daripadanya ialah cara memerangi rasuah. Singapura menggunakan landasan mencegah rasuah seperti yang disarankan oleh Leslie Palmier. Beliau menyarankan, dengan izin, *"Effective anti-corruption's strategies should reduce or remove opportunity for corruption, raised the salaries of civil servants and ensure high degree of policing."* Berbeza dengan pendekatan Singapura, kebanyakan negara Asia termasuk kita di Malaysia memilih untuk tidak menepati kehendak hipotesis 'Leslie Palmier' itu. Ini menjadikan rasuah di kebanyakan negara di Asia seolah-olah telah diinstitusikan.

Di Indonesia, Suharto dan anak-anak pinaknya memiliki *empire* perniagaan yang begitu besar. Hampir semuanya diperoleh melalui saluran istimewa yang melibatkan pemberian kontrak-kontrak kerajaan. Urus niaga business keluarga yang melibatkan pimpinan tertinggi Indonesia ketika itu kian membesar tanpa ada apa-apa sekatan terutamanya di tahun-tahun 1980-an dan 1990-an. Khabarnya gambaran yang hampir sama pun berlaku di Malaysia. Kebanyakan kebangkitan rakyat, kemarahan mahasiswa, ketajaman penulisan ahli-ahli karyawan dan kebangkitan gelombang kuasa rakyat telah memaksa Suharto turun daripada kemuncak kuasanya pada bulan Mei 1998. Riak-riak yang kini bertukar menjadi gelombang itu telah pun mula sampai ke pantai Malaysia ini.

Kebanyakan negara di Asia tidak mempunyai iltizam dan keberanian politik khususnya kepada mereka yang berada di puncak kuasa. Tindakan berani bekas Presiden Korea, Yang Jong Kim yang mengizinkan tindakan diambil terhadap anaknya yang terlibat dalam rasuah dan pelarian cukai dalam '*hand bold*' loan

scandals pun tidak meredakan amalan rasuah di South Korea. Sebaliknya tindakan beliau itu telah menjadi sebab kepada kejatuhan kekuasaan beliau sendiri. Inilah yang berlaku seandainya tindakan mencegah rasuah diambil secara *leap service* sahaja.

Balik semula ke Singapura, pada mesyuarat Parlimen 22 Mac 1985 bekas Perdana Menteri Singapura, Encik Lee Kuan Yew memberitahu Dewan bahawa, "*That political leader should be paid the top salaries and they deserve in order to ensure a clean and honors government. If they were underpaid they would circum to temptation and endow in corrupt behavior. Singapore needed a corruption free administration and an honors political leadership to preserve its most precious asset.*" Beliau mengakhirkan saranannya dengan mengatakan, "*The best way to deal with corruption was by moving with market which as an honors open defensible and workable system instead of hypocrisy which result into felicity and corruption* "

Apa yang dilakukan oleh pimpinan tertinggi Singapura selain daripada mengikis perkara-perkara yang boleh mencetuskan rasuah, Kerajaan Singapura telah membaiki struktur gaji dan amalan pekerja perkhidmatan awamnya. Ini dilakukan untuk menyekat *brain drain* dan pegawai tinggi yang berkemampuan istimewa ke sektor swasta yang sentiasa menawarkan gaji yang jauh lebih baik. Berikutan dengan itu pegawai-pegawai kerajaan di Singapura menikmati kenaikan gaji selang enam tahun bermula pada tahun 1973, kemudiannya diikuti pada tahun-tahun 1979, 1982 dan 1989 dan 1994. Hasil daripada semakan gaji yang berterusan ini menjadikan pegawai-pegawai kerajaan di Singapura menikmati gaji tertinggi di dalam dunia.

Sebagai contoh, gaji asas untuk pegawai tertinggi staf gred lima dibayar gaji bulanan S\$38,799 atau USD25,866. Struktur gaji ini jauh lebih tinggi daripada gaji pegawai awam tertinggi di US sendiri iaitu S\$11,631 atau USD7,224. Singapura telah membuktikan dengan *political will* yang mantap dan kuat, pendekatan yang sentiasa telus, sistem percontohan dan pertauladanan pemimpin tertinggi yang tidak boleh membuka ruang syak wasangka, pemberian imbuhan yang tinggi untuk pimpinan politik dan pentadbiran dan sentiasa berusaha menyekat ruang-ruang kesempatan untuk melakukan rasuah adalah di antara ramuan kejayaan mereka.

Saya menumpang sedih bila membaca laporan bahawa Malaysia berada di kedudukan ke 32 daripada 95 negara dalam senarai negara penerima rasuah. Negara

kita menduduki tempat ke 15 daripada 19 buah negara dalam senarai negara pemberi rasuah. Walau apa pun respons yang kita memang pernah diberi yang pastinya kalau rasuah terus menular dan berada dalam keadaan yang sepatutnya merunsing dan mencemaskan kita. Menerima dan memberi rasuah boleh menjadi satu tabiat, dan tabiat ini mudah mendarah daging seandainya *role model* terutamanya di peringkat pimpinan negara juga dikaitkan dengan gejala terkutuk ini. Lebih parah lagi seandainya terdapat keadaan dalam mana mereka yang terlibat seolah-olah dilindungi. Dalam banyak hal, rakyat terbanyak biasanya mengambil isyarat daripada tingkah laku mereka yang bergelar pemimpin. Kalau ketua jabatan rasuah, apa masalah orang bawahan untuk rasuah sama. Kalau menteri rasuah, apa masalah orang di kementeriannya untuk rasuah sama. Kalau Perdana Menteri rasuah, apa masalahnya untuk rakyat rasuah sama. Kata pepatah 'ikan tidak pernah busuk mula daripada ekor tetapi mula daripada kepala'

Sebagai langkah pertama ke arah reform yang diharapkan, saya ingin mengulangi gesaan yang pernah dibuat beberapa kali di Dewan yang mulia ini termasuk Ketua Pembangkang dan teman saya Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Gesaan dibuat supaya kerajaan menzahirkan *political will* mereka dengan tekad dan azam yang padu untuk menguatkuasakan semua peruntukan yang ada *with out fear and favor*. Pada masa yang sama kerajaan harus berani mengambil tindakan meletakkan BPR di bawah pengawasan Parlimen, bukan seperti yang berlaku sekarang ini di bawah Perdana Menteri. Perdana Menteri adalah manusia biasa seperti kita juga. Sebagai manusia dia ada keinginan, ada kemahuan, ada kesempatan, ada gesaan dalaman dan ada sifat-sifat yang tidak mulia yang kadangkala bertentangan dengan kemahuan *dzamirnya* sendiri. Seandainya BPR kekal di bawah pengawasan Perdana Menteri maka BPR sentiasa tunduk kepada tuntutan nafsu keinsanan Perdana Menteri itu. Parlimen yang mengandungi 193 anggota ini adalah tempat bermuzakarah, membincang dan meneliti daripada pelbagai sudut terhadap sesuatu perkara penting seperti gejala rasuah yang mula menular sebagai kanser di negara ini.

Anggota Dewan daripada pelbagai latar belakang dan ideologi politik diberi kesempatan berbincang hingga ke akar umbinya, sudah tentu penelitian 193 manusia ini lebih baik daripada satu kepala Perdana Menteri. Pandangan yang mengatakan

BPR hanya berupaya memberkas ikan bilis sahaja dan tidak berkemampuan membuka kes terhadap jerung-jerung belum dapat disanggah dengan meyakinkan.

Bekas Pengerusi Eksekutif Perwaja, bekas Ketua Menteri Melaka, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, bekas Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi dan yang lain-lain lagi, adalah di antara contoh jerung-jerung besar yang masih dibenarkan berenang selesa di lautan biru.

Saya percaya ini berlaku di antara lain disebabkan tangan BPR terikat di belakang, ramai yang tahu siapa pengikatnya. Malaysia mempunyai kekuatan tersendiri, kekuatan yang ada kepada kita mungkin tidak ada kepada negara lain. Kekuatan ini ialah kekuatan rohiyyah. Saya beranggapan kejayaan Singapura mungkin kejayaan sementara sahaja. Kejayaan hakiki terletak kepada kejayaan mempersepadukan kekuatan jasadiyah, kekuatan akhlah dan kekuatan rohiyyah.

Pimpinan di Malaysia mesti yakin dengan penyelesaian secara bersepadu ini. Selain daripada mengambil pengajaran daripada amalan baik negara lain, kita juga mesti merenung semula kekuatan sebenarnya yang ada, yang terhuni entah di mana untuk dikenal pasti ditonjol dan digilap. Kekuatan inilah kekuatan hakiki.

Tuan Yang di-Pertua, berikut saya ingin menyentuh tentang perkhidmatan kesihatan di tanah air kita ini. Sistem perkhidmatan kesihatan di Malaysia sedang dilanda oleh satu krisis yang sangat besar, yang kalau tidak ditangani akan mengakibatkan kesan yang amat dahsyat terhadap kemampuan kita menangani masalah yang berkait dengan salah satu *basic needs* kehidupan kita. Sejak daripada tahun 1960 hinggalah ke tahun 2000 ini seperti yang dimaklumi, perkembangan pertumbuhan hospital-hospital swasta khususnya di tahun-tahun 70-an begitu hebat sekali.

Pada penghujung tahun 80-an syarikat-syarikat gergasi mula membuka langkah menguasai hospital-hospital swasta. Sehingga tahun 2000 ini 25% katil hospital di Malaysia berada di hospital swasta, lebih daripada 50% daripada doktor pakar yang sedang berkhidmat di negara ini berkhidmat di sektor swasta. Sebahagian besar daripada mereka ini adalah bekas doktor pakar yang pernah berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan.

Tarikan yang ada di sektor swasta menyebabkan pengaliran *brain drain* ini tidak dapat dielakkan. Lazimnya selepas lapan tahun hingga ke sepuluh tahun berkhidmat, seorang pakar di hospital kerajaan memperolehi pendapatan di antara RM4,500 ke RM6,000 sebulan, sementara teman mereka di hospital swasta memperolehi pendapatan di antara RM20,000 hingga ke RM80,000 sebulan.

Bagi doktor pakar yang sudah berkhidmat hampir 20 tahun dalam perkhidmatan kerajaan biasanya memperolehi pendapatan antara RM7,000 hingga ke RM8,000 sebulan, berbanding dengan teman sejawat mereka di sektor swasta yang memperolehi pendapatan di antara RM20,000 ke RM80,000 sebulan seperti yang disebutkan tadi. Bilangan yang begitu besar yang meletakkan jawatan daripada perkhidmatan awam sepatutnya menimbulkan kerisauan kepada pihak yang berwajib.

Pada tahun 1955 – 323 pegawai perubatan dan 42 pakar perubatan meninggalkan perkhidmatan kerajaan. Trend yang sama berlanjutan setiap tahun hingga pada tahun 1998 – 253 pegawai perubatan dan 63 pakar mengambil keputusan beralih angin ke sektor swasta.

Setiap tahun hampir 20% doktor pakar kerajaan meninggalkan Kementerian Kesihatan. Saya memulakan tadi dengan mengatakan sistem perkhidmatan awam di Malaysia berada di dalam krisis yang meruncing. Pendapat saya ini disokong dengan hujah-hujah berikut:-

Kementerian Kesihatan buat sekian lamanya menghadapi kekurangan tenaga manusia. Adalah dijangkakan di antara 30% ke-40% kekosongan berlaku bagi jawatan doktor dan paramedik di seluruh negara. Seorang doktor di Jabatan Pesakit Luar hospital kerajaan pada hitung panjangnya hanya mampu memeriksa seorang pesakit dalam masa tiga minit sahaja. 46% jawatan doktor yang sepatutnya berkhidmat di 4,300 klinik luar bandar tidak diisi. Pengaliran yang berterusan di kalangan doktor-doktor dan lain-lain staf yang berpengalaman di sektor swasta, latihan doktor dan paramedik terjejas akibat kekurangan doktor yang berpengalaman terutamanya di bidang latihan. Jurang mutu perkhidmatan kesihatan bandar dan luar bandar yang semakin melebar, di bandarlah tempat tumpuan doktor pakar terutamanya di Lembah Kelang.

Tadi disebutkan bahawa program penswastaan hospital di awal tahun 70-an menjadi pencetus kepada bibit-bibit krisis sistem perkhidmatan kesihatan di Malaysia. Krisis ini bertambah parah apabila pada tahun 1993 setor ubat-ubat kerajaan diswastakan kepada Remedy Pharmaceuticals di bawah Renong.

Mengikut satu kajian pakar farmasi USM, sebaik-baik sahaja organ terpenting Kementerian Kesihatan ini diswastakan, harga ubat-ubat melonjak naik hingga ke paras 228%. Penswastaan ini menjadikan semua hospital dan klinik kerajaan mendapatkan bekalan ubat daripada syarikat monopoli ini, margin yang besar, pasaran yang *captive* dan kemungkinan berlakunya sedikit tekanan inflasi adalah merupakan di antara penyebab kenaikan harga yang tidak terkawal itu.

Pada tahun 1999, perkhidmatan sokongan hospital, dobi, penyelenggaraan peralatan dan kemudahan, mencuci kawasan hospital, penyucian *bio medical*, pembuangan bahan dan peralatan terpakai pula diswastakan kepada syarikat iaitu Konsortium Tongkah, Faber Mediserve dan Redicare. Syarikat-syarikat tersebut juga dikatakan mempunyai pertalian rapat dengan pimpinan tertinggi negara. Seperti juga dengan penswastaan pembekalan ubat-ubatan tadi, sekonyong-konyong peruntukan kewangan ditambah dengan mendadak daripada RM140 juta diperuntukkan pada tahun 1996 menjadi RM450 juta pada tahun 1997, menyaksikan kenaikan 325%.

Kenaikan kos bertambah empat kali ganda, seperti juga penswastaan yang lain. Kenaikan ini terus akan bertambah dan sesungguhnya menyusahkan rakyat. Kontrak jangka panjang 15 tahun yang diberikan kepada syarikat-syarikat swasta ini menjadikan mereka sentiasa dihujani dengan hujan emas sepanjang tempoh 15 tahun itu yang pada amalan biasanya kemungkinan besar akan dilanjutkan bila tamat tempohnya.

Projek penswastaan Kementerian Kesihatan tidak terhenti di situ sahaja. Sebagai langkah awal ke arah penswastaan total, tahun 1997 Institut Jantung Negara dikorporatkan, diikuti pada tahun 1998 hospital pengajaran Kementerian Kesihatan. Pada tahun 2000 ini perkhidmatan *telemedicine* khabarnya akan difaraidkan secara penswastaan kepada sebuah syarikat yang mempunyai kabel besar dengan pimpinan negara. Insurans kesihatan pula akan diterajui oleh peneraju swasta juga, projek pengkomputeran hospital dan klinik awam yang dijangka menelan belanja hampir

RM1 bilion juga khabarnya telah diswastakan. Syarikat durian runtuh yang telah ditentukan itu diberitakan juga mempunyai kaitan rapat dengan pimpinan negara. Kenaikan kos akibat program penswastaan ini telah menyebabkan peruntukan untuk perkhidmatan pesakit terpaksa dipotong.

Pesakit jantung umpamanya terpaksa membeli sendiri ubat-ubatan yang diperlukan. Mereka yang memerlukan alat gantian untuk kes-kes *orthopedic* juga terpaksa membayar daripada saku sendiri, tidak kira sama ada mereka mampu atau tidak.

Dalam masa yang terbatas ini, saya hanya dapat memberikan coretan ringkas sahaja mengenai krisis perkhidmatan kesihatan di Malaysia. Apa yang jelas daripada gambaran ringkas ini ialah:-

- (i) Perkembangan hospital swasta bermula pada tahun 1970 telah mengubah falsafah dan arah tuju perkhidmatan kesihatan negara ini.
- (ii) Ramai doktor dan paramedik meninggalkan perkhidmatan kerajaan memasuki hospital swasta kerana tawaran gaji yang lumayan.
- (iii) Kualiti perkhidmatan di hospital awam terus merosot akibat kehilangan ramai tenaga mahir.
- (iv) Keyakinan rakyat terhadap kemampuan hospital awam kian terhakis.
- (v) Orang awam terpaksa mendapatkan rawatan di hospital swasta dengan pengorbanan yang besar kerana hilang keyakinan kepada kemampuan dan kebolehan hospital kerajaan.
- (vi) Rakyat Malaysia terpaksa menerima hakikat bahawa perkhidmatan kesihatan yang merupakan kumpulan asasi ini bukan lagi berlambangkan mutu dan khidmat yang cekap tetapi berlambangkan tanda ringgit dan sen.

Bagi mengurangkan penderitaan rakyat akibat didesak oleh peningkatan kos perubatan di luar kemampuan mereka dan sebagai langkah mengatasi krisis sistem perkhidmatan kesihatan ini, saya ingin mencadangkan perkara-perkara berikut:-

Sebahagian daripada cadangan ini adalah sekadar mengulang gesaan yang telah dibuat oleh badan-badan lain seperti MMA, CHI, FOMCA, MTUC dan sebagainya. Selain daripada badan-badan ini, cadangan ini juga menggambarkan paparan kelemahan rakyat sejangatnya:-

- (i) Kerajaan perlu memberhentikan segala rancangan untuk terus mens wastakan perkhidmatan kesihatan di negeri ini.
- (ii) Kerajaan terus segera menjalankan satu kajian yang menyeluruh dan *impartial* tentang syarikat-syarikat yang telah dianugerahkan projek penswastaan bagi menentukan tahap prestasi syarikat-syarikat yang mendapat projek penswastaan tersebut. Kajian yang dicadangkan ini perlu untuk melihat dengan teliti bagaimana wang rakyat dibelanjakan.
- (iii) Mengadakan skim pembiayaan kesihatan seperti yang pernah diumumkan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, sehingga hari ini cadangan itu tenggelam entah di mana.
- (iv) Kerajaan boleh memikirkan untuk membayar premium insurans di bawah skim pembiayaan kesihatan itu terutama kepada golongan yang tidak berkemampuan.
- (v) Kerajaan perlu menambah peruntukan yang diberikan kepada perkhidmatan kesihatan, setidak-tidaknya dinaikkan ke kadar 4% KDNK, selari dengan perakuan yang dibuat oleh WHO iaitu di antara 4% ke -8% KDNK.
- (vi) Kerajaan perlu telus dalam segala tindakannya terutama yang berkaitan dengan program penswastaan perkhidmatan kesihatan. Ketelusan ini mesti dibayangkan secara yang paling bertanggungjawab sebab sudah sekian lamanya perkara ini menjadi tanda tanya. Kementerian dikehendaki:-
 - (a) Menyatakan dengan rasa penuh amanah semua syarikat yang terpilih dalam program-program penswastaan Kementerian Kesihatan.

- (b) Menafikan khabar angin yang mengatakan anak Perdana Menteri atau syarikat yang melibatkan anak Perdana Menteri dan lain-lain pemimpin tertinggi negara terlibat secara langsung atau tidak secara langsung dalam program penswastan itu.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, mengenai sistem perkhidmatan kesihatan nasional ini, saya ingin mencadangkan supaya ditubuhkan Majlis Kesihatan Kebangsaan yang bertindak sebagai pengantara di antara rakyat dan kerajaan. Majlis ini bolehlah menerima aduan, pandangan dan perakuan daripada badan-badan yang berminat dan orang perseorangan yang prihatin. Berikutan dengan itu, diperakukan beberapa *reform* yang diperlukan untuk memperbaiki dan terus mempertingkatkan kemampuan dan keupayaan sistem perkhidmatan kesihatan di negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhirkannya, saya ingin menyentuh sedikit mengenai hal keamanahan. Ketua Pembangkang dan wakil Kubang Kerian dalam ucapan mereka, ada menyentuh soal penglibatan kerajaan menyokong harga saham syarikat berasaskan judi seperti Genting Berhad, Resort World Berhad, Magnum Corporation Berhad, Tanjong Public Limited Company, Berjaya Sports Toto Berhad, Metroplex Berhad, Repco Holdings dan sebagainya.

Di sini saya ingin menyentuh penglibatan Permodalan Nasional Berhad (PNB) dalam kegiatan yang bertentangan dengan amalan agama Islam yang suci itu. Daripada semakan yang dibuat, Permodalan Nasional Berhad memegang 76,555,492 saham atau 12.560% milik Hup Seng Consolidated Berhad. Hup Seng pula memegang 39,326,250 saham atau 25.700% Carlsberg Brewery Malaysia Berhad. Jelas PNB terlibat melanggan saham syarikat yang melanggan saham syarikat yang bertentangan dengan syariah Islamiah.

Atas nama keamanahan, Tuan Yang di-Pertua, keimanan dan ketakwaan bagi mereka yang cintakan Allah dan Rasulnya, saya ingin mendapat penjelasan dan kepastian daripada Kementerian Kewangan mengenai:

- (a) pelaburan PNB secara langsung atau tidak secara langsung di dalam kaunter syarikat-syarikat yang dilarang untuk dilabur oleh

Islam seperti Carlsberg Brewery Malaysia Berhad yang disentuh sebentar tadi, syarikat-syarikat perjudian, bank dan institusi kewangan conventional dan lain-lain lagi

- (b) butir-butir yang diperlukan termasuklah tarikh langganan dan jumlah pelaburan ke atas syarikat-syarikat yang dinamakan dan
- (c) apakah kedudukan saham-saham amanah seperti ASN, ASB dan lain-lain saham amanah yang melibatkan pelaburan pelabur-pelabur Islam.

Kita bermohon kepada Allah S.W.T., Tuan Yang di-Pertua, supaya usaha kerdil kita untuk memajukan umat diberkati dan diredai Allah Maha Pencipta supaya Allah sentiasa membuka pintu taufik dan hidayah kepada kita semua. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kuala Kedah.

5.14 ptg.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]: Assalamualaikum w.b.t. penat dengar Parit Buntar bercakap tadi, sekarang kita relaks. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, 30 tahun dahulu Dasar Ekonomi Baru dilancarkan oleh Almarhum Tun Abdul Razak. Dasar Ekonomi Baru ini lahir di antaranya kerana sebelum 13 Mei berlaku kepincangan di dalam pencapaian ekonomi orang-orang miskin dan kaya begitu ketara sekali sama ada bumiputera, orang India di estet, ataupun orang-orang Tionghua di kampung-kampung baru. Hasil ketidakeimbangan ekonomi dan sosial itu tercetusnya peristiwa 13 Mei di mana golongan yang berniat jahat mudah sahaja menghasut sesuatu pihak dan akhirnya terjadilah rusuhan yang sama sekali kita tidak ingin ianya berulang. Kita lihat pada waktu itu permulaan Dasar Ekonomi Baru di mana pihak kerajaan menubuhkan berbagai jenis agensi khasnya untuk menolong bumiputera sama ada PNB ataupun badan-badan amanah saham yang lain.

Banyaklah ekuiti-ekuiti asing dibeli oleh badan-badan ini dan juga syarikat-syarikat lain mula dibeli oleh badan-badan ini sehingga orang menganggap bahawa dasar Tun Razak mirip kepada sosialis iaitu ke arah memiliknegerakan harta-harta asing. Ada kritikan-kritikan yang demikian rupa. Untuk menjayakan Dasar Ekonomi

Baru (DEB) itu, pada waktu itu peranan BPR amatlah dilihat sebagai agak telus terutama sekali ketika BPR di bawah pengarah yang terkenal iaitu Datuk Harun Hashim yang diberi award baru-baru ini kerana kegigihannya di dalam kerjanya. Dua orang diberi penghargaan iaitu Datuk Harun Hashim dan sekarang Tan Sri dan seorang lagi Tan Sri Ahmad Nordin. Ini di antara dua pegawai yang bekerja kita lihat tidak takut kepada sesiapa. Pada waktu itu pegawai-pegawai kerajaan, menteri-menteri, pegawai-pegawai polis, bila mereka nampak pegawai BPR mereka rasa gerun. Kalau dalam satu restoran pegawai BPR sedang minum-minum di situ, pegawai kerajaan, pegawai polis ataupun pemimpin politik tidak berani masuk restoran itu kerana mereka lihat saja pegawai BPR, mereka sudah rasa gerun. Sekarang, menteri-menteri tidak gerun langsung dengan pegawai-pegawai BPR bahkan boleh bersembang, boleh bermain sekali, ertinya kegerunan itu sudah pun hilang.

Tuan Yang di-Pertua, peranan BPR itu cukup penting untuk sesuatu program dan perancangan itu dapat dilaksanakan. Tahniah kepada pegawai BPR yang menjalankan tugas dengan baik seketika dahulu. Di zaman Tun Hussein Onn, dasar-dasar baru tidak banyak diperkenalkan tetapi Tun Hussein Onn, Almarhum terus menjalankan tugas-tugas dengan agak baik menyambung dasar yang dibuat oleh Almarhum Tun Abdul Razak.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Kuala Kedah. Saya tertariklah dengan saranan yang diutarakan oleh Yang Amat Berhormat tentang membasmikan rasuah ini dan terutama bagaimana agensi BPR ini patut diberi satu penghormatan. Adakah pada pandangan Yang Berhormat, dewasa ini bahawa kerajaan ataupun rakyat langsung tidak mengiktiraf peranan dan tanggungjawab agensi Badan Pencegah Rasuah ini sehinggakan Yang Berhormat menggambarkan bahawa seolah-olah semua orang yang ada di muka bumi Malaysia ini terpaksa gerun dan takut kepada BPR ini seolah-olah mereka ini makhluk asing dalam ini. Itukah yang dimaksudkannya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamad bin Sabu: Terima kasih. Sebahagian besarnya sekarang ini, peranan Badan Pencegah Rasuah dipertikaikan. Banyak sudah ahli-ahli Parlimen lain bercakap soal senarai nombor 8, 10 dan sebagainya, soal pertikaian di peringkat antarabangsa, sehingga bekas Ketua Hakim Negara sendiri menyatakan kalau dia dituduh, dia tidak mahu dibicarakan di Mahkamah Malaysia. Siapa kita hendak dibandingkan dengan Tun Suffian. Ini yang kita maksudkan di sini.

Tuan Yang di-Pertua, selepas Almarhum Tun Hussein Onn, maka negara kita diambil alih oleh pemerintah, Perdana Menteri yang ada sampai sekarang. Di peringkat awal muncul Perdana Menteri ini ianya memberi harapan cukup baik kepada Malaysia terutama slogan Bersih, Cekap dan Amanah. Beliau sendiri dalam ucapan awalnya terutama 100 hari pemerintahannya beliau berjanji untuk kejar rasuah dan pengamal rasuah hingga ke lubang cacing. Maka di waktu itu kita lihat rakyat menyokong kepimpinan beliau, menyokong parti beliau, menyokong kerajaan beliau sehingga pada waktu itu parti pembangkang khasnya PAS hampir tutup buku.

Tuan Yang di-Pertua, selepas itu kita lihat program penswastan bermula secara besar-besaran di awal tahun 80-an dan besar-besaran di akhir tahun 80-an. Pengkritik-pengkritik ekonomi seperti Profesor Dr. Jomo dan termasuk Profesor Ungku Aziz sendiri dan lain-lain mereka yang tidak terlibat dalam politik secara direct pada waktu itu menyatakan bahawa bahayanya penswastan secara berleluasa tanpa kawalan.

Kebimbangan mereka itu akhirnya menjadi kenyataan. Apa yang berlaku di akhir tahun 90-an di tahun 2000 ini, apa yang berlaku di zaman Tun Razak, *reverse* balik sekarang ini. Di zaman Tun Razak, kerajaan dan juga badan-badan amanah membeli harta-harta asing, sekarang ini, harta-harta milik negara ini mula dijual semula. Sebab itu saya meletakkan Belanjawan ini mukadimah "*Malaysia For Sale*" iaitu "Malaysia untuk Dijual". Kebimbangan ini bukan sahaja disuarakan oleh pembangkang tetapi secara tersirat yang mendalam, ianya juga disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Tambun dan juga Yang Berhormat bagi Parit Sulong sebab saya menganggap dua orang ini ada *brain* sikitlah kalau dibandingkan dengan yang lain.

[Ketawa]

Walaupun dalam bentuk mereka menyokong kerajaan dengan begitu hebat, tetapi kata-kata tersirat terbenam di dalam jiwa mereka apabila Yang Berhormat bagi Parit Sulong mengatakan bahawa ekuiti yang terlepas sekarang ini kepada British Telecom, kepada jutawan-jutawan di Hong Kong dan sebagainya, adakah satu hari boleh kita miliki semula? Lebih malang lagi apabila kita dengar di penghujung ini, berlaku pula misalnya hendak jual MAS, Pelabuhan Barat dan lain-lain lagi. Kebimbangan ini disuarakan terus, bukan hanya oleh pembangkang, termasuklah Ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO iaitu bekas Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Annuar Musa.

Beliau dalam tulisannya dalam akhbar *Utusan Malaysia*, secara panjang lebar mengatakan bahawa di antara cadangan beliau, untuk memulihkan UMNO perlu melalui 10 perkara. Di antaranya kata beliau, kebimbangan yang disuarakan selama ini, akhirnya diakui sendiri oleh Ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO. Kata beliau, dasar-dasar kerajaan yang dijalankan sekarang melahirkan kumpulan elit Melayu, elit UMNO dan yang bukan elit. Ertinya, kebimbangan parti pembangkang dahulu iaitu Dasar Ekonomi Baru melahirkan 'UMNOputera', bukan menolong bumiputera tetapi menolong 'UMNOputera', ianya menjadi kenyataan apabila ianya diakui oleh bekas Menteri Pembangunan Luar Bandar.

Beliau juga mencadangkan misalnya, untuk memulihkan UMNO, kata bekas Menteri ini UMNO perlu dileburkan habis-habis dan buat baru kerana yang ada sekarang menurut pandangannya tidak dapat diperbaiki lagi. Dan menurut bekas Menteri Pembangunan Luar Bandar itu lagi iaitu dasar UMNO perlu diubah iaitu UMNO hendaklah pergi kepada dasar Islam. Sahlah yang selama ini kita mengatakan bahawa ianya tidak berteraskan dasar Islam, dahulu ditolak oleh pemimpin UMNO, sekarang ini Ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO mengatakan bahawa UMNO hendaklah kembali kepada dasar Islam untuk *survive* pada masa yang akan datang.

Kemudian bekas Menteri itu juga mengatakan bahawa wujudnya pilih kasih, wujudnya kroni dalam membina kekayaan di Malaysia sekarang ini, terutamanya diamalkan oleh pemimpin-pemimpin parti.

Tuan Yang di-Pertua, masalah ini biarlah kita sebagai Ahli Parlimen, berbincang secara serius, bukan mengikut parti. Saya mahu pada masa yang akan

datang, kalau tidak sekarang pun kalau ada rang undang-undang yang dibentangkan, kita mahu ada di kalangan kita misalnya, pembangkang ada yang menyokong, ada yang menentang rang undang-undang itu. Kita mahu juga pada masa yang akan datang, kalau rang undang-undang dibentangkan, di pihak kerajaan juga, ada yang menyokong dan ada yang memberi pandangan menentang rang undang-undang itu.

Sekarang ini, masalahnya kita lihat trend politik kita, misalnya kalau ada pembangkang, dia cari jalan macam mana hendak membangkang satu perkara. Itu tidak baik. Begitu juga di pihak kerajaan, dia cari jalan hendak sokong walaupun masalah rasuah sudah menjadi perkara umum di Malaysia sekarang dan diketahui oleh dunia, bangkai yang tidak boleh ditutup lagi. Masih hendak pertahan lagi. Ha, ini yang buruk ini.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh minta penjelasan sedikit Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, boleh?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya tertariklah dengan ucapan Yang Berhormat tadi mengatakan kita kena serius dalam Parlimen ini. Adakah Yang Berhormat ingin menegur rakan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu dan lain-lainnya dengan tragedi yang berlaku pada Belanjawan pada 27 haribulan yang lalu? Terima kasih.

Tuan Mohamad bin Sabu: Allah, itu Tuan Yang di-Pertua lama di sini. Dahulu semasa pihak kerajaan ramai, lagi teruk wakil-wakil rakyat dahulu. Tidak tengok Yang Berhormat bagi Arau macam mana, Yang Berhormat bagi Yan macam mana yang dahulu. Ini kira cukup baik ini, macam ini. *[Menunjuk ke arah Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu]*. Tambahan lagi Yang Berhormat bagi Pasir Mas dahulu lagi teruk. *[Ketawa]* Yang Berhormat bagi Jelutong dahulu biasa halau Tuan Speaker keluar. *[Ketawa]* Sekarang tidak ada. Sekarang ini kelembutan yang abadi. Jangan bimbang. *[Ketawa]* *[Tepuk]*

Masalah rasuah biarlah kita lihat secara serius sekarang ini. Tadi yang dijelaskan oleh Yang Berhormat bagi Parit Buntar secara panjang keadaan di

Singapura. Kita rasa malu. *Point* kita *score* dari sudut *transparency international* ialah 9.6. 9.6 ini angka tidak rasuah 10. Bererti kalau junam di Olimpik, wakil Singapura junam, air tidak mercik langsung. Malaysia 5.4, bukan setakat mercik, basah habis kolam. *[Ketawa]* Bukan kepala turun dahulu, perut jatuh dahulu. *[Ketawa]* Ini soal indeks rasuah di Malaysia sekarang ini. Kita bertanggungjawab membuat undang-undang di negara ini, apa sudah jadi dengan negara kita sekarang ini?

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga tanggungjawab menteri-menteri ataupun tanggungjawab pihak yang berwajib. Kadangkala kita lihat kita di sini tidak ada sifat tanggungjawab. Jadi apa-apa di kementerian, kita tidak kisah. Saya ada keratan akhbar sedikit sahaja ini. Ini negeri yang dianggap negeri Mullah, Iran. Sukan bukan menjadi agenda utama mereka. Mereka ini dianggap golongan fanatik, golongan expert revolusi, golongan ganas, tetapi apabila pasukan bola sepak mereka kalah dengan Korea, 2-1, Parlimen Iran minta menteri letak jawatan dan pengurus bola sepak iaitu, Thali Bani, letak jawatan. Mereka minta Presiden Iran pecat Menteri Sukan. Ini Iran. Negeri yang orang anggap bukanlah sukan menjadi agenda utama.

Malaysia habis berpuluh juta untuk menyediakan atlet, pergi ke sana, satu piala pun tidak dapat, Menteri Sukan boleh senyum merata begitu. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sekejap. Yang Berhormat, saya sambungkan mesyuarat selama 15 minit sehingga selesai ucapan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ya, boleh.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan kenyataan Yang Berhormat tadi mengatakan mengenai sukan bola sepak di Iran dan Parlimen mendesak supaya Menteri Sukan meletak jawatan, adakah Yang Berhormat juga berpendapat di Malaysia ini, patut kita adakan secara terbuka di Parlimen ini, minta Menteri juga letak jawatan?

Tuan Mohamad bin Sabu: Saya kata tadi, ini bukan lagi jadi trend di Malaysia. kalau hendak letak jawatan, tuan-tuan sekalian, habis kesemua, terutama sekali Menteri Pengangkutan. *[Disampuk]* “Lesen terbang” lima tahun, sehingga pramugari di udara dapat “lesen terbang” *[Ketawa]* Bukan sebagai *pilot* tetapi “lesen

terbang”, tidak payah uji kaji tetapi terus dapat lesen. Yang saya sebut di sini, tanggungjawab tidak ada, rasa bersalah tidak ada dan rakyat dididik supaya terus menyokong pemerintah seperti ini, tidak diajar supaya rakyat bersikap *criticize* terhadap apa yang berlaku itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat bahawa keluhan terhadap dasar negara ini, perjalanan negara ini, saya kata tadi, bukan hanya daripada Ahli Parlimen Pembangkang, bahkan sudah sampai ke peringkat mereka yang dahulu berjawatan Menteri ataupun peringkat Ahli Majlis Kerja Tertinggi yang saya contohkan tadi iaitu pandangan yang diberi oleh Dato’ Seri Annuar Musa.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga sekali lagi dikejutkan dengan kenaikan harga barang yang berlaku sekarang ini. RM3.3 bilion digunakan, ditarik subsidi itu untuk membolehkan harga minyak petrol naik 10% ataupun 10 sen untuk satu liter. Sekarang ini, kita tahu harga komoditi, khususnya kelapa sawit dan getah berada di paras yang cukup rendah. Ramai yang telah mengeluarkan hujah-hujah ini. Cuma saya ingin menambah keadaan mereka cukup teruk sekarang ini, berduyun-duyun mereka mula keluar dari FELDA. Bukan keluar meninggalkan FELDA tetapi keluar untuk mencari kerja di bandar-bandar. Kerajaan kalau boleh membantu syarikat-syarikat besar, berbilion-bilion ringgit dalam Danaharta, kenapa tidak boleh untuk buat stok penimbal mengeluarkan wang bilion ringgit untuk menyelamatkan kedudukan harga getah dan harga kelapa sawit.

Saya juga mengalu-alukan iaitu, kerajaan memansuhkan cukai terhadap alat-alat yang dibeli untuk kegunaan orang-orang cacat. Saya rugi sebab saya beli sehari sebelum belanjawan, tiga kerusi roda untuk orang-orang cacat di kawasan Kuala Kedah. Sehari selepas itu, cukai dihapuskan. Saya harap bukan setakat cukai dihapuskan tetapi siapa yang beli barang-barang untuk kegunaan orang-orang cacat sama ada kerusi roda, tongkat dan sebagainya, mereka bawa resit itu mereka boleh *claim* daripada ‘Kementerian Kebajikan Masyarakat’. Sudah tiba masanya negara kita yang dianggap kaya ini memberi khidmat kepada golongan ini. Di kawasan Kuala Kedah, kawasan saya sendiri, orang-orang yang cacat ini cukup ramai barangkali taraf kesihatan mereka amat rendah. Bila berlaku demam panas dan tarik sawan dan sebagainya mereka tidak cepat-cepat bawa ke hospital atas sebab ekonomi

yang begitu daif maka ramai orang-orang cacat di kawasan Kuala Kedah. Saya temui dalam satu rumah, tiga orang cacat berumur 40 tahun, 35 tahun dan 27 tahun, kesemuanya tidak boleh berjalan. Kakaknya seorang sahaja yang memelihara adik-adiknya itu dan bapanya pula sudah uzur. Kerajaan hanya beri RM40 sebulan untuk seorang bererti RM120 untuk 5 orang makan dan duduk di sebuah rumah. Pergi ke Alor Setar pergi balik RM20 tinggal RM10 untuk 5 orang makan. Ini terdapat begitu ramai orang-orang seperti ini di Kuala Kedah. Hendak tahu Kuala Kedah miskin macam mana, tunggu bagi PAS memerintah, TV3 akan keluarkan kemiskinan di negeri Kedah. *[Ketawa]*.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga sekarang ini, kita lihat suasana politik dalam negara kita terutama selepas pilihan raya. Kita tahu pilihan raya yang lalu di mana Barisan Alternatif - PAS dan KeADILan dapat 32 kerusi. Ertinya 80 peratus ke atas undi Melayu maka UMNO dan Barisan Nasional kalah di tempat itu. Kalau di negeri Kedah hanya 2 kerusi sahaja yang dimenangi oleh UMNO - Barisan Nasional atas undi bumiputera - undi Melayu iaitu Kubang Pasu dan Langkawi. Kami dapat 8, UMNO dapat 5 sahaja.

Seorang Ahli: Sungai Petani.

Tuan Mohamad bin Sabu: Sungai Petani pun kalau ambil undi Melayu sahaja kalah juga tetapi konsep Barisan Nasional mereka kuat, alhamdulillah maka adalah wakil rakyat mereka di sini daripada Barisan Nasional.

Kelantan dan Terengganu yang negeri kita lihat 95 peratus orang Melayu, kita lihat UMNO - Barisan Nasional tidak menang kecuali Gua Musang, itu pun diselamatkan hanya dengan undi Orang Asli. Mengakulah bahawa sekarang ini UMNO bukan lagi menjadi pemimpin kepada orang Melayu dan bumiputera. *[Tepuk meja]*. MCA jangan bergantung di dahan yang rapuh, jangan bersandar di tiang yang rapuh, sebab itulah kita lihat sekarang ini bahawa di Selangor ini sendiri kajian yang teliti kita buat lebih 65 peratus orang-orang Melayu khususnya bersama dengan Barisan Alternatif.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu: Sekejap. Saya ada masa sedikit lagi.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Saya tertarik dengan perbincangan Yang Berhormat tadi. Kita mengkaji sokongan Melayu pada parti PAS ataupun parti UMNO. Sebenarnya saya juga melihatkan keadaan ini. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, PAS hidup di kawasan tanaman padi di KADA, MADA sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, Tanjung Karang dan sekarang ini pergi ke kawasan FELDA. Kawasan-kawasan tanaman padi, kawasan-kawasan FELDA pun miskin. Orang Melayu itulah Yang Berhormat sebutkan tetapi di kawasan-kawasan lain saya kira orang Melayu masih lagi menyokong Barisan Nasional. Macam mana PAS ini boleh berakar umbi di kawasan kemiskinan Melayu? Ini saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat kenapa PAS hidup dalam keadaan itu?

Tuan Mohamad bin Sabu: Shah Ala m, Gombak [*Ketawa*] Titiwangsa, Kuala Terengganu, banyak lagilah kalau kita hendak ambil kajian itu. Sebenarnya yang menyokong kami sekarang yang kaya, miskin, korporat, intelektual dan pelbagai jenis manusia. Kami masih lagi dan akan tetap, tegaskan bahawa kita berjuang melalui demokrasi iaitu, kita menang atau kalah, kita pegang kepada prinsip demokrasi.

Untuk bertanding dalam pilihan raya, dasar parti, program parti mesti diketahui oleh orang ramai. Kesilapan lawan mesti diketahui oleh orang ramai. Maka cara hendak beritahu orang ramai melalui media, TV kami tidak boleh, radio tidak boleh, surat khabar disekat, apa yang ada ruang kepada kami hanyalah majlis ceramah. Ceramah pula disekat. Ini demokrasi “binatang” apa ini? [*Ketawa*]. Kalau ceramah pun disekat, banyak negeri-negeri cuba menyekatnya bagaimana kita hendak sampaikan maklumat parti, maklumat perjuangan pada orang lain misalnya dalam pemilihan raya yang lepas, surat-surat khabar Tionghua khasnya menggambarkan, kalau Barisan Alternatif memerintah, orang Cina tidak boleh makan babi, orang Cina tidak boleh sembah tokong, orang Cina tidak boleh sambut Tahun Baru.....

Seorang Ahli: Tidak boleh main judi.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tidak main judi itu memang, tidak patut main judi pun. Orang Cina tidak boleh minum arak dan ini yang digambarkan semasa pilihan raya. Maka orang-orang Tionghua masih takut kepada Barisan Alternatif.

Kami perlu ruang untuk menerangkan perkara ini kepada orang ramai. Ruang itu tidak boleh, TV tidak boleh maka yang boleh hanyalah melalui ceramah. Kalau ceramah pun tidak boleh, kita bimbang kalau ini terus disekat, ditahan, kita bimbang berlaku seperti di Iran, di Filipina, di Indonesia, kita tidak mahu, tetapi arus ini jangan cuba disekat.

Pasukan keselamatan polis tugasnya menjaga keamanan negara bukan menjaga UMNO dan Barisan Nasional.[*Tepuk meja*]. Ini yang kita lihat ceramah-ceramah disekat khasnya sekarang ini di Selangor, di Lembah Kelang, sedangkan kita buktikan semua ceramah-ceramah kita berlaku dalam keadaan aman dan tenteram.

Dua minggu lepas kita buat himpunan besar di Sungai Petani dihadiri lebih daripada 100,000 manusia. Dalam himpunan mempertahankan nama Islam itu, tidak ada satu pun insiden pergaduhan dan sebagainya. Maka atas alasan apa pihak keselamatan untuk menyekat ceramah-ceramah di tempat lain, tidak lain melainkan alasan yang ditekan oleh pemimpin-pemimpin UMNO dan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional.

Sekarang keadaan sudah tenang, biarlah kita tenang melihat suatu perkara misalnya Kumpulan Al-Ma'unah. Satu perkara yang kita terkejut ianya berlaku. Kita lihat komponen Al-Ma'unah itu ada ahli PAS, ada ahli UMNO, ada bekas tentera, ada bekas polis, ada pegawai kerajaan, ada pegawai swasta, ertinya Al-Ma'unah itu masyarakat majmuk. Barangkali tuan-tuan sekalian apa yang berlaku itu satu generasi yang telah menunjukkan tidak puas hati mereka terhadap kerajaan ini daripada pelbagai golongan parti dan berbagai-bagai golongan masyarakat. Sebab itulah kita harap pihak Kementerian Dalam Negeri, kita mahu bertindak biarlah adil, kita mahu kalau berlaku peralihan kuasa berlaku dengan begitu baik, kita tidak mahu berlaku peralihan kuasa seperti yang berlaku di Iran, Jeneral-jeneral terpaksa lari, ketua-ketua polis terpaksa lari, di Burma pun begitu juga, di Filipina begitu juga, kita mahu berlaku dengan begitu baik, dengan aman dan tenteram seperti di Kelantan, mudah saja aman, Terengganu aman. Pilihan raya akan datang pun kita harap aman. Perdana Menteri kita balik ke Kubang Pasu, kemudian sama ada akan duduk dalam penjara ataupun Pendang pergi angkat sumpah dengan baik berlaku dalam keadaan tenteram peralihan kuasa. Minta Tanjong Karang

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih. Yang Berhormat menyatakan tadi tetapi telah diulas. Saya hendak tanya Yang Berhormat, sebelum PAS memerintah di Terengganu dan Kelantan ini, siapa yang memerintah? Adakah peralihan kuasa itu menjadi kalam kabut? Yang kita tahu kalam kabut ini PAS, belum lagi isytihar lagi kemenangan secara rasmi, sudah pergi kepong rumah Menteri Besar, sudah isytihar itu dan ini. Siapa yang gelojoh kuasa ini?

Tuan Mohamad bin Sabu: Tidak ada pergaduhan. Kepung itu hendak jaga fail *[Ketawa]* supaya fail-fail jangan dibawa lari dan fail itu ada kepada Marang sekarang ini, tunggulah dibuka satu demi satu dan begitulah juga pernah berlaku di Kelantan dulu, fail sempat dibawa lari. Kali ini, tidak sempat dibawa lari.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun seorang Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah hendak cukup sudah tu.

Tuan Mohamad bin Sabu: Hendak cukup sudah? Ulang yang hujunglah, tidak usahlah, tidak usahlah, lain kalilah.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Lain kalilah Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ulang supaya marilah kita membina balik negara kita yang menuju kepada kehancuran. Kita tidak mahu seperti Perdana Menteri berucap di Hong Kong. Beliau mengatakan janganlah menjadi tumpuan untuk menukar kerajaan. Apa ertinya tukar kerajaan kata Perdana Menteri kita di Hong Kong jikalau kerajaan yang akan naik nanti melakukan rasuah dan kesalahan yang sama seperti kerajaan dulu iaitu dia mengaku bahawa kerajaan dia rasuah dan dia kata kalau naik kerajaan baru pun akan buat rasuah yang sama. Ini pengakuan Perdana Menteri berucap di Hong Kong baru-baru ini. Ucapan itu amat memalukan kerana ia disiarkan di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat, minta gulung ya.

Tuan Mohamad bin Sabu: Gulung, jadi saya harap untuk membersihkan, memulakan langkah-langkah pemeriksaan itu, BPR saya gulung balik perlu

diperbetulkan dan langkah yang paling cepat ialah dakwa Datuk Shafei Yahya, dakwa segera Datuk Shafei Yahya yang dia telah pun bercakap bohong dalam mahkamah mungkin, kerana pihak Jabatan Perdana Menteri mengatakan jawapan kepada DAP tidak ada kes terhadap Abul Hassan, bekas Ketua Pengarah EPU. Oleh itu kalau tidak ada kes, dakwa kerana dia saksi bohong. Dulu Katigesu didapati membunuh ratu cantik India, kemudian seorang saksi palsu maka saksi itu didakwa, dijel 10 tahun kerana membuat pengakuan palsu dan Katigesu dibebaskan. Adakah sekarang kerajaan sanggup dakwa Datuk Shafei Yahya untuk beliau memberi penerangan dalam mahkamah tentang halangan yang dibuat oleh Perdana Menteri terhadap beliau semasa beliau menjalankan tugas. Kalau sanggup itu, saya ucapkan syabas kepada kerajaan Barisan Nasional. Sekian terima kasih [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat masa sudah cukup ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga hari Isnin hadapan jam 10 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.45 petang.

Oktober 2000

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

- “ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna , Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J, P.I.S (Bakri)
- " Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- Yang Berhormat Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- ” Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)

- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato’ Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)

- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Noh bin Haji Omar, D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- " Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)

- “ Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- Yang Berhormat Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)

- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato’ Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Sera)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- ” Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)

- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K., P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhammad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- ” Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- Yang Berhormat Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- ” Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- ” Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- Yang Berhormat Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)

- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Panglima Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, S.P.D.K., D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman

Mazidah binti Mohamed

Paizah binti Sallehudin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Hajah Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Mashitah binti Kamaruddin

Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd. Azmi bin Embong

Sulaiman bin Sirad

Azzahar bin Hashim

PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub

Haji Latif bin Ismail

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT KETIGA

Jilid II

Bil. 59

Khamis

2 November 2000

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG DAN USUL:

Rang Undang-undang Perbekalan 2001 dan
Usul Anggaran Pembangunan 2001

(Halaman 22)